

**Jilid II  
Bil. 5**



**Hari Isnin  
24hb Mac, 1980**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament***

**PENGGAL KEDUA  
*Second Session***

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 581]  
MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH S.O. 18:**

**Hukuman Mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri—Rayuan  
[Ruangan 633]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 636]**

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 637]**



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (Dr) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J. D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- " Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- " Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- " Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.P.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASKHAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR. CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K. P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom bin Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 24hb Mac, 1980

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

UNIT HELIKOPTER UNTUK MANGSA  
KEMALANGAN JALANRAYA

1. Tuan Alias bin Md. Ali bertanya Menteri Kesihatan iaitu memandangkan bertambahnya kemalangan jalanraya yang mengorbankan nyawa di jalan-jalanraya (highways) sama ada Kementeriannya bercadang hendak menggunakan unit helikopter untuk mengangkat mangsa-mangsa kemalangan yang teruk dengan cepat bagi mendapat rawatan di hospital-hospital yang mempunyai kelengkapan yang lebih baik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan menggunakan unit helikopter untuk membawa mangsa-mangsa kemalangan jalanraya ke hospital-hospital untuk rawatan oleh kerana perkhidmatan ambulans bagi tujuan tersebut adalah mencukupi; tetapi unit helikopter adalah digunakan oleh Kementerian apabila ada kes kecemasan yang memerlukan rawatan kepakaran di hospital besar. Helikopter ini didapati dari Kementerian Pertahanan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar tentang satu cadangan yang telah dibuat oleh bekas Menteri Kesihatan bahawa adalah menjadi rancangan Kerajaan untuk menubuh satu unit kecemasan untuk memberi bantuan kecemasan kepada

mangsa-mangsa kemalangan di jalanraya dan jika beliau sedar saya suka mendapat tahu apakah perkembangan tentang syor itu?

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang hal ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini demi kepentingan keselamatan orang ramai di Malaysia hari ini dan kerana memandangkan kian bertambah kes-kes kemalangan berlaku di seluruh Malaysia maka bilakah Kementerian Kesihatan akan melengkapkan perkhidmatan emergencynya sepertimana yang ada dalam tayangan wayang gambar yang bertajuk "Emergency" supaya standard perkhidmatan ini bolehlah dipertingkatkan?

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan unit perkhidmatan kecemasan yang ada sekarang adalah dianggap mencukupi, oleh itu tiada cadangan lain yang hendak dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat tengok filem "Emergency" di T.V.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada! Sebab itu dia tidak tahu (*Ketawa*).

LEBUHRAYA TIMUR-BARAT—  
PEMBINAAN

2. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab yang utama pembinaan Lebuhraya Timur-Barat telah memakan masa dan belanja yang di luar jangkaan yang sebenar sebagaimana yang dirancangkan.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dibangkitkan berkali-kali di dalam Dewan ini pada persidangan-persidangan yang lalu. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menerangkan kedudukan projek dan kemajuan setakat ini.

Dalam tahun 1969 Kerajaan telah mengarahkan Kementerian saya untuk memulakan Lebuhraya Timur-Barat. Pembinaannya hendaklah dijalankan oleh J.K.R. sendiri dengan tenaga buruh yang boleh didapati dari kem pelabur dan lombong-lombong yang ditutup.

Berikutan dengan arahan tersebut tindakan serta-merta diambil untuk menjalankan kerja-kerja permulaan seperti ukur, rekabentuk dan perancangan mengenai pelaksanaan. Mengikut keadaan biasa kerja-kerja permulaan memerlukan masa yang panjang untuk dilaksanakan dengan teliti tetapi oleh sebab urgency, kajian-kajian yang dijalankan tidak begitu mendalam dan ianya hanya siap dalam tempoh 3 tahun iaitu sehingga tahun 1972. Oleh itu, hanya dalam tahun 1973 sahaja kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan sepenuhnya.

Perlu ditekankan di sini bahawa projek Lebuhraya Timur-Barat ini merupakan satu projek jalanraya yang paling sukar pernah dilaksanakan di negara ini. Projek ini panjangnya lebih kurang 72 batu adalah merentasi hutan belantara, banjaran gunung dan kawasan-kawasan yang sukar dilalui. Keseluruhannya projek ini terletak di atas kawasan yang tinggi iaitu di antara 2,500 kaki sehingga 3,000 kaki di atas paras laut. Oleh itu, masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek adalah lebih sukar daripada yang dijangkakan. Oleh sebab ketiadaan kajian yang mendalam di dalam pelaksanaan berbagai-bagai masalah yang dihadapi seperti batu-batu pejal dan lereng-lereng yang curam yang menyebabkan aliran jalan terpaksa diubah-ubah.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, projek ini terletak di dalam kawasan keselamatan. Dua peristiwa besar yang berlaku di dalam tahun 1974 telah meninggalkan kesan yang buruk kepada projek ini. Ianya mempengaruhi sedikit sebanyak perbelanjaan dan masa pelaksanaan projek pada

keseluruhannya. Berikutan dengan peristiwa tersebut, peraturan kerja tidak lagi flexible oleh kerana kerja-kerja hanya dijalankan dengan disertai oleh peraturan-peraturan keselamatan tertentu.

Faktor-faktor lain juga mengakibatkan keselamatan dalam pelaksanaan projek ini oleh kerana kakitangan-kakitangan yang digunakan adalah baru maka masa yang tertentu diambil untuk melatih mereka. Keadaan cuaca di kawasan pergunungan terutama di musim tengkujuh juga menghalang kemajuan pembinaan.

Selain daripada itu, projek ini melibatkan pembinaan beberapa buah jambatan yang panjang dijalankan secara kontrak. Pembinaan jambatan-jambatan ini juga memakan masa dan perbelanjaan yang besar.

Sungguhpun adanya masalah-masalah yang tersebut di atas pada keseluruhannya tempoh melaksanakan tidaklah begitu lewat. Langkah-langkah positif adalah diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini dan keadaan adalah cerah sekarang kerana projek ini dijangka boleh siap pada akhir tahun 1981.

Anggaran asal sebanyak \$80 juta hanya merupakan anggaran kasar sahaja disebabkan ketiadaan kajian kejuruteraan yang terperinci. Anggaran asal ini adalah terlalu rendah dalam keadaan inflasi yang berlaku sepanjang tempoh pelaksanaan ini dan anggaran yang dipinda dari masa ke semasa tidaklah keterlaluan. Setakat ini jumlah anggaran telah kian meningkat kepada \$296 juta termasuk pembinaan jambatan-jambatan yang tidak dijangka dalam kajian asal yang memakan perbelanjaan sebanyak \$62 juta.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, keterangan yang diberikan oleh Menteri yang berkenaan tadi ada berbeza sedikit dengan keterangan yang diberi oleh Ketua Jurutera yang menjaga projek ini di dalam taklimatnya kepada ahli-ahli Public Accounts Committee. Mengikut keterangan di dalam taklimat itu sebab kelambatan ini ialah kerana kurangnya tenaga mahir dan mereka yang bertenaga mahir ini banyak yang telah berhenti dan apabila pihak yang berkenaan memohon kepada Treasury mengambil masa bertahun-tahun sebelum mendapatkan tenaga mahir yang baru. Jadi, bolehkah Menteri yang berkenaan menerangkan perbezaan-perbezaan di antara keterangan yang diberi itu tadi dengan keterangan taklimat ini?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian saya untuk melaksanakan projek ini bukan sahaja tenaga mahir tetapi ada juga berbagai-bagai masalah, tetapi tenaga mahir akan menjadi satu masalah yang kita telah siap dan kita telah mengambil banyak kaki-tangan untuk menambah projek itu sekarang.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa dalam lawatan beliau ke Base Camp di Gerik pada sehari sebelum hari Tahun Baru China iaitu pada 14hb Februari tahun ini, Yang Berhormat Menteri telahpun mengatakan bahawa sebab-sebab utama yang menyebabkan lebuhraya ini lambat siap ialah kerana pekerja-pekerjanya kurang bekerja dengan betul dan oleh kerana kenyataan ini telah menyebabkan pekerja-pekerja di Base Camp yang mana menjadi ahli-ahli UMNO di kawasan itu berasa gelisah, maka saya sebagai Wakil mereka ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri memandangkan bahawa dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi tidak ada menyebut langsung berkenaan dengan faktor-faktor kemanusiaan daripada segi kelewatan, saya ingin bertanya, kenapa-pah percanggahan ini berlaku iaitu jawapan pada hari ini dan kenyataan akhbar yang dibuat di Gerik.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa saya melawat ke tempat ini, saya belum mendapat kelulusan daripada pihak Perkhidmatan Awam tetapi hari ini saya mendapat kelulusan dan dalam kelulusan itu kita akan tetapkan lebih kurang 350 orang untuk mendapat kerja tetap, bukan sementara lagi. Kiranya dalam tempoh satu bulan ada juga perkara yang berlaku dan satu saikoloji dengan pekerja-pekerja sudah bertukar sekarang.

#### **MINYAK TANAH/DIESEL/PETROL— KEKURANGAN**

**3. Tuan Sibot Miyut Anak Tagong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada langkah-langkah konkrit yang berkesan akan diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan minyak tanah, diesel dan juga petrol yang meruncing

yang kerap berlaku di Sarawak bagi keperluan enjin-enjin motor terutama sekali di pekan-pekan kecil seperti Kapit dan Belaga yang mana telah menyebabkan kesulitan yang amat sangat kepada rakyat terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah hampir sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sarikei pada 20hb Mac, 1980 yang telahpun saya jawab. Oleh demikian saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan V. David.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 4.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

#### **PERLEMBAGAAN MALAYSIA— KAJIAN**

**4. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menubuhkan sebuah jawatankuasa tertinggi yang diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi untuk mengkaji Perlembagaan Malaysia dan mengembalikan status quo terutama sekali *status quo* mengenai hak berbagai kaum yang mana ini telah menjadi satu syarat untuk kemerdekaan pada 31hb Ogos, 1957.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, tidak. Oleh kerana perkara yang terkandung dalam bahagian kedua soal tersebut tidak pernah bangkit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali.

(Soalan No. 5 Y.B. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali tidak hadir)

## HASIL PETROLEUM NEGARA

6. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Perdana Menteri menyatakan hasil yang diperolehi negara dalam penghasilan petroliaam negara ini tahun lalu; adakah hasil itu akan terus meningkat dari tahun ke setahun dan berapa banyakkah simpanan minyak mentah kita.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, hasil pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan daripada pengeluaran minyak mentah bagi tahun 1979 ialah sebanyak \$994 juta, iaitu:

- (i) Cukai pendapatan dari ekspot minyak mentah ... \$828 juta
- (ii) Royalti ... .. \$166 juta

Sama ada hasil daripada petroliaam akan terus meningkat atau sebaliknya adalah bergantung kepada banyaknya minyak mentah yang akan dikeluarkan tiap-tiap tahun dan juga kepada harga jualan bahan itu.

Jumlah simpanan yang boleh dikeluarkan (recoverable oil reserves) pada akhir tahun 1979 adalah lebih kurang 1,400 juta tong (barrels).

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah PETRONAS telah melantik satu firma perunding yang terkenal di dunia ini untuk mengkaji semula simpanan sebenarnya minyak mentah yang ada di Malaysia sebagai langkah untuk Malaysia menetapkan dasar perusahaan minyaknya?

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soal ini tepat tentang sama ada telah dilantik atau tidak, sukalah saya minta notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan P. Patto.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan yang ke 7.

Tuan Speaker, ada sedikit kesilapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di mana?

**Tuan P. Patto:** Dalam naskah Bahasa Malaysia tahun 1976 itu tidak betul, Yang sebenarnya 1967.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

## SISTEM EJAAN BERSAMA MALAYSIA/INDONESIA

7. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada "Sistem Ejaan Bersama Malaysia/Indonesia" 1967 yang telah dilancarkan di Malaysia pada 1972 dan terus dilaksanakan, juga telah dilaksanakan di Indonesia, jika ya, adakah kedua-dua negara kini menggunakan sistem ejaan yang sama;
- (b) sama ada ejaan-ejaan yang kini digunakan di seluruhnya di Indonesia untuk bahasa Indonesia ke semuanya sama dengan ejaan Bahasa Malaysia di Malaysia; dan
- (c) sama ada beliau sedar bahawa selepas hampir lapan tahun pelaksanaan sistem ejaan baru masih terdapat sistem ejaan yang mengelirukan yang diguna dalam beberapa jabatan Kerajaan, jika ya, apa langkah-langkah yang diambil untuk menyamakan sistem ejaan sekurang-kurangnya dalam negara kita.

**Menteri Pelajaran (Dato Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan:

- (a) Ejaan Baru yang dipakai bersama telah dilancarkan pada tahun 1972 dan bukan tahun 1967 dan ianya telah dirasmikan serentak di kedua-dua buah negara, iaitu pada 16hb Ogos, 1972 dan disahkan oleh kedua-dua Kerajaan pada 17hb Ogos, 1975 di Indonesia dan 31hb Ogos, 1975 di Malaysia. Sejak itu, kedua-dua negara kini menggunakan sistem ejaan yang sama.
- (b) Jawabnya ialah ya. Ejaannya sama, baik di Indonesia mahupun di Malaysia. Ejaan berbeza dari istilah dan oleh demikian berapa istilah yang berbeza tetapi sudah mantap digunakan di kedua-dua buah negara dieja sebagaimana yang lazim dipakai. Di Malaysia istilah *statistics* dieja *statistik*, di Indonesia dieja *statistika*. Dengan "a" tambahannya. Demikian juga *mathematics* menjadi *matematik* di Malaysia dan *matematika* di Indonesia dengan tambahan "a". Di samping itu, ejaan kata-kata umum yang sama dan mantap di kedua-dua buah negara

tidak berbeza ejaannya kecuali beberapa perkataan sahaja. Fenomena ini umum terdapat dalam bahasa di dunia yang lain seperti *colour* misalnya di dalam bahasa Inggeris dieja *colour* dan di Amerika Syarikat dieja *color*.

(c) Sistem ejaan itu tidak mengelirukan dan kekeliruan timbul kerana pengguna bahasa tidak semuanya dapat menguasai sistem ejaan tersebut dalam urusan sehari-hari seperti *oleh*, *boleh* dieja *olih*, *bolih* dan sebagainya. Masalah ini telah diatasi sejak Kementerian saya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka memberi penerangan dan menerbitkan *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia (1975)* serta contoh-contoh ejaan baru yang terdapat dalam majalah dan buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Majalah *Pedoman* ini telah dikeluarkan sebegitu lama sehinggalah ada Majalah yang terakhir yang telah dikeluarkan pada tahun 1980 ini. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian saya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka antara lain ialah:

1. Taklimat sistem ejaan baru dan peristilahan kepada kakitangan sektor awam, badan berkanun dan swasta sejak tahun 1979 dan sebanyak 17 kali lagi akan diadakan dalam tahun 1980.
2. Penyebaran bahan ejaan dan istilah yang disalurkan melalui risalah, majalah *Dewan Bahasa* dan kerjasama dari pihak akhbar dan media massa.
3. Mengawasi penggunaan ejaan dan istilah di semua akhbar dan media massa.
4. Mengawasi penggunaan ejaan dan istilah pada borang-borang rasmi Kerajaan.
5. Mengawasi penggunaan bahasa untuk nama rasmi syarikat perniagaan dan pertubuhan.

Sebagai panduan yang lebih berkesan lagi Kementerian saya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka akan menerbitkan buku panduan pada pertengahan tahun 1980.

1. *Daftar Lengkap Ejaan Rumi Bahasa Malaysia* (akan terbit pada bulan Ogos 1980).

2. Sebuah buku panduan mengenai *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia* (akan terbit pada bulan Ogos 1980).
3. *Siri Ejaan baru dalam siaran TV Malaysia* yang terdiri dari 200 siri akan disiarkan secara berturut-turut mulai pertengahan tahun 1980.
4. Dewan akan menerbitkan *Surat Berita Perancangan Bahasa* secara berkala mengandungi berita serta perkembangan mutakhir ejaan, istilah dan struktur Bahasa Malaysia untuk pengetahuan masyarakat umum. (akan terbit pada bulan Ogos 1980).

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Pelajaran sedar bahawa memang terdapat dalam sistem ejaan itu kekeliruan terutamanya mengenai ejaan-ejaan yang berasal daripada bahasa Arab yang di Melayukan di mana sistem ejaan itu kadang-kadang menimbulkan kekeliruan dari segi makna dan kerana itu maka kekeliruan ataupun ejaan-ejaan yang digunakan di dalam buku-buku yang ditulis oleh setengah-setengah pengarang bukan kerana mereka tidak mahir di dalam ejaan itu tetapi kerana mereka tidak setuju dengan sistem ejaan baru yang dipersetujui yang menukar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan panjang-panjang sangat bercerita baru hendak soal tambahan. Saya hendak apa soal tambahan. Peraturan 23(1) (a) mengatakan jangan gunakan perkataan yang sia-sia.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Ini tidak sia-sia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada saya sia-sia.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Saya tanya sama ada sedar atau tidak . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. Di bawah Peraturan 42 bila saya bercakap hendaklah duduk dan dengar. Kalau tidak mana dapat dengar. Saya kata jangan gunakan perkataan sia-sia yang berlebih-lebihan

mengikut peraturan-peraturan Ahli Yang Berhormat kata tak sia-sia. Mengapa hendak berbahas dengan saya pula. Itu Peraturan 23(1) bacalah. Ya, sekarang cuba teruskan.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Ialah—itu pendapat Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya hendak menerangkan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, itu pendapat saya. Saya tak benarkan lagi.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pelaksanaan yang berkesan bagi ejaan baru itu saya rasa pihak Kementerian sepatutnya menekankan kepada pelajar-pelajar dan pegawai-pegawai Kerajaan di dalam penggunaan hari-hari atau latihan penggunaannya. Jadi apakah langkah-langkah yang lebih berkesan supaya pelaksanaan ejaan baru ini dapat dilaksanakan kepada pelajar-pelajar dan pegawai Kerajaan dengan lebih baik lagi?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir senarai langkah-langkah itu saya telah berikan sampai tiga muka. Itulah yang berkesan pada pendapat saya cuma saya fikir tidaklah boleh didapati dengan masa satu dua tahun sahaja maktumlah bahasa kita ini sentiasa merupakan satu bahasa yang tidak berhenti-henti ada input istilah-istilah baru ataupun istilah lamapun dari segi makna dan sebagainya memang tafsiran di antara satu sama lain prosesnya sentiasa berjalan. Jadi akan mengambil masa sedikit dan walaupun boleh diatasi apabila input istilah-istilah baru itu dimasukkan itu juga terpaksa dihebahkan. Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa walau apapun dibuat dan ditentukan oleh pihak pakar-pakar bahasa di dalam hal ini yang perlu ialah penggunaannya dan fahaman seseorang atas erti kata sebenar tiap-tiap istilah yang digunakan. Jadi ini mengambil masa dan apa juga langkah yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itulah yang saya telah senaraikan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini sebab-musabab yang mengakibatkan selama pelaksanaan sistem ejaan baru ini masih didapati salah guna ejaan baik di kalangan universiti ataupun di kalangan

sekolah-sekolah khasnya di kalangan perkhidmatan awam. Umpamanya surat-surat yang diterima, kita sangat terperanjat melihat ejaan yang digunakan itu adalah salah sekali termasuk surat daripada Menteri-menteri Kabinet dan juga guru-guru dalam sekolah, maka apakah sebab-musabab yang mengakibatkan perkara ini berlaku?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, seseorang itu boleh jadi mahir dalam sesuatu bahasa itu terpulanglah kepada kebolehan masing-masing walau macam manapun, ada manusia yang pandai dan pintar dan ada yang tidak dalam bahasa apa juapun. Saya fikir dalam bahasa Cinapun kalau kita menulis ada orang yang tersalah ataupun bahasa Tamil atau Arab atau Melayu dan sebagainya. Pelajarpun kalau cara belajar di sekolah baik ada juga soal kejadian salah ejaan dan sebagainya. Tetapi saya mengakui satu kenyataan, sama ada suka atau tidak iaitu bahasa Malaysia, bahasa kita ialah satu bahasa yang begitu pesat perkembangannya dan dinamik.

Jadi pertukarannya saya fikir dalam satu dua generasi akan mengambil masa sebelum ianya benar-benar dapat apa yang dikatakan "settled". Dalam bahasa Inggerispun ada pertukaran, tetapi Bahasa Kebangsaan kita ini ialah istimewa kedudukannya dan saya, berani mengatakan ialah bahasa yang sehabis termoden, dinamik dan bertukar dengan input yang begitu banyak. Jadi kejadian begini tidaklah boleh dielakkan malahan saya suka menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu atau pegawai-pegawai Kerajaan atau siapapun juga kalau ada timbul soal hendak ejaan betul atau salah kalau hendak buka begini saya boleh beri—saya tidak percuma atau jual—kalau buku itu dijual terpaksalah saya minta dibeli, atau boleh diberikan dan semua penerbitan-penerbitan yang saya sebutkan tadi bolehlah digunakan. Inilah sahaja nasihat saya, saya sendiri dengan bercakap terus terang, sayapun bukan pandai, kadang-kadang saya ada tersalah juga dalam ejaan, bukan maknanya Menteri Pelajaran pandai ejaan seratus peratus. Kita ada buat salah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang salah tak apa. Jangan selalu salah (*Ketawa*).

**Dato' Musa bin Hitam:** Kadang-kadang.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka bercadang untuk melancarkan satu kempen secara besar-besaran untuk menyesuaikan orang ramai tentang sistem ejaan yang betul untuk faedah mereka dengan cara pemberian buku-buku panduan kepada semua badan-badan awam, badan-badan sukarela supaya mereka dapat memahami dengan lebih mendalam tentang penggunaan sistem ejaan yang betul.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini barangkali satu idea yang boleh saya terima setelah saya kaji akibat ataupun kesan langkah-langkah yang telah dibuat setakat ini, kalau difikirkan masih boleh berkesan lagi insya Allah saya fikir, boleh saya timbangkan.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah kedudukan mengenai nama orang atau nama tempat, dapatkah ejaan asal itu disimpan, misalnya, Tan Sri Chong—C-H-O-N-G bukannya C-O-N-G?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang macam ini Yang Berhormat minta petua tidak bolehlah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Senarai itu sahaja.

**Tuan Bujang bin Haji Ullis:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa penitikberatan yang diberi oleh guru-guru mengenai cara-cara memeriksa dan menilaikan tulisan ataupun kertas peperiksaan murid-murid berbeza dari guru ke guru mengenai sistem ejaan ini. Dan kedua kalau sedar apakah tindakan untuk menyelaraskan perkara ini.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar, kalau sedar harus diberitahu oleh sebab tiap-tiap seorang guru yang memeriksa lebih-lebih lagi dari segi ejaan mesti menggunakan panduan yang telah ditetapkan.

#### PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN (KES-KES PERLU) (PINDAAN) 1975

**8. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Kerajaan bersedia memansuhkan Peraturan-peraturan

Keselamatan (Kes-kes Perlu) (Pindaan) 1975 memandangkan peraturan-peraturan tersebut adalah "draconian" represif dan bertentangan dengan Pemerintahan Undang-undang; jika tidak, sama ada Kerajaan bersedia mengadakan dialog dengan Majlis Peguam dengan tujuan memansuhkan ciri-ciri "draconian" peraturan-peraturan tersebut.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bersedia memansuhkan Peraturan-peraturan Keselamatan (Kes-kes Perlu) (Pindaan) 1975 memandangkan pendapat Kerajaan yang berasaskan keadaan keselamatan negara kita ialah peraturan-peraturan tersebut bukan sebagaimana kata Yang Berhormat draconian, represif dan bertentangan dengan kedaulatan undang-undang. Di suatu mesyuarat yang diadakan oleh Majlis Peguam dalam tahun 1975 dan pada masa itu saya memegang jawatan Peguam Negara, pendapat-pendapat peguam-peguam mengenai Peraturan-peraturan tersebut telah ditimbang oleh Kerajaan sebelum beberapa pindaan substantive dibuat kepada peraturan-peraturan tersebut dalam tahun itu juga. Kerajaan tidaklah diwajibkan berbincang dengan Majlis Peguam mengenai mana-mana undang-undang setiap-tiap kali undang-undang itu digubal. Oleh sebab itu soal mengadakan dialog sekali lagi dengan Majlis Peguam dengan tujuan memansuhkan ciri-ciri draconian seperti yang dikatakan itu dalam peraturan-peraturan tersebut rasa saya tidak timbul lagi.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya hairan Menteri berkenaan baru-baru ini bercakap peraturan-peraturan ini bukan draconian, represif dan bertentangan dengan kedaulatan undang-undang. Adakah Menteri berkenaan sedar peraturan-peraturan ini bukan undang-undang biasa ianya jadi undang-undang yang luar biasa? Adakah Menteri berkenaan sedar?

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat undang-undang ini untuk peraturan bicara keselamatan dan kes-kes perlu. Pada kes-kes yang biasa, undang-undang biasa dijalankan. Memandangkan misalnya kes yang telah berlaku, dibaling dengan bom, berpuluputih orang tergelimpang macam slaughter house, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat

sudah terlupa. Perkara undang-undang macam itu bila memandangkan mustahaknya kita bicarakan kes-kes macam itu melalui peraturan yang perlu sebagaimana saya sebut tadi maka daripada segi itulah Kerajaan memandangkan demi keselamatan negara kita dan bagaimana kita sekarang mengatakan hidup dengan sejahtera dan selamat dengan adanya undang-undang Peraturan-peraturan Keselamatan (Kes-kes Perlu) 1975 digunakan insya Allah. Tetapi lain-lain kes perbicaraan mengikutlah bagaimana undang-undang yang biasa digunakan. Saya sedar.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri berkenaan sedar undang-undang ini ada digunakan kepada orang-orang yang tidak terlibat dalam subversion atau violence? Adakah Menteri Undang-undang sedar, undang-undang ini ada digunakan ke atas mangsa-mangsa ISA yang ada dalam tahanan sekarang dan dalam masa tidak berapa lama lagi 32 orang barangkali akan digantung? Adakah Menteri Undang-undang sedar?

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Saya sedar akan digantung, bukan tidak sedar.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Undang-undang bersetuju undang-undang ini ada digunakan ke atas orang-orang yang tidak terlibat dalam subversion, betulkah atau tidak?

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Undang-undang bagi perbicaraan, Peguam Negara telah meneliti mana-mana kes itu dan dia mengarahkan sama ada hendak dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 atau tidak. Tanggungjawab Peguam Negara ialah kepada rakyat, kepada negara dan kepada Majlis ini, sama ada setuju atau tidak, bukan kepada perseorangan. (*Tepuk*)

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana undang-undang ini dibuat oleh Parlimen dan

pihak Kerajaan apakah tugas atau peranan seorang Peguam terhadap sesuatu undang-undang yang dibentuk dalam sesuatu negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan lain.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa undang-undang baru ini telah disalahgunakan dan bila satu kes yang terlibat dua orang yang sama-sama menggunakan senjata tetapi satu orang dihukum mati dan seorang hanya dipenjarakan 10 tahun sahaja, bolehkah Menteri memberitahu Dewan ini sebab-sebab yang berlakunya diskriminasi terhadap hukuman kes-kes di bawah undang-undang yang berkenaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sudah ada jawapannya diberi tadi oleh Yang Berhormat Menteri kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Adakah hendak tambah lagi, Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tidak payah.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu berapa orang ada dituduh di bawah peraturan-peraturan ini dan ada berapa dalam death row sekarang dan berapa lagi yang rayuannya sudah ditolak oleh Lembaga Pengampunan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu berkehendakkan notis melainkan kalau sudah ada siap rangkanya.

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Kalau soalan ini timbul dalam Dewan ini boleh saya jawab, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kes ini ada 53, 35 yang telah memohon untuk dibawa kepada Pardons Board, 14 telah ditimbang oleh Pardons Board semasa saya menjadi Peguam Negara. Dalam 14 itu 10 ditolak maknanya mesti digantung mengikut hukum-hukum yang sudah jatuh oleh mahkamah dan 4 lagi itu kita remit atau kita ubahkan hukumannya kepada jel seumur hidup tidak digantung. Daripada 10 itu 5 sudah digantung, 5 masih menunggu untuk menjalankan hukuman mahkamah dan telah diputuskan oleh Pardons Board. 21 lagi daripada 35 masih ada menunggu sekarang untuk pertimbangan Pardons Board.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kiam Hoon,

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Lim Kiam Hoon tidak hadir)

### HARGA GETAH/KELAPA SAWIT BAGI PEKEBUN KECIL

**10. Dr Tan Tiong Hong** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk memulakan skim untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil melabur balik wang pendapatan mereka hasil daripada harga baik getah dan kelapa sawit.

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan melalui Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang tertentu telahpun mengadakan beberapa skim yang boleh disertai oleh pekebun-pekebun kecil untuk melaburkan balik pendapatan dari hasil harga getah dan kelapa sawit mereka. Sebagai contoh mereka boleh melabur dalam Amanah Saham MARA, Kumpulan Kewangan Nasional dan lain-lain.

Khusus bagi peneroka FELDA pula, FELDA mengadakan satu tabung simpanan bagi peneroka-penerokanya. Wang simpanan ini akan digunakan oleh FELDA bagi melaburkan di dalam Perbadanan-perbadanan yang telah diwujudkan oleh FELDA. Pihak FELCRA juga sedang mengkaji kemungkinan mengadakan tabung yang sama. Bagi makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji untuk menawarkan saham-saham dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan kepada orang ramai, lebih-lebih lagi untuk Bumiputra.

**Dr Tan Tiong Hong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain dari skim-skim untuk peneroka-peneroka FELDA, adakah Kementerian mengadakan skim-skim yang lebih berkesan untuk smallholders oleh kerana apabila harga getah naik dan hasilnya memberi keuntungan banyak kepada pihak smallholders mereka membazirkan wang itu oleh kerana mereka membeli barang-barang yang barangkali tidak sesuai untuk mereka

di estet-estet itu dan bolehkah Kerajaan mengadakan satu skim di mana nasihat boleh diberi kepada smallholders?

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, pekebun-pekebun kecil getah yang lain dari FELDA iaitu RISDA telah ada memberi semua penerangan kepada semua pekebun-pekebun kecil getah melalui Perbadanan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil (PPK) yang mana mereka akan tubuhkan koperasi dan wang lebihan itu akan digunakan bagi perniagaan di dalam koperasi.

Adalah salah kita menyangkakan pekebun-pekebun kecil selama ini asyik membazirkan wang. Mereka telah celik sebab Kementerian dan juga bagi pihak RISDA telah memberi penerangan yang cukup kepada mereka itu. Selain daripada itu mereka boleh melaburkan dalam syarikat-syarikat seperti MARA, Tabung Haji dan lain-lain. Saya tidak nampak mustahak sekarang ini bagi kita menubuhkan satu badan lain untuk pekebun-pekebun kecil RISDA kerana boleh dikatakan bukan semua pekebun-pekebun kecil telah menanam semula dan berlebihan wang; ada lagi yang masih belum dapat menyimpan. Kalau mustahak satu masa yang akan datang akan ditimbang cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil yang mana pihak RISDA berjaya mengumpulkan pekebun-pekebun kecil getah dan hasil mereka itu selalunya dijual dua minggu sekali. Soalan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbang supaya apabila penjualan getah dua minggu sekali ini diadakan pihak-pihak yang ada sangkutan dengan tabung kewangan hadir di tempat-tempat tersebut supaya pekebun-pekebun kecil berkemudahan untuk menyimpan wang pada hari-hari tersebut?

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Kadang-kadang itu mengikut keadaan tempat Pusat itu. Kalau banyak tempat-tempat itu terletak di Ulu Pahang atau Ulu Kelantan bukannya senang hendak hadir di situ kerana hendak mengajak misalnya wakil daripada Bank Simpanan Nasional dan lain-lain untuk hadir di situ untuk menyimpan wang, tetapi

kita boleh nasihatkan. Saya fikir boleh jadi ini terpalang kepada timbangan Pusat Pekebun-pekebun Kecil. Kalau mereka fikir-kira ada banyak berlebihan wang dan berkehendakkan orang datang supaya senang mereka menyimpan, kita akan jalankan, tetapi saya sebagai Menteri tidak berani membawa satu perkara yang tidak diketahui oleh rakyat jelata kerana bimbang benda yang baik akan datang akan disalahgunakan khasnya oleh pihak yang tertentu.

### TULISAN JAWI DI SEKOLAH-SEKOLAH

**11. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana memandangkan kemerosotan penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi di sekolah-sekolah, adakah beliau bercadang hendak memperkenalkan semula dan mewajibkan mata-mata pelajaran seperti tulisan Jawi, bacaan Jawi dan rencana Jawi di sekolah-sekolah.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pelajaran Jawi sememangnya telah sedia ada di dalam kurikulum sekolah. Ianya merupakan sebahagian daripada pelajaran Bahasa Malaysia. Tulisan, bacaan dan rencana Jawi adalah merupakan aktiviti-aktiviti di dalam pengajaran dan pembelajaran yang sudah menjadi amalan sekolah. Oleh itu soal hendak memperkenalkan semula dan mewajibkan aktiviti-aktiviti yang tersebut adalah tidak timbul.

Walau bagaimanapun, sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kementerian saya sedang mengkaji soal ini dengan mendalam supaya dapat dipastikan:

1. Sejauh manakah pelaksanaan sistem pembelajaran Tulisan Jawi ini berkesan atau tidak;
2. Kalau tidak, sebab musababnya terjadi keadaan demikian; dan
3. Cara-cara pelaksanaan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.

Sayugia diingat bahawa Kementerian saya akan terus menekankan pentingnya pelajaran Jawi di bangku sekolah, lebih-lebih lagi apabila diambil kira bahawa ianya merupakan

asas kepada pelajaran anak-anak kita dalam mata pelajaran Ugama Islam. Ini juga memandangkan bahawa strategi baharu dalam matapelajaran Ugama Islam telahpun diperakukan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet baru-baru ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajaran Jawi, adakah Kementerian Yang Berhormat akan menimbang dengan secara seriusnya untuk menggalakkan rakyat mempelajari bahasa Arab kerana memandangkan perkembangan politik di dunia ini supaya rakyat Malaysia boleh berbahasa Arab dan berniaga dengan negara-negara di Timur Tengah?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, ini soal lain tetapi dari segi menggalakkan, saya sukalah menggalakkan dan saya suka mulakan supaya Ahli Yang Berhormat itu digalakkan belajar bahasa Arab (*Ketawa*).

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa menjawab soalan ugama di sekolah-sekolah rendah dan menengah boleh menggunakan Jawi atau Rumi? Ini adalah langkah meringan-ringankan tulisan Jawi.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tetapi seperti saya katakan tadi di dalam kajian yang mendalam yang dibuat berasa kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet insya Allah kalau difikirkan lebih baik ditukar, akan ditukar.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat sekolah-sekolah di Sarawak guru-guru yang mengajar tulisan Jawi ialah terdiri daripada guru-guru yang belum pernah belajar Jawi dan terpaksa belajar Jawi sementara mengajar murid-murid. Sebabnya ialah kekurangan guru-guru yang mengajar Jawi. Jadi apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian di atas perkara ini?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, inilah jawapan saya tadi, ini kepastian yang sedang kita buat berasas kepada arahan saya supaya dikaji pada keseluruhannya. Satu

daripada maklumat kalau benar akan disiasat, itulah saya katakan kita hendak cari cara-cara yang terbaik sekali dari segi soal ini.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab memandangkan bahawa tulisan Jawi merupakan salah satu khazanah negara ini, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau boleh menimbangkan supaya selain daripada kemudahan-kemudahan yang wujud dalam penggunaan tulisan Jawi pada hari ini, sama ada boleh ditimbangkan tulisan Jawi dimasukkan sebagai salah satu soalan di dalam peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat SRP dan juga SPM?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat kepastian atas kedudukan soal ini dengan sebenarnya, jadi saya minta maaf tidak dapat menjawabnya dan seperti saya katakan tadi insya Allah saya akan kaji.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau berpuashati dengan sistem ejaan Jawi dan kalau sekiranya tidak berpuashati, adakah beliau bercadang untuk mengkaji dan juga menyelaraskan sistem ejaan Jawi ini supaya mudah orang mempelajarinya?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada pelajaran yang saya sendiri dapati di dalam tulisan Jawi dan berasas kepada apa yang sedang berlaku dalam sistem ini perlaksanaannya saya berpuashati.

## BAHASA INGGERIS UNTUK PELAJARAN TINGGI

**12. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan kita untuk membantu penuntut-penuntut kita menguasai bahasa-bahasa asing supaya membolehkan mereka mengikuti pelajaran tinggi di negara-negara yang bahasanya bukan bahasa Inggeris, memandangkan bahawa sedikit sahaja penuntut-penuntut kita yang mampu melanjutkan pelajaran mereka di United Kingdom sekarang.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, menguasai lebih daripada satu bahasa utama adalah merupakan kemahiran yang menguntungkan, dan keuntungan ini adalah paling manfaat terutama sekali kepada penuntut-penuntut kita. Memandangkan perkembangan yang berlaku di United Kingdom, Australia dan New Zealand baru-baru ini di mana Kerajaan British telah mengambil tindakan menaikkan yuran pengajian, maka langkah ke arah penguasaan lebih dari satu bahasa kedua selain daripada bahasa Inggeris adalah sangat penting. Usaha seumpama ini tidak sepatutnya dipandang dengan sambil lewa sahaja tetapi sebaliknya hendaklah diberi perhatian lebih serius.

Ketika ini murid-murid di sekolah hanya mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Ini bermakna mereka hanya boleh belajar di negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama atau di institusi-institusi pengajian tinggi yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Dari segi strategi dan juga prinsip pendidikan, dasar mengenai pembelajaran bahasa perlu disesuaikan dengan kenyataan semasa. Gedung ilmu pengetahuan bukan hanya terdapat di negara-negara yang berbahasa Inggeris sahaja tetapi sebaliknya kemajuan dan kekayaan ilmu pengetahuan terdapat juga di negara-negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris, seperti di Jerman, Perancis, Jepun dan seumpamanya.

Kementerian saya memang sedar mengenai hal ini dan sedang berusaha bagi menyediakan peluang-peluang belajar kepada murid-murid kita untuk mempelajari bahasa-bahasa asing lain daripada Inggeris, seperti Jerman, Perancis dan Jepun. Perakuan 128.1 dari Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979 adalah merupakan satu pengiktirafan positif ke arah ini. Di samping itu penubuhan Institut Bahasa nanti adalah juga merupakan satu lagi usaha tambahan.

## HARGA DIESEL/MINYAK TANAH

**13. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerianya sedang menyerah diri kepada tuntutan-tuntutan yang dibuat

supaya dinaikkan harga disel dan minyak tanah yang hanya akan mencetuskan satu lagi spiral inflasi yang akan membawa kesusahan yang lebih kepada golongan berpendapatan rendah.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah dan tidak akan beralah sepenuhnya kepada tuntutan-tuntutan syarikat-syarikat minyak untuk kenaikan harga barang-barang petroleum. Apa yang telah dan akan terus dijalankan oleh Kerajaan ialah untuk memastikan kenaikan harga yang diberi kepada syarikat-syarikat minyak adalah menasabah dan memuaskan kepada kedua-dua pihak iaitu pengguna dan syarikat-syarikat minyak. Kenaikan itu juga adalah seminima yang mungkin untuk membolehkan syarikat-syarikat minyak menampung kenaikan harga minyak mentah yang tidak dapat dielakkan atau diserapkan oleh mereka. Untuk membantu Kerajaan dalam hal ini, satu Jawatankuasa Mengenai Harga Barang-barang Petroleum terdiri dari wakil-wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, Perbendaharaan, Unit Kemajuan petroleum di Jabatan Perdana Menteri, PETRONAS dan Kastam telahpun ditubuhkan. Jawatankuasa ini mengkaji semua permohonan daripada syarikat-syarikat minyak dan membuat cadangan-cadangan kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Kerajaan sedar bahawa sebarang kenaikan harga keluaran-keluaran petroleum, terutamanya disel dan minyak tanah akan memberi kesan kepada inflasi dan akan membawa kesusahan kepada pengguna terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sektor-sektor lain seperti pengangkutan, perikanan dan perindustrian. Oleh yang demikian, Kerajaan memberi pertimbangan yang besar kepada faktor ini dalam kajian harga minyak petroleum dan mencuba mengurangkan kesan-kesan ini terutamanya menerusi pembayaran subsidi. Pada masa ini, Kerajaan membayar subsidi sebanyak 46 sen segelen ke atas minyak disel dan 50 sen ke atas minyak tanah. Ini akan membekalkan Kerajaan kira-kira \$340 juta setahun. Jumlah ini dijangka akan bertambah memandangkan harga minyak mentah di pasaran dunia akan terus meningkat pada masa hadapan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa pihak Kerajaan tidak melantik seorang wakil persatuan pengguna untuk menduduki dalam Jawatankuasa mengenai harga barang-barang petroleum.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa ini mengandungi pegawai-pegawai Kerajaan sahaja tetapi Jawatankuasa Mengkaji Harga adalah dianggotai oleh wakil daripada Majlis Pelindung Pengguna-pengguna.

**Tuan Lee Kaw:** Adakah semua syarikat minyak yang hendak menaikkan harga barang-barangnya mesti meminta kelulusan daripada Kementerian oleh kerana baru-baru ini semua syarikat minyak telah menaikkan harga minyak enjin (engine oil) lebih kurang 20%?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, melainkan fuel oil dan aviation oil semula barang-barang petroleum mesti meminta kebenaran sebelum kenaikan harga boleh diteruskan. Barang-barang petroleum yang dalam kawalan ialah gasoline (premium dan regular), disel dan minyak tanah.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Yang Berhormat sedar bahawa minyak disel sebelum harga baru diumumkan oleh Kerajaan susah hendak dapat dan ada jaminan apabila harga baru diumumkan senang mendapat. Tetapi apabila harga baru diumumkan susah juga hendak dapat. Jadi saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kerap kali mengatakan dalam Dewan yang mulia ini kekurangan disel atau apa-apa barang petroleum ialah satu kejadian sporadic bukan menyeluruh di negara kita ini. Pada keseluruhannya bekalan cukup. Kalau dari masa ke semasa ada pengguna-pengguna menghadapi kekurangan disel atau lain-lain barang petroleum di mana-mana satu tempat, silalah laporkan dengan segera kepada pegawai di Kementerian dan kita boleh mengambil langkah untuk menyiasat dan jika perlu mengarahkan syarikat minyak membekalkan barang-barang itu kepada tempat-tempat yang merasai kekurangan.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini di dalam Jawatankuasa itu adakah pakar yang sedar berkenaan kos-kos menapis minyak? Jikalau tiada pakar, kilang-kilang atau syarikat-syarikat itu boleh menipu Jawatankuasa ini dan dia boleh naikkan harga.

Kedua, kalau syarikat itu ada kes untuk menaikkan harga bolehkah Menteri memberi jaminan bahawa Kerajaan boleh beri subsidi penuh supaya tidak ada kenaikan harga minyak?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Jawatankuasa mengenai harga barang-barang petroleum baikpun dalam Jawatankuasa lain mengenai kenaikan harga barang-barang keperluan ada satu atau dua orang pakar iaitu Accountant dan Accountant itu meneliti balance-sheet yang dikemukakan daripada syarikat-syarikat minyak termasuk juga kita meneliti kos dan sebagainya. Jadi saya rasa Jawatankuasa ini ada kepakaran untuk meneliti permohonan seperti itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.

**Dr Chan Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan tambahan saya yang kedua tidak diberi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada satu lagi soalan. Yang Berhormat ada soalan tambahan yang kedua tadi; saya lupa.

**Dato' Lew Sip Hon:** Mengenai soalan tambahan yang kedua mengenai subsidi, saya tidak boleh menyatakan di sini kita boleh beri subsidi yang sepenuhnya kepada apa yang dituntut ataupun apa yang dibenarkan sebab ini ialah terpulang kepada Menteri Kewangan atas kemampuan Kerajaan untuk menampung subsidi ini, tetapi seperti yang saya katakan tadi kita pun telah memberi subsidi dan kita akan mengkaji kenaikan harga ini diminimalkan kesan kepada pengguna-pengguna dan juga kepada sektor ekonomi kita yang mana kita gunakan minyak diesel dan kerosene.

## PERARAKAN MENGGUNAKAN JALAN RAYA

**14. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah beliau bercadang hendak mengharamkan segala jenis perarakan yang menggunakan jalanraya oleh kerana ia menghalang lalulintas dan mengganggu ketenteraman awam.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidaklah bercadang hendak mengharamkan segala jenis perarakan yang menggunakan jalanraya. Jika sekiranya terdapat perarakan yang mengancam atau mengganggu ketenteraman awam, pihak Polis akan mengambil tindakan di bawah kuasa yang diberi kepada mereka melalui undang-undang yang sedia ada dan termasuklah kuasa menangkap.

Sebelum sesuatu permit dikeluarkan bagi perarakan itu maka tapisan yang teliti akan dibuat terlebih dahulu oleh Ketua Polis Daerah dengan menimbang di atas beberapa faktor, seumpamanya, samada perarakan itu boleh memudaratkan kepada keselamatan dan ketenteraman awam ataupun yang boleh mengancam keselamatan negeri, atau sama ada perarakan itu bersifat kecenderungan untuk menghasut, atau sama ada pihak Polis boleh mengawal perarakan itu dan juga pihak Polis dapat memberi perlindungan yang secukupnya ataupun sama ada lalulintas dapat dikawal dengan sempurna.

## TUGU TUNKU ABDUL RAHMAN— MEMBUBUH CAT

**15. Tuan Haji Ashkar Hasbollah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap peristiwa membubuh cat ke atas Tugu Tunku Abdul Rahman di Kota Kinabalu pada 31hb Disember, 1979 dan bilakah kes itu akan dibicarakan dan sama ada orang yang terlibat dengan kes itu sedang ditahan atau telah dibebaskan tanpa syarat.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Ahli Yang Berhormat itu, siasatan Polis di atas kejadian ini masih lagi berjalan dan

belum lagi selesai, dan sekarang tidak ada orang-orang yang ditahan berhubung dengan perkara ini.

**Tuan Haji Ampong bin Puyon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar semasa dijalankan penyiasatan orang-orang yang dituduh telah mengaku bahawa mereka telah disuruh oleh orang-orang yang tertentu? Jika benar, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan siapa mereka dan mengapa tidak ditangkap?

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada orang-orang yang ditahan pada permulaannya berhubung dengan perkara ini, tetapi tidak ada bukti-bukti yang terang dan nyata untuk melibatkan sesiapa yang lain dan oleh sebab bukti-bukti tidak dapat dengan lebih terang maka orang-orang ini telahpun dibebaskan dan siasatan lanjut sedang lagi dijalankan berhubung dengan perkara ini.

#### AHLI AKADEMIK BANYAK BERTEORI

**16. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa ahli-ahli akademik banyak menggunakan teori diberbagai aspek, jika sedar, tidakkah Kementerian ini bercadang supaya ahli-ahli akademik diberi peluang untuk keluar bertugas dengan membanyakkan praktikal dengan itu mereka akan menambahkan pengalaman untuk menjadi pakar dalam bidang tertentu sama ada segi teori dan praktikal.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya ahli-ahli akademik telahpun diberi peluang untuk keluar bertugas dengan membanyakkan praktikal iaitu dengan memberi peluang kepada mereka untuk membuat penyelidikan di dalam dan luar negeri berhubung dengan aspek yang mereka khususkan. Mereka diberi cuti sabbatikal selama 9 bulan atau 6 bulan mengikut kelayakan mereka yang mana cuti sabbatikal ini diberi untuk bertujuan mengikut suatu kursus pengajian yang tertentu yang diluluskan untuk tujuan penyelidikan dalam berbagai bidang yang tertentu;

atau menambahkan pengalaman dan pengetahuan kepada perkembangan dan kemajuan yang terbaru dalam berbagai bidang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 9 dan 17 hingga 44 adalah diberi di bawah ini).*

#### SYARIKAT GAS ASLI CECAIR MALAYSIA (MLNG)

**5. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat persetujuan yang ditetapkan di antara Syarikat Gas Asli Cecair Malaysia (MLNG) dengan Syarikat Gas dan Elektrik Tokyo dan berapa lamakah perjanjian itu diikat; dan
- (b) berapakah banyak liquid Natural Gas itu dijual kepada negara-negara luar sejak pengeluaran itu dimulakan dan berapakah jumlah keuntungan dari hasil penjualannya.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

- (a) Bagi menjawab soalan (a) sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa satu surat "Confirmation of Intent (COI)" telah ditandatangani di antara MLNG dengan Syarikat Tokyo Electric Power Bhd. dan Syarikat Tokyo Gas Bhd. pada November, 1979 bagi menyediakan bekalan gas yang mencukupi sepanjang 20 tahun pada kadar 6 juta ton metrik gas cecair pada tiap-tiap tahun. Bekalan LNG yang pertama dijadualkan akan dibekalkan pada Januari, 1983, dan harga LNG itu juga akan ditetapkan pada masa itu, selepas menimbangkan keadaan tenaga yang ada pada masa itu.
- (b) Bagi menjawab soalan (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat pengeluaran LNG belum lagi dimula. Oleh itu, LNG belum lagi dijual.

### KOMPLEKS GERAKTANI SEBAGAI PUSAT MEMBELI PADI

9. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian Pertanian telah mengisytiharkan Pusat-pusat Kemajuan Peladang (LPP) sebagai Pusat Geraktani di seluruh negara yang melibatkan semua aspek gerakkerja pertanian. Tidakkah Kementerian Pertanian bercadang untuk menggunakan Kompleks Geraktani ini sebagai pusat membeli padi daripada para petani dan pelesen tempatan dengan kerjasama LPN di bawah Kementerian Perusahaan Awam bagi mengatasi masalah kesulitan petani dan peranan orang tengah yang pada masa ini menjejaskan usaha Kerajaan membantu para petani serta menegaskan konsep wujudnya Kompleks Geraktani ini supaya benar-benar memberi manfaat kepada Kerajaan dan petani.

**Dato' Shariff Ahmad:** Adalah benar bahawa Kementerian Pertanian telah mengisytiharkan Pusat-pusat Kemajuan Peladang (LPP) sebagai Kompleks Geraktani di seluruh negara (Semenanjung Malaysia). Kompleks Geraktani ini adalah menjadi sebagai satu pusat bagi menyalurkan semua perkhidmatan-perkhidmatan pertanian yang dikendalikan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian. Agensi-agensi tersebut ialah Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Parit dan Taliair, Bahagian Kemajuan Masyarakat, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan MARDI. Di dalam usaha memasarkan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani, pihak Lembaga Persatuan Peladang akan mengendalikan pemasaran di peringkat ladang dan Kompleks Geraktani akan menjadi sebagai "Pusat Memungut" hasil-hasil tersebut.

Mengenai pemasaran padi ianya adalah diluar bidang tugas Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak LPN dalam usahanya memasarkan padi.

### GAJI PEKERJA-PEKERJA KILANG

17. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar

tentang perbezaan yang besar dalam pembayaran gaji pekerja-pekerja kilang dari satu tempat dengan tempat lain misalnya Kilang Elektronik di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sungai Petani dan demikian juga kilang-kilang lain seperti Kilang Benang dan Kilang makanan dan, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini dan sama ada terdapat rancangan bagi menyamakan gaji mereka.

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Saya sedar bahawa kadar-kadar gaji bagi pekerja-pekerja kilang adalah berbeza dari satu tempat dengan tempat yang lain. Kadar gaji yang ditawarkan oleh sesebuah kilang itu bergantung kepada beberapa faktor, seperti kemampuan kewangan majikan dan kedudukan kilang tersebut serta kadar gaji bagi satu-satu kawasan tersebut.

Di mana pekerja-pekerja mempunyai Kesatuan Sekerja, kadar gaji adalah ditentukan mengikut perundingan bersama di antara Kesatuan Sekerja dan pengurusan yang berkenaan. Persetujuan ini adalah terkandung di dalam perjanjian bersama, yang ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

Pada amnya, melalui usaha-usaha kita dalam membangunkan ekonomi, bukan sahaja secara menyeluruh tetapi juga di berbagai kawasan perindustrian di seluruh negara, kita telah berjaya menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan bagi pekerja-pekerja kita dan dengan itu dapat pula kita meningkat lagi gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja kita.

Peraturan yang berjalan sekarang yang menggalakkan kadar gaji dipersetujui di antara pengurusan kilang dan pekerja-pekerja mereka adalah dapati berfaedah kepada kedua-dua belah pihak.

Di mana pekerja tidak mempunyai kesatuan yang mana gaji dan syarat perkhidmatan adalah rendah, pegawai dari Kementerian saya telah dan akan terus berusaha untuk meningkatkannya lagi, dan sukacita dimaklumkan bahawa usaha-usaha ini telah mencapai kejayaan yang memuaskan.

### PASUKAN PETUGAS PERUSAHAAN GULA

18. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat oleh Petugas Khas di Jabatan

Perdana Menteri untuk mengkaji secara detail terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan gula, bilakah laporannya akan boleh didapati dan diumumkan dan sama ada Kerajaan juga ber-cadang melanjutkan sekop Petugas Khas yang tidak saja mengkaji masalah di industri gula tetapi juga di industri usaha-sama yang lain termasuk badan-badan berkanun.

**Perdana Menteri:** Pasukan Petugas Perusahaan Gula di Jabatan Perdana Menteri telahpun siap menyediakan draf pertama laporannya. Draf pertama ini sedang diperkemas lagi, dan Pasukan Petugas berharap dapat menyelesaikan kerjanya dalam tempoh kira-kira tiga bulan lagi. Kerajaan akan mempertimbangkan kelak sama ada laporan Pasukan Petugas itu hendak diumumkan atau sebaliknya.

Kerajaan tidak bercadang hendak melanjutkan sekop Pasukan Petugas itu untuk meliputi industri usaha-sama yang lain ataupun badan-badan berkanun.

### CANTON TRADE FAIR—GALAKAN PERDAGANGAN

**19. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang positif telah diambil oleh Malaysia untuk menggalakkan perdagangan dan perniagaan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China, khususnya berkaitan dengan membatalkan segala sekatan yang dikenakan ke atas peniaga dan pedagang Malaysia yang dijemput ke Canton Trade Fair seperti mereka disekat hanya diizinkan berniaga setahun sekali dan dipersoal-soalkan oleh Polis Cawangan Khas apabila mereka pulang ke Malaysia dll., dan nyatakan jumlah yang diperniagakan di Canton Trade Fair oleh Malaysia sejak tahun 1970 hingga tahun 1979 dan berapakah orang peniaga Malaysia telah dijemput ke Canton Trade Fair ini.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri dalam persidangan Dewan Rakyat yang lepas-lepas. Seperti yang ditegaskan oleh YAB. Perdana Menteri pada 11hb Jun, 1979 sebagai menjawab soalan daripada Ahli Yang

Berhormat dari Menglembu bahawa Kerajaan buat masa sekarang di atas sebab-sebab keselamatan tidak dapat melonggarkan sekatan-sekatan yang dikenakan untuk peniaga-peniaga dan pelancung-pelancung untuk melawat Republik Rakyat China dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

Untuk makluman tambahan kepada Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1972 sehinggalah akhir tahun 1979 sebanyak 2,311 orang pedagang-pedagang Malaysia telah dibenarkan untuk menghadiri Pamiran-pamiran Perdagangan Canton dan sejumlah \$890,144,062 nilai barang-barang telah ditandatangani perjanjian jual-beli di antara pedagang-pedagang Malaysia dengan pembekal-pembekal di Republik tersebut dalam masa yang sama.

Saya juga ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat, walaupun Kerajaan membenarkan seseorang pedagang untuk menghadiri Pamiran Perdagangan Canton hanya sekali setahun, tetapi syarikat berkenaan boleh menghantar dua orang wakilnya yang berlainan untuk menghadiri kedua-dua pamiran perniagaan tersebut setiap tahun. Di samping itu, pedagang juga boleh membuat urusan menandatangani perjanjian jual-beli melalui wakil yang dilantiknya ataupun berurus secara surat, telefon, kawat ataupun menghubungi wakil-wakil China Resources Company di Hongkong dan Macao.

### EKSEKUTIF BUMIPUTRA DALAM SWASTA

**20. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa ramaikah Eksekutif Bumiputra Dalam Swasta yang memegang tanggungjawab penting sekarang ini dan apakah langkah-langkah Kerajaan sekarang ini bagi mewujudkan lebih ramai eksekutif Bumiputra dalam swasta.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad** Setakat akhir tahun 1978, jumlah Bumiputra dalam sektor pengilangan yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian yang memegang jawatan penting, iaitu jawatan-jawatan dalam bidang pengurusan dan iktis dan teknik dan penyeliaan, adalah berjumlah 7,757 orang. Angka ini adalah merupakan

27% daripada jumlah eksekutif-eksekutif dalam sektor pengilangan pada keseluruhannya. Kementerian saya berpendapat bahawa angka ini adalah memuaskan jika dibandingkan semasa Dasar Ekonomi Baru mula dilancarkan. Namun demikian, Kerajaan sedang berusaha supaya bilangan eksekutif Bumiputra dalam sektor pengilangan khasnya, dan lain-lain sektor amnya, ditingkatkan dari masa ke semasa sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Di antara langkah-langkah yang khusus yang dijalankan oleh Kementerian saya untuk menuju ke arah ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengenakan syarat di dalam semua syarikat-syarikat swasta yang dilesenkan melalui Akta Penyelarasan Perindustrian supaya mengambil serta melatih pekerja-pekerja Bumiputra di semua peringkat, terutama di peringkat pengurusan dan professional. Usaha-usaha ini telah dijalankan dan akan terus dijalankan dengan bersungguh-sungguh;
- (ii) Melalui badan-badan seperti Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan Jawatankuasa Pengeluaran Saham (CIC) di mana permohonan penyusunan semula syarikat dibuat, mengawasi bahawa di dalam penyusunan semula syarikat-syarikat, peluang-peluang hendaklah diambil untuk menggalakkan penglibatan Bumiputra yang "efektif" baik dari segi ikuti mahupun dari segi gunatena; dan
- (iii) Melalui SIRIM, Pusat Daya Pengerluan Negara, Lembaga-lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, Perusahaan Persekutuan, Perbadanan Kemajuan Pelancungan, Keraftangan dan Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit, menekankan supaya kaum Bumiputra diberi latihan yang tertentu dari segi pengurusan dan lain-lainnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, secara umum, Kerajaan sedang menyediakan dan melatih dengan lebih intensif lagi belia-belia Bumiputra di institut-institusi pengajian tinggi dalam bidang-bidang tertentu, terutama bidang iktisas dan teknik, di mana Bumiputra masih berkurangan. Biasiswa juga diberi oleh

Kerajaan-Kerajaan Pusat dan Negeri untuk pelajar-pelajar Bumiputra di seluruh Negara. Seterusnya, Kerajaan telah menekankan kepada syarikat-syarikat swasta peri mustahaknya Dasar Ekonomi Baru dipatuhi dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Pada masa ini, terdapat syarikat-syarikat swasta telah berusaha menggalakkan pembentukan eksekutif Bumiputra dengan mengadakan biasiswa, memberi latihan di syarikat-syarikat induk dan memberi peluang kenaikan pangkat kepada Bumiputra.

Kerajaan berkeyakinan penuh bahawa dengan adanya langkah-langkah yang telah dijalankan itu serta dengan kerjasama yang diberi oleh pihak swasta pada keseluruhannya, lebih ramai lagi eksekutif Bumiputra akan dapat diwujudkan di masa-masa yang akan datang.

#### TENTERA RUSSIA DI AFGHANISTAN

**21. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah Malaysia terlibat dalam usaha membantu perjuangan rakyat Afghanistan menentang rejim tentera dan ideologi Soviet Russia di negara mereka.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Saya teahpun memberi jawapan kepada soalan yang sama pada 18hb Mac 1980.

#### SABAH—TUNTUTAN FILIPINA

**22. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan pada masa ini akan tuntutan Filipina terhadap Sabah, adakah Kerajaan Malaysia telah mengambil apa-apa langkah untuk menyelesaikan perkara yang berpanjangan ini, jika tidak, mengapa.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Bagi Malaysia tuntutan ini tidak mempunyai asas sama sekali. Oleh itu, soal apa jua langkah dalam perkara ini tidak timbul.

Ahli Yang Berhormat masih lagi ingat bahawa Presiden Marcos, semasa Sidang Kemuncak Negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur dalam tahun 1977 telah membuat pengumuman bahawa Kerajaan Filipina akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menggugurkan tuntutan ini. Sepanjang yang diketahui, setakat ini, proses penguguran tuntutan ini belum selesai lagi.

### PULAU PINANG KE TARAF PELABUHAN BEBAS

**23. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peniaga-peniaga di Pulau Pinang masih mengalami kerumitan-kerumitan yang tidak dapat diatasi sejak Pulau Pinang hilang taraf pelabuhan bebasnya dan adakah terdapat sebarang rancangan untuk mengembalikan semula taraf pelabuhan bebas itu; dan jika tidak, mengapa.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Kita akui sebarang perubahan akan membawa sedikit sebanyak kerumitan kepada rakyat bagi satu-satu kawasan. Memang telah dijangka dengan penarikan balik taraf pelabuhan bebas di Pulau Pinang, akan menimbulkan kerumitan jua tetapi penarikan itu adalah setimpal dengan usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan Pulau Pinang. Di antara usaha-usaha pembangunan tersebut ialah dengan penubuhan Zon Perdagangan Bebas, rancangan-rancangan untuk menggalakkan pertumbuhan pelancungan dan sebagainya.

Sememangnya patut taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang itu ditarik balik supaya rakyat Pulau Pinang mempunyai kedudukan yang sama dengan rakyat di negeri-negeri yang lain dengan termasuknya Pulau Pinang di dalam Kawasan Utama Kastam. Kerajaan telah membuat peruntukan-peruntukan yang banyak dan besar kepada Pulau Pinang untuk pembangunannya di dalam berbagai-bagai bidang. Misalnya untuk menambahkan lagi para pelancang ke Pulau Pinang, Kerajaan telah membenarkan penubuhan kedai-kedai bebas cukai di Pulau Pinang dengan tujuan menambahkan peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga terutamanya kepada mereka yang dahulu bergantung kepada perniagaan dengan pelancang-pelancang dan barang-barang tidak berduti. Kerajaan tidak bercadang untuk mengembalikan taraf pelabuhan bebas di Pulau Pinang itu memandangkan banyak rancangan-rancangan pembangunan telah diberikan kepada rakyat di Pulau Pinang

Dengan perubahan yang telah berlaku semenjak Pulau Pinang hilang taraf pelabuhan bebasnya dan memandangkan bahawa Pulau Pinang bukan sahaja telah menjadi satu kawasan perindustrian yang termaju bahkan juga telah dapat mengekalkan kedudukannya sebagai pusat pelancungan yang masih

menarik, tidak ada sebabnya yang peniaga-peniaga Pulau Pinang masih lagi menghadapi kerumitan yang berbangkit daripada langkah menarik balik taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang.

### KESATUAN SEKERJA BAGI PEKERJA ELEKTRONIK

**24. Tuan V. David** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan mengapa Kerajaan tidak membenarkan pekerja-pekerja Kilang Elektronik menubuhkan sebuah Kesatuan Sekerja sungguhpun beberapa kilang berkenaan telah ujud untuk lebih sepuluh tahun. Apakah ini disebabkan kerana suatu jaminan yang tidak bertulis telah diberi kepada majikan-majikan yang mencari buruh murah di Malaysia; apakah beliau akan menimbang untuk mendaftarkan Kesatuan Sekerja bagi pekerja-pekerja Elektronik dalam erkata semangat dan dasar yang diistiharkan oleh Kerajaan yakni untuk menggalak dan memupuk perkembangan Kesatuan Sekerja di Malaysia.

**Dato' Richard Ho Ung Hum:** Pendirian Kerajaan mengenai penubuhan Kesatuan Sekerja bagi pekerja-pekerja Elektronik adalah bebas untuk menubuhkan Kesatuan mereka sendiri. Saya ingin menegaskan di sini bahawa tidak ada apa-apa jaminan yang diberi kepada mana-mana pihak.

Walaubagaimanapun, penubuhan Kesatuan Sekerja bagi pekerja-pekerja ini telah menjadi rumit kerana terdapat percubaan-percubaan daripada sebuah Kesatuan Sekerja yang telah berdaftar yang mewakili perusahaan yang berlainan untuk mengambil pekerja-pekerja elektronik ini ke dalam keahlian mereka.

### KAWALAN HARGA SECARA UNDANG-UNDANG

**25. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau ingin melindungi kepentingan pengguna-pengguna melalui jalan mengadakan undang-undang dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Kementerian saya telahpun mengadakan beberapa undang-undang yang secara langsung bertujuan untuk melindungi kepentingan pengguna. Undang-undang tersebut ialah:

- (i) Akta Kawalan Harga, 1946;
- (ii) Akta Kawalan Bekalan, 1961;
- (iii) Akta Perihal Dagangan, 1972;
- (iv) Akta Sewa-Beli, 1967.

Akta Kawalan Harga, 1946 adalah bertujuan untuk mengawal harga. Di bawah Akta ini satu perintah yang diberi nama Perintah Penandaan Harga oleh penjual runcit telah diadakan di mana peniaga-peniaga runcit diwajibkan meletakkan tanda harga kepada 111 jenis barang-barang pengguna. Dengan adanya tanda harga pengguna-pengguna dapat membandingkan harga dan memilih harga yang lebih munasabah.

Akta Kawalan Bekalan, 1961 adalah bertujuan untuk mengawal dan mencatu bekalan barang-barang perlu. Di bawah Akta ini sebanyak 19 jenis barang-barang telah distiharkan sebagai barang-barang kawalan tetap. Sementara 21 jenis lagi distiharkan sebagai barang-barang kawalan musim perayaan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kempen anti-sorok yang dirancang oleh Kerajaan adalah dilaksanakan di bawah Akta ini.

Akta Perihal Dagangan pula membuat peruntukan untuk melarang salah perihal atau perihal yang palsu mengenai sesuatu barang. Dengan adanya Akta ini pengguna-pengguna akan mendapat maklumat-maklumat yang betul mengenai barang-barang yang mereka beli dan mengelakkan diri dari penipuan seperti barang-barang tiruan. Baru-baru ini Kementerian ini telah mengambil tindakan di bawah Akta ini terhadap barang-barang tiruan yang bernilai berjuta-juta ringgit.

Akta Sewa-Beli telah digubal untuk mengawal dan mengawasi bentuk dan kandungan perjanjian-perjanjian sewa-beli serta menentukan dengan jelas hak-hak, kewajipan-kewajipan dan tanggungan penyewa (pengguna), pemunya dan lain-lain pihak yang terlibat dalam perjanjian sewa-beli.

Selain daripada undang-undang tersebut terdapat beberapa undang-undang lagi yang memberi perlindungan kepada pengguna. Antaranya ialah Akta Timbang dan Sukat

1972 yang akan mula dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 1982. Akta ini selain daripada bertujuan menyatukan pentadbiran timbang dan sukat di seluruh negara ia juga memberi perlindungan kepada pengguna daripada penipuan-penipuan timbang dan sukat.

Di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968 juga terdapat peruntukan yang membolehkan Kerajaan mengenakan syarat kepada industri-industri yang diberi taraf perintis atau kecualian tariff supaya mendapat kelulusan daripada Kerajaan sebelum menaikkan harga barang-barang keluaran mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat beberapa undang-undang lain yang ditadbirkan oleh lain-lain Jabatan Kerajaan yang juga mempunyai kaitan dengan perlindungan pengguna seperti undang-undang untuk mengawal penyediaan dan penjualan makanan dan dadah, mengawasi kegiatan pemaju-pemaju perumahan, mengawasi kebersihan alam sekitar dan sebagainya. Walaupun undang-undang penting tetapi pelaksanaan dan penguatkuasaannya pun penting. Langkah-langkah telah diambil untuk menguatkan Bahagian Penguatkuasa di Kementerian saya terutamanya di peringkat Negeri untuk menambahkan kekesan pelaksanaan undang-undang itu.

Saya yakin undang-undang sahaja tidak akan memberi kesan yang sepenuhnya tanpa sokongan dan kerjasama daripada pengguna-pengguna sendiri. Oleh itu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan ujudnya satu gerakan pengguna yang berkesan di negara ini. Bagi tujuan ini Kerajaan telah dan akan terus memberi bantuan kewangan dan khidmat nasihat kepada persatuan-persatuan pengguna serta menganjurkan seminar, ceramah dan pamiran untuk membantu membangunkan gerakan pengguna di negara ini. Namun demikian gerakan pengguna tidak akan dapat mencapai statusnya seperti di negara-negara maju jika pengguna-pengguna atau orang ramai tidak memberi kerjasama dan sokongan kepada aktiviti-aktiviti persatuan pengguna.

#### LADANG BUKIT KIARA—AMBIL ALEH

**26. Tuan V. David** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar lebih dari 100 keluarga di Ladang

Bukit Kiara, Damansara, Kuala Lumpur telah tinggal di ladang tersebut sejak hayat mereka dan tanah tersebut telah diambil oleh Dewan Bandaraya untuk tujuan pembangunan. Apakah Menteri berkenaan akan memberikan mereka tanah untuk menempatkan semula keluarga-keluarga tersebut sebelum memulakan pembangunan di tempat berkenaan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn):** Ladang Bukit Kiara ini telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembangunan berbagai-bagai Institusi Kerajaan dan kemudahan-kemudahan awam. Antara projek-projek yang dilaksanakan ialah:

1. Institusi-institusi pelajaran
2. Kampus Utama INTAN
3. Pusat Latihan Pos
4. Kelab Perkhidmatan Awam
5. Asrama Johor
6. Setesyen L.L.N. dan Rentis Talian
7. Televisyen Pendidikan
8. Pusara Negara
9. Botanical Park
10. Tanah Perkuburan Islam.

Adalah menjadi tanggungjawab tuannya ladang tersebut yang telah dibayar wang pampasan menguruskan hal ehwal kebajikan pekerja-pekerja yang bergantung nafkah hidup mereka kepada ladang getah tersebut. Dewan Bandaraya pada masa ini sedang membina rumah-rumah panjang bagi menempatkan semula keluarga-keluarga penoreh getah yang pada masa ini masih lagi bekerja menoreh getah di ladang tersebut secara kontrek. Dengan menempatkan mereka semula Kerajaan tidak bercadang untuk memberi tanah ganti kepada mereka yang terlibat.

#### **KAJIAN SEMULA GAJI PEKERJA-PEKERJA SEKTOR AWAM**

**27. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Kerajaan akan menyiapkan kajiannya mengenai kajian semula gaji 750,000 kakitangan Kerajaan termasuk mereka yang berkhidmat di dalam pasukan polis dan angkatan tentera; dan

sama ada Kesatuan-kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Public Service Union) telah diundang untuk menghantar memorandum dan membuat perwakilan atas perkara tersebut.

**Perdana Menteri:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kajian semula gaji pekerja-pekerja sektor awam adalah dijangka siap dalam tahun ini. Kajian gaji ini juga akan menimbang pendapat dan pandangan yang dikemukakan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam. Pihak pekerja dalam Majlis Bersama Kebangsaan telahpun mengemukakan memorandum gajinya kepada Kerajaan bagi pihak kesatuan-kesatuan itu untuk pertimbangan dan undangan lain tidaklah perlu dibuat.

#### **PAKATAN TENTERA DI KALANGAN ASEAN**

**28. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Malaysia bercadang hendak mengadakan "Pakatan Tentera atau Pakatan Pertahanan" serta kerjasama tentera di kalangan Negara ASEAN memandangkan pergolakan dan ancaman Komunis di Asia Tenggara.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Malaysia tidak bercadang untuk mengadakan "Pakatan Tentera atau Pakatan Pertahanan" di kalangan negara-negara ASEAN. Dalam perkara ini, saya meminta perhatian Ahli Yang Berhormat kepada kenyataan yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri pada 7hb Mac lalu, semasa merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN/EEC. Beliau telah menegaskan sekali lagi pendirian Malaysia bahawa ASEAN akan terus menentang untuk menjadikannya pakatan tentera. ASEAN ditubuhkan atas pertimbangan dan matlamat sosio-ekonomi dan akan terus bersifat dan bergiat demikian.

Namun begitu, ini tidak bermakna tiap-tiap negara-negara ASEAN, secara hubungan duahala, terhalang mengadakan dan mengeratkan kerjasama keselamatan untuk menentang musuh bersama. Hubungan rapat seperti ini sudah terjalin dalam kerjasama keselamatan Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia bagi membasmi penganas komunis di sempadan bersama kita.

Berhubung dengan ancaman dari luar, Angkatan Tentera kita sentiasa bersedia sedia untuk mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah negara kita.

### **GURU BESAR/PENOLONG KANAN— KENAIKAN PANGKAT**

**29. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Guru-guru Besar dan Penolong-penolong Kanan yang tidak memegang lagi jawatan yang disandang oleh mereka dahulu ketika urusan kenaikan pangkat dilakukan baru-baru ini oleh Kementeriannya; sama ada beliau sedar wujudnya rasa tidak puashati di kalangan guru-guru yang terlibat itu kerana mereka berpendapat jasa-jasa baik mereka pada satu ketika dahulu tidak dihargai oleh Kerajaan; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membetul dan memperbaiki keadaan tersebut.

**Dato' Musa bin Hitam:** Jumlah guru-guru yang terlibat ialah 149 orang. Ia, Kementerian sedar tentang wujudnya rasa tidak puashati di kalangan guru-guru yang terlibat itu. Kes-kes yang dikemukakan melalui pelbagai saluran akan dikaji dengan teliti dan berdasarkan "merit" tiap-tiap kes itu pertimbangan yang wajar akan dibuat sesuai dengan syarat-syarat skim perkhidmatan yang ada sekarang.

### **TERNAKAN LEMBU—PERUNTUKAN**

**30. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang menambahkan peruntukan jumlah ekor lembu untuk pekerja-pekerja ladang dan kampung untuk menambahkan lagi hasil ternakan.

**Dato' Shariff Ahmad:** Kementerian Pertanian memang bercadang untuk menambahkan peruntukan di dalam rancangan ternakan lembu untuk menggalakkan pengeluaran ternakan di kalangan penduduk, khasnya mereka di dalam golongan miskin. Ini termasuklah pekerja-pekerja ladang dan pekerja-pekerja kampung bagi menambahkan sumber pendapatan mereka. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$27 juta telah diutangkan bagi rancangan ini.

### **PENCEROBOHAN RUSSIA KE ATAS AFGHANISTAN**

**31. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa berlakunya pencerobohan di Afghanistan oleh tentera Soviet yang menguasai penuh negara tersebut terdapat ramai rakyatnya menjadi mangsa dan terkorban. Apakah langkah dan tindakan Malaysia terhadap Kerajaan Soviet supaya menuntut pengunduran segera semua tentera Soviet dari negara tersebut.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Kerajaan Malaysia ialah antara negara-negara yang terawal sekali mengambil pendirian mengancam pencerobohan Soviet Union ke atas Afghanistan. Delegasi Malaysia telah memainkan peranan yang aktif di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga di Mesyuarat Tergempar Menteri-Menteri Luar Negeri Pertubuhan Persidangan Islam (PPI) di Islamabad baru-baru ini. Malaysia juga menjadi penganjur bersama (co-sponsor) resolusi-resolusi Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam menyeru supaya tentera-tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan tanpa syarat dan supaya rakyat Afghanistan dibenarkan memilih sendiri jenis kerajaan yang mereka ingini tanpa campurtangan dari luar. Di Islamabad, Menteri Luar Malaysia telah membuat suatu kenyataan yang tegas iaitu pencerobohan Soviet yang berterang-terangan di Afghanistan merupakan suatu ancaman kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa dan mengancam keganasan itu sebagai suatu pencabulan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Charter Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pergerakan Berkecuali. Pencerobohan Soviet di Afghanistan itu menimbulkan suatu "precedence" yang membahaya yang menjadikan negara-negara kecil yang merdeka terdedah kepada campurtangan, manipulasi, dan kekuatan kuasa-kuasa luar. Sejajar dengan keputusan Pertubuhan Persidangan Islam, Malaysia adalah di antara negara-negara yang terawal mengambil keputusan memboikot Sukan Olimpik di Moscow melainkan jika tentera-tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan.

Kita memerhati perkembangan dan langkah-langkah seterusnya akan kita pandukan kepada apa yang ditimbang oleh Persidangan Islam dan masyarakat antarabangsa umumnya.

### GABUNGAN AMNESTY ANTARA-BANGSA—PERAKUAN

**32. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri merujuk kepada jawapan yang diberikan oleh beliau dalam Parlimen semasa soal-jawab pada 15hb Oktober, 1979 bahawa Kerajaan akan menimbang perakuan-perakuan yang dibuat oleh Gabungan Antarabangsa Amnesty dalam laporannya mengenai hak-hak manusia di Malaysia menyatakan hasil kajian Kerajaan ke atas perakuan yang dibuat oleh Gabungan Antarabangsa Amnesty itu.

**Perdana Menteri:** Kerajaan telahpun mengkaji perakuan-perakuan yang dibuat oleh Amnesty International sebagaimana yang dimaksudkan itu dan didapati ianya mengandungi perakuan-perakuan yang terpesong kerana didasarkan kepada laporan dan faktor-faktor yang salah dan diputarbelitkan. Dengan yang demikian perakuan-perakuannya tidak munasabah kecuali perakuannya yang meminta supaya ubat-ubat China dibenarkan. Oleh kerana terdapat seorang Pembantu Hospital bertugas sepenuh masa di Tempat Tahanan Kemunting dan Pegawai Perubatan melawat pada tiap-tiap hari di Tempat Tahanan Batu Gajah dan ubat-ubat yang cukup maka peraturan yang dijalankan sekarang adalah mencukupi.

### LAUNCHING GRANTS BAGI MAJLIS DAERAH

**33. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejak Akta Kerajaan Tempatan dikuatkuasa berapa jumlah Majlis-majlis Daerah yang ditubuhkan, berapa dari mereka yang telah menerima "Launching Grants" dan mengapa beberapa majlis daerah khususnya di Negeri Johor masih belum lagi atau lambat menerima "Launching Grants" tersebut.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan sehingga 1hb Januari, 1980 ialah sebanyak 58 Majlis

Daerah dan 15 Majlis Perbandaran telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan semua penguasa-penguasa tempatan tersebut termasuk penguasa-penguasa tempatan di Negeri Johor telah menerima Geran Pelancaran (Launching Grants) bagi tahun 1979. Bagi tahun 1980, Kementerian saya sedang membuat pemeriksaan ke atas projek-projek yang dicadang oleh Negeri-negeri untuk dilaksanakan dalam tahun 1980 di bawah Geran tersebut. Sebaik sahaja tindakan tersebut diselesaikan Kementerian saya akan memberi ansuran Geran Pelancaran bagi 1980 kepada penguasa-penguasa tempatan yang berkenaan. Pemberian anggaran itu dijangka akan bermula pada bulan April akan datang.

### RUMAH PEKERJA-PEKERJA LADANG

**34. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah bilangan ladang-ladang di negara ini dan di antara jumlah ini berapa banyakkah ladang-ladang yang telah membina semula rumah-rumah pekerja ladang selaras dengan keadaan moden sekarang agar pekerja-pekerja dapat menikmati alam sekeliling yang lebih baik.

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Jumlah bilangan ladang-ladang yang luasnya lebih dari 100 ekar di Semenanjung Malaysia ialah 2,362.

Dari jumlah ini lebih kurang 1,600 ladang-ladang telah menyediakan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja mereka, dan dari jumlah ini 376 ladang telah membina atau membina semula semua rumah-rumah pekerja mereka mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966.

Dari jumlah 113,590 rumah-rumah pekerja yang didirikan di ladang-ladang sebanyak 32,060 unit telah dibina mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Pada masa ini sebanyak 3,000 unit rumah sedang dibina semula mengikut piawaian ini tiap-tiap tahun.

### RUMAH AWAM KOS RENDAH

**35. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar hanya 20% saja daripada

matlamat rumah-rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tercapai, sebab-sebab mengapa berlaku "shortfall" yang begitu dahsyat yang membawa rasa kekecewaan kepada beribu-ribu bakal pemilik rumah.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 20% daripada rumah-rumah awam kos rendah yang telah disiapkan itu adalah sehingga bulan Jun, 1979. Walau bagaimanapun, sehingga 31hb Disember, 1979, jumlah yang siap telah meningkat kepada 25% (lebih kurang 17,900 yunit) dari matlamat rumah-rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan 50% lagi adalah di dalam berbagai peringkat pelaksanaan di mana 17% (lebih kurang 12,000 yunit) adalah di dalam pembinaan bangunan dan 33% (lebih kurang 23,000 yunit) adalah di dalam peringkat awal pelaksanaan. Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk mendapatkan kerjasama yang rapat dengan agensi-agensinya pelaksana untuk mempercepatkan proses pelaksanaan projek perumahan awam kos rendah supaya pembinaan yunit rumah tersebut akan siap lebih awal lagi daripada yang dijangka. Kementerian saya menjangkakan bahawa kira-kira 70%-80% daripada rumah-rumah ini akan siap atau berada di peringkat pelaksanaan apabila tempoh Rancangan Malaysia Ketiga tamat kelak.

Kementerian saya telah mengkaji kedudukan pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan telah mengesan enam masalah besar yang dihadapi dalam pelaksanaan program tersebut. Masalah-masalah itu ialah, kelambatan menentukan tapak projek, kelemahan perancangan, kelambatan mengemukakan projek-projek untuk dilaksanakan, kekurangan keupayaan untuk melaksanakan rancangan perumahan awam kos rendah, kekurangan tanah untuk rancangan perumahan awam kos rendah dan kos infrastruktur. Kementerian saya sedang merancang strategi-strategi baru yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

### PEPERIKSAAN TOEFL— PENGECEUALIAN

**36. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan Britain telah menaikkan yuran persekolahan kepada penuntut-penuntut di seberang laut terlalu tinggi sehingga menimbulkan berbagai bantahan dari berbagai golongan, dan oleh kerana Kerajaan telah mengalihkan pandangannya ke negeri-negeri lain termasuk Amerika Syarikat sama ada Kerajaan akan berunding dengan pihak pelajaran tinggi yang berkenaan untuk menerima kemasukan pelajar-pelajar kita dengan mengambil kira English 121 sebagai syarat kemasukan ke pusat pengajian tinggi tanpa mengambil peperiksaan TOEFL seperti mana yang dilakukan oleh United Kingdom, Australia dan New Zealand. Jika tidak, mengapa.

**Dato' Musa bin Hitam:** Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, New Zealand dan Australia mempunyai ujian bahasa Inggeris yang tersendiri sebagai satu syarat untuk pelajar-pelajar asing memasuki ke institusi pelajaran tinggi mereka dengan tidak mengira apa juga kelayakan yang diperolehi oleh si pemohon. Peperiksaan atau ujian TOEFL adalah merupakan satu syarat utama yang telah ditentukan oleh institusi pelajaran tinggi di Amerika Syarikat bagi pelajar-pelajar asing yang ingin melanjutkan pelajaran tingginya di sana. Ini adalah merupakan satu polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkenaan dan Kerajaan kita tidak boleh mencampuri dasar pelajaran mereka ini.

### JURUTERA/DOKTOR DARI TAIWAN— PENGIKTIRAFAN

**37. Tuan Seow Hum Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa jurutera-jurutera dan doktor-doktor yang dilatih di Taiwan adalah setaraf dengan lain-lain jurutera dan doktor yang dilatih di New Zealand, Australia, Mesir dan Indonesia. Jika ya, mengapa mereka tidak diiktiraf oleh Kerajaan.

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Rauf:** Saya tidaklah dapat bersetuju dengan penilaian perbandingan taraf kelayakan di antara jurutera-jurutera dan doktor-doktor

yang mendapat kelayakan di Taiwan semestinya sama dengan jurutera-jurutera dan doktor-doktor yang mendapat kelayakannya di New Zealand, Australia, Mesir dan Indonesia seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tiap-tiap negeri mempunyai penilaiannya sendiri.

Kerajaan telahpun mengadakan satu Jawatankuasa Tetap penilaian dan pengiktirafan Kelayakan yang di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk menilai mana-mana kelulusan diploma dan ijazah dari luar negeri yang didapati perlu untuk Perkhidmatan Awam. Penilaian yang dilakukan adalah berasaskan kepada taraf diploma atau ijazah yang dikeluarkan oleh Universiti-universiti tempatan. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi nilai-nilai (values) yang munasabah terhadap kelayakan-kelayakan yang tidak diiktiraf termasuk dari Universiti-universiti di Taiwan dan dari Universiti Nanyang di Singapura untuk tujuan memasuki Perkhidmatan Awam.

Taraf kelayakan jurutera-jurutera dan doktor-doktor yang dilatih di luar negeri termasuk di Taiwan tidak perlu diberi pengiktirafan oleh Kerajaan jika pemilikinya hanya berhajat untuk menjalankan amalan jurutera dan doktor dalam bidang swasta dengan syarat mereka hendaklah berdaftar dengan badan-badan profesyenal yang berkenaan.

## PERUSAHAAN TEMBAKAU

**38. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan memberi lesen-lesen dan kuota yang baru kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (P.K.I.N.K.) itu dapat dianggap bahawa Lembaga Tembakau Negara sengaja memberi dorongan kepada Perbadanan tersebut untuk menyaingi pegawai-pegawai bumiputra tempatan (Bachok dan Pasir Puteh) yang telah terbukti berupaya menjalankan perusahaan tembakau sejak bertahun-tahun yang lalu. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan selanjutnya.

**Dato' Paul Leong Khee Seong:** Sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa lesen-lesen dan kuota yang telah dikeluarkan kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri

Kelantan (P.K.I.N.K) bukanlah lesen-lesen dan kuota yang baru seperti dalam jawapan saya kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada 20-3-1980.

Saya juga ingin menyatakan bahawa kan lesen dan kuota kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan bukanlah bermakna bahawa Lembaga Tembakau Negara memberi dorongan kepada Perbadanan itu untuk menyaingi pengawit-pengawit bumiputra tempatan (Bachok dan Pasir Puteh) yang mempunyai keupayaan untuk menjalankan perusahaan tembakau di situ. Juga saya ingin menyatakan bahawa perusahaan pengawitan tembakau yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan ini adalah dalam satu kawasan yang tertentu dan tidak sama sekali menyaingi ataupun menjejaskan kedudukan pengawit-pengawit tembakau bumiputra yang sedia ada dalam kawasan Bachok dan Pasir Puteh. Oleh sebab perusahaan pengawitan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan syarikat-syarikat bumiputra di kawasan Bachok dan Pasir Puteh itu adalah dalam kawasan-kawasan yang berlainan, maka soal persaingan diantara Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan pengawit-pengawit bumiputra tempatan tidak timbul.

Pihak Lembaga Tembakau Negara telah menimbangkan soal pengeluaran lesen dan kuota kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dengan teliti mengikut peraturan-peraturan Kaedah-Kaedah (Pelesenan) Perusahaan Tembakau 1973. Setelah pihak Lembaga Tembakau Negara berpuas hati bahawa Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dapat memelihara kepentingan petani-petani dan pekerja-pekerja yang berjumlah 10,000 orang itu, maka pihak Lembaga Tembakau Negara telah membuat keputusan untuk mengeluarkan lesen-lesen dan kuota itu kepada pihak Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Dengan adanya lesen dan kuota ditangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan maka ini bermakna bahawa perusahaan pengawitan tembakau dalam kawasan-kawasan yang berkenaan itu dapat dikekalkan di kalangan bumiputra. Adalah menjadi persefahaman dan juga harapan Lembaga Tembakau Negara bahawa pihak Perbadanan Kemajuan Iktisad

Negeri Kelantan pada suatu ketika kelak akan menjualkan saham-saham perusahaan pengawitan tembakau ini kepada penanam-penanam dan pekerja-pekerja dalam kawasan yang berkenaan itu, setelah perusahaan ini bergerak maju dan diletakkan di atas satu batu asas yang kukuh kelak.

Juga ingin saya mengambil kesempatan ini untuk memberi makluman pada Ahli Yang Berhormat bahawa Lembaga Tembakau Negara telah juga meluluskan lesen-lesen dan kuota kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan bagi semua kawasan-kawasan yang sebelum tahun 1977 dahulu dijalankan oleh Syarikat Perbadanan Perusahaan Pertanian Sendirian Berhad (P.P.P.S.B). Langkah ini telah diambil oleh Lembaga Tembakau Negara untuk menentukan bahawa kepentingan pihak petani-petani dan juga pekerja-pekerja yang berjumlah 10,000 orang itu dapat meneruskan mata pencarian mereka melalui perusahaan penanaman tembakau pada tahun-tahun yang akan datang.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM DI MALAYSIA—BILANGAN

**39. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sehingga 29-2-80, berapa ramaikah pendatang-pendatang haram Vietnam masih ada di Malaysia. Berikan angka-angka pendatang haram Vietnam yang mendarat dan meninggalkan Malaysia bagi bulan-bulan Disember, 1979, Januari dan Februari, 1980.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Jumlah pendatang haram Vietnam yang ada di negara ini pada 29-2-1980 ialah seramai 25,060 orang.

Jumlah yang mendarat dan meninggalkan Malaysia bagi bulan-bulan Disember, 1979, Januari dan Februari, 1980 seperti berikut:

|                | Mendarat           | Dipindahkan ke negara ketiga |
|----------------|--------------------|------------------------------|
| Disember, 1979 | 827 orang          | 3,690 orang                  |
| Januari, 1980  | 866 "              | 5,550 "                      |
| Februari, 1980 | 852 "              | 4,517 "                      |
|                | <u>2,545 orang</u> | <u>13,757 orang</u>          |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat baki pendatang haram Vietnam sehingga hari ini ialah 23,108 orang.

#### PENCEROBOHAN RUSSIA TERHADAP AFGHANISTAN

**40. Tuan Muhyiddin bin Mohd. Yassin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula dengan seriusnya kedudukan hubungan dagangan diantara negara ini dengan Soviet Russia dan sama ada Kerajaan bercadang mengenakan "Embargo Ekonomi" terhadap negara tersebut sebagai membantah tindakan pencero bohannya terhadap Afghanistan.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Malaysia memandang dengan amat seriusnya tentang pencero bohannya tentera-tentera Russia di Afghanistan dan telah mengecam dengan kuatnya pencero bohannya tersebut di Majlis Keselamatan, Persidangan Khas Bangsa-bangsa Bersatu, di Mesyuarat Tergempar Menteri-menteri Luar Perhubungan Persidangan Islam dan baru-baru ini di Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN dan E.E.C. Selain dari itu, Malaysia juga telah mengumumkan bahawa ia tidak akan menyertai Sukan Olimpik di Moscow selagi tentera Soviet tidak diundur dari Afghanistan selaras dengan syor Persidangan Islam. Untuk langkah-langkah seterusnya yang patut diambil Malaysia akan menimbangakan juga bersama dengan Persidangan Islam dan masyarakat antarabangsa umumnya.

#### BAYARAN TUNGGAKAN BAGI GURU UGAMA

**41. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini sedar, bahawa ada sebilangan Guru Ugama C2 yang belum menerima tunggakan ME 10 mereka. Kalau sedar apakah langkah sudah dibuat bagi mengatasinya.

**Dato' Musa bin Hitam:** Ya. Kementerian memang sedar mengenai perkara ini. Langkah-langkah akan diambil untuk menghubungi Pejabat Pelajaran Negeri yang berkenaan supaya menguruskan pembayaran tunggakan gaji ME 10 kepada mereka yang masih belum menerimanya.

#### RUMAH KEDIAMAN PEKERJA KERETAPI

**42. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar rumah-rumah kediaman yang diperuntukan

kepada kakitangan-kakitangan dan pekerja-pekerja keretapi di Seremban adalah dalam keadaan usang dan tidak sihat dari segi kesihatan dan nyatakan rancangan yang sedia ada untuk memperuntukkan mereka dengan rumah-rumah yang selesa dan bersih dengan beberapa segera yang boleh.

**Dato' Lee San Choon:** Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu memang sedar bahawa kebanyakan rumah-rumah kediaman kakitangan-kakitangan dan pekerja-pekerja keretapi adalah dalam keadaan tidak memuaskan bukan sahaja di Seremban bahkan di seluruh rangkaian keretapi.

Seperti yang dimaklumkan di dalam sidang Dewan ini di masa-masa yang lalu, Pentadbiran Keretapi sedang dalam proses membina rumah pangsa dan rumah-rumah baru bagi kakitangan-kakitangannya secara berperingkat mengikut keupayaan kewangan. Bagi rumah-rumah yang dikatakan telah usang dan tidak sesuai di Seremban itu Pentadbiran Keretapi bercadang untuk menggantikan dengan rumah pangsa kelak di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

### PERTUKARAN GURU ENCIK LOOT TING YEE

**43. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sebab-sebab menasabah untuk menukar seorang guru, Encik Loot Ting Yee, dari Kuala Lumpur ke Jerreh di Trengganu;
- (b) sama ada beliau bersetuju pertukaran guru ini adalah bercorak politik; jika tidak, mengapa guru itu ditukar apabila beliau sendiri tidak meminta pertukaran ini; dan
- (c) sama ada pertukaran guru dalam tempoh 24 jam ke sebuah sekolah lain yang jauhnya beberapa ratus batu dari rumahnya menjadi tatacara biasa Kementerian Pelajaran.

**Dato' Musa bin Hitam:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perkara ini tidaklah dapat saya jawab oleh sebab ianya sedang di dalam perbicaraan Mahkamah Tinggi iaitu Kes Sivill No. P 72 tahun 1980.

### PENGGALAN TENTERA UDARA DI RAJA AUSTRALIA DI BUTTERWORTH

**44. Tuan P. Patto** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada berlanjutan adanya pengkalan Tentera Udara Di Raja Australia di Butterworth di Malaysia menyumbang secara positif kepada konsep Kerajaan yang telah diisytihar, iaitu menjadikan rantau ASEAN sebagai satu zon yang aman, dan berkecuali (ZOPFAN);
- (b) sama ada kebenaran yang diberi oleh Kerajaan kepada Tentera Udara Di Raja Australia lanjut mengadakan pengkalan di negara ini tidak menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia masih "suffering from the colonial hangover" dan juga bahawa ini menunjukkan Kerajaan tidak mempunyai kepercayaan kepada Tentera Udara kita untuk mempertahankan negara kita sendiri;
- (c) kepentingan negara mana yang dibela oleh Tentera Udara Di Raja Australia di Butterworth; dan
- (d) sama ada Kerajaan akan menutup pengkalan Tentera Udara Australia di Butterworth, memandangkan bahawa ada kemungkinan negara-negara lain, khususnya kuasa-kuasa besar, juga mahu mengadakan pengkalan tentera mereka di negara kita, jika tidak, mengapa.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:**

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin maklum, tentera Udara Di Raja Australia ditempatkan di Butterworth mengikut Peraturan Pertahanan Lima Negara Komanwel yang terdiri dari Australia, Malaysia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom. Penempatan Tentera Udara Di Raja Australia itu tidak bertentangan dengan tujuan kita dan ASEAN untuk menubuhkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di Asia Tenggara. Sebagaimana yang telah selalu dinyatakan oleh Kerajaan, sebaik-baik sahaja wujudnya Kawasan tersebut, penempatan Tentera Udara Di Raja Australia itu tidak akan diperlukan lagi.

- Sehingga masa itu, Kerajaan membenarkan penggunaan pengkalan di Butterworth oleh Tentera Di Raja Australia;
- (b) Dari penerangan di atas, jelaslah kepada Ahli Yang Berhormat dakwaan bahawa Kerajaan Malaysia "suffering from colonial hangover" tidaklah berasas sama sekali. Keputusan membenarkan penempatan Tentera Udara Di Raja Australia itu adalah dibuat oleh Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan oleh negara yang merdeka dan berdaulat. Di samping ini, Tentera Udara Di Raja Malaysia akan terus menjadi tulang belakang dalam pertahanan udara negara kita. Jumlah besar perbelanjaan yang diperuntukkan untuk pembangunan dan memperkukuhkan TUDM merupakan hasrat Kerajaan untuk mencapai tujuan tersebut;
- (c) Tentera Udara Di Raja Australia yang ditempatkan di Butterworth adalah khusus untuk mempertahankan negara kita sekiranya berlaku ancaman dari luar tetapi kegunaannya disyaratkan setelah berunding di antara satu sama lain sepertimana telah dipersetujui di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara, 1971; dan
- (d) Sepanjang pengetahuan saya, belum ada negara mana-mana pun yang meminta untuk menempatkan pengkalan tentera di negeri ini.

## USUL-USUL

### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18**

#### **Hukuman Mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri—Rayuan**

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan bagi tujuan berunding satu perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, dan usul saya berbunyi:

Bahawa Majlis Mesyuarat ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2) mengizinkan saya mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan merunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu niat Kerajaan untuk

meneruskan dengan penggantungan baki lima orang lagi yang didapati bersalah dan dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana memiliki senjata secara haram yang mana rayuan-rayuan mereka kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong supaya hukuman mereka itu diringkankan telah ditolak;

Bahawa perkara ini hendaklah di-segerakan kerana lebih kurang 32 orang masih menunggu untuk digantung di mana lima di antara mereka telah ditolak rayuan pengampunan mereka oleh Lembaga Pengampunan dan baki daripada mereka termasuk keluarga dan sanak saudara berada dalam keadaan ketakutan dan kebimbangan, dan jika sekiranya sesuatu tidak dibuat untuk menyelamatkan nyawa mereka ini sudah pasti ini akan menimbulkan rasa marah terhadap Kerajaan kerana di antara mereka ini terdapat beberapa orang yang tidak melibatkan diri dalam subversion politik atau kekerasan;

Bahawa perkara ini juga akan memburukkan nama baik dan imej negara kita di kaca mata negara-negara seluruh dunia;

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana ke semua orang-orang yang menunggu untuk digantung telahpun dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) Perlu, 1975 yang mana peraturan-peraturan tersebut telahpun diisytiharkan oleh Majlis Privy dalam bulan Disember, 1978 sebagai tidak berperlembagaan dan tidak sah dalam perbicaraan kes Teh Cheng Poh melawan Pendakwa Raya. Hakikat ini hendaklah diperhitungkan apabila pengesyoran "clemency dibuat";

Bahawa Majlis Mesyuarat ini hendaklah juga memperhitungkan bahawa mereka yang menunggu untuk digantung terdiri dari orang-orang yang muda dan inilah kali pertama mereka melakukan kesalahan dan mereka harus diberi peluang untuk terus hidup;

Bahawa memandangkan kepada sebab-sebab yang dinyatakan di atas ini, Majlis Mesyuarat ini hendaklah menggesa Peguam Negara mengesyorkan kepada Lembaga Pengampunan supaya rayuan-rayuan mereka ini dikaji dan ditimbang semula serta juga Majlis Mesyuarat ini hendaklah memerintah pihak berkenaan supaya urusan penggantungan ditangguhkan sementara

rayuan-rayuan pengampunan orang-orang yang terlibat itu ditimbang dan dikaji semula. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu usul sebagaimana yang kita telah dengar daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa usul di bawah peraturan ini hendaklah diyakinkan lebih dahulu oleh Tuan Yang di-Pertua atas tiga perkara, iaitu perkara itu tertentu; perkara yang dibangkitkan ada mengandungi kepentingan orang ramai dan yang ketiga ialah perkara yang dibangkitkan itu berkehendak disegerakan.

Setelah meneliti dan mengkaji perkara ini dengan sedalam-dalamnya, saya dapati perkara ini tertentu iaitu berkaitan dengan pengantungan orang-orang yang telah didapati bersalah dan dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana memiliki senjata api dan rayuan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menggesa Yang Berhormat Peguam Negara supaya mengesyorkan kepada Lembaga Pengampunan agar rayuan mereka yang telah dijatuhkan hukuman mati itu dikaji dan ditimbang semula. Memandangkan perkara ini melibatkan langkah mengantungkan baki mereka yang didapati bersalah itu, maka pada fikiran saya urusan-urusan berkaitan dengan perkara ini perlu disegerakan.

Unsur atau faktor yang ketiga di dalam menimbang usul di bawah peraturan ini jika ditimbang hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengenai dengan kepentingan orang ramai dalam usul yang telah dibacakan tadi kurang dapat meyakinkan saya. Saya suka menegaskan bahawa kes-kes yang dibicarakan di bawah apa yang dibacanya tadi iaitu di bawah Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) Perlu 1975 yang telah diisytiharkan oleh Majlis Privy sebagai tidak sah itu telahpun disahkan (validated) oleh Dewan ini—Majlis Parlimen di dalam mesyuarat bulan Januari, 1979 dan telah menjadi sebahagian daripada Undang-undang tersebut dan telah juga mana-mana kes yang terlibat di bawah Undang-undang ini telah

dikaji atau diulangkaji oleh Mahkamah Persekutuan dan mana-mana didapati menasabah dibicarakan semula. Walau bagaimanapun, dari segi keseluruhannya perkara ini saya berpendapat juga ada unsur-unsur kepentingan orang ramai. Jadi oleh yang demikian setelah ditimbang perkara ini dari keseluruhannya iaitu dari segi perkara itu tertentu, dari segi kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan maka saya bersetuju usul ini dibahaskan.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik):** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa negara kita pada masa ini telahpun wujud sebuah Lembaga Pengampunan dan saya mempunyai penuh keyakinan dan percaya bahawa Lembaga ini boleh menjalankan tanggungjawabnya dengan adil dan saksama, maka di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) (a), saya membangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat 18 ini, kalau ada seorang sahaja Ahli Yang Berhormat membangkang, maka saya akan minta pihak Ahli Yang Berhormat yang membawa usul ini supaya mengadakan 15 orang menyokongnya. Yang menyokong, sila bangun.

*(Kurang dari 15 Ahli bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab sokongan yang diperlukan dalam Peraturan Mesyuarat tidak cukup, iaitu hanya ada 14 Ahli sahaja maka usul ini ditolak oleh Dewan. *(Tepuk)*

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG ELEKTRIK (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Elektrik 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—  
“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima”. (21hb Mac, 1980)

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya jelaskan pada masa Dewan ini ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu, hari ini dan hari esok ialah untuk Yang Berhormat Menteri-menteri memberikan jawapan kepada hujah-hujah dan perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam perbahasan Titah Di Raja ini, tetapi saya telah mendapat persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri sebagaimana saya umumkan pada hari Jumaat yang lalu dan 6 orang telah saya setujukan supaya bercakap pada hari ini dan tidak lebih daripada 10 minit pada tiap-tiap satu orang.

Pada masa ditangguhkan dahulu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang baru bercakap selama 4 minit dan saya telah janjikan disambung pada hari ini, lepas itu saya akan jemput seorang demi seorang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dijanjikan pada hari Jumaat lalu. Sekarang sila Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

3.46 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, pada 21hb Mac, 1980 yang lalu telah saya

katakan bahawa pucuk pimpinan negara telah berjaya menanamkan semangat kepada pegawai-pegawai kita supaya berjiwa rakyat. Ketua-ketua jabatan di semua peringkat termasuklah Pegawai-pegawai Daerah telah memainkan peranan yang serius dalam masalah ini. Itulah sebabnya Pegawai-pegawai Daerah kita terus berdamping dan mencampuri rakyat di dalam berbagai kegiatan untuk kebajikan di samping melaksanakan tugasnya yang penting untuk faedah rakyat.

Saya mengalu-alukan Pegawai-pegawai Daerah yang berjaya membereskan tugasnya disamping berusaha mendampingi rakyat. Jika terdapat sebahagian kecil yang kurang berjaya menjalankan tugasnya hendaklah diberi bantuan di dalam berbagai kekurangan yang diperlukan untuk membereskan tugas tersebut. Tidakkah patut dibuat teguran secara umum hingga menimbulkan salah pengertian di kalangan rakyat dan boleh pula menjadi tawar hati kepada Pegawai-pegawai Daerah yang sedang berkhidmat dengan cemerlang yang juga boleh menyebabkan mereka menjadi serba salah di dalam menseimbangkan kehendak masyarakat setempat dengan kehendak orang yang lebih berkuasa daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 27hb Februari, 1980 ada satu komen yang disiarkan oleh akhbar-akhbar pada 28hb Februari, 1980 berhubung dengan perkhidmatan Pegawai-pegawai Daerah yang mana komen tersebut mengatakan Pegawai Daerah menggunakan 10% sahaja masa perkhidmatan untuk pembangunan dan 5% sahaja masa untuk urusan pejabat. Saya pandang tuduhan ini adalah berat dan perlulah pihak yang bertanggungjawab memberikan penjelasan supaya rakyat tidak keliru. Saya rasa Pegawai Daerah dalam negara ini tidaklah ramai hanya 100 orang lebih sedikit sahaja, oleh itu tentulah senang sahaja pihak yang berkuasa memberikan pertolongan untuk menjayakan tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah perkembangan pelajaran di sekolah-sekolah agama. Saya dapati perkembangan pelajaran dan pentadbiran pelajaran di sekolah-sekolah agama Islam perlu diselaras-kan sama ada usaha ini patut dijalankan oleh Kementerian Pelajaran ataupun oleh Jabatan Perdana Menteri, itu terpulanglah kepada keadaan yang mana lebih sesuai. Pada hari ini sekolah-sekolah agama Islam yang di bawah kuasa Kerajaan Negeri adalah mempunyai kurikulumnya yang tersendiri mengikut apa

yang diatur oleh negeri itu sendiri, tetapi apabila sampai di peringkat-peringkat tertentu penuntut-penuntut tersebut akan mengikuti curriculum yang sama. Saya sedar bahawa hal ehwal agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja atau Sultan-sultan Negeri yang berkenaan tetapi yang dipersoalkan ini ialah perkembangan pelajaran dan pentadbiran pelajaran di sekolah-sekolah agama Islam itu. Saya percaya jika ada daya usaha yang berkesan bagi menyatukan sistem pelajaran dan pentadbiran pelajaran di semua sekolah agama Islam ini akan dapat sokongan serta persetujuan daripada pihak pihak yang tertentu dan berkenaan. Dengan cara menyatukan pentadbiran pelajaran di sekolah-sekolah agama Islam ini dapatlah diatasi lebih mudah masalah kekurangan guru akademik, yang terlatih dan juga masalah buku teks serta lain-lain masalah yang terdapat di sekolah-sekolah agama Islam ini. Jika keadaan yang sedemikian ada pada hari ini dibiarkan berterusan tentulah banyak buruk daripada baiknya kerana kita ada dapati sekolah-sekolah menengah rendah agama Islam ini mendapat keputusan daripada peperiksaan peringkat SRPnya hanya 10% sahaja lulus. Perkara ini timbul adalah disebabkan oleh beberapa perkara.

Yang pertama, kurang guru akademik yang terlatih.

Yang kedua, kurang mampu ibubapa untuk menyediakan buku teks serta lain-lain alat untuk anak mereka.

Yang ketiga, kurang alat-alat mengajar yang diperlukan.

Yang keempat, kemungkinan juga ada kurikulum dan sukatan pelajaran yang kurang lancar perlaksanaannya di sekolah yang berkenaan itu.

Oleh itu sudah sampailah masanya penyatuan perkembangan pelajaran dan penyatuan pentadbiran di semua sekolah-sekolah agama Islam dalam negara ini diambil perhatian dengan sebaik-baiknya agar sekolah agama Islam dalam negara ini betul-betul menjadi satu pusat pengajian yang berkesan dan bergerak seiring dengan lain-lain yang menjadi pusat pengajian dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan subsidi harga padi sepatutnya tidak menimbulkan apa-apa masalah kerana subsidi

itu hanya satu pemberian Kerajaan kepada pesawah-pesawah melalui jualan padi mereka. Mana-mana golongan yang cuba membuat kacau berpunca daripada perkara ini adalah patut dikutuk oleh pesawah-pesawah sendiri kerana perbuatan mereka itu boleh dianggap menghalang rezeki yang diberikan oleh Kerajaan kepada pesawah. Selain daripada pesawah-pesawah mengutuk mereka, Kerajaan hendaklah terus memberikan penerangan dengan sejelas-jelasnya kepada pesawah-pesawah supaya mereka benar-benar faham apakah subsidi harga padi yang \$2 sepikul itu. Kerajaan hendaklah bertindak tegas ke atas orang-orang yang mengelirukan rakyat dalam hal ini. Hukuman yang setimpal patutlah dikenakan kepada mereka. Berkaitan dengan perkara ini ada pula orang-orang yang tidak bertanggungjawab cuba mengganggu Pegawai-pegawai LPN daripada menjalankan tugasnya dan mereka ini patutlah dihukum sama beratnya dengan orang-orang yang melakukan kesalahan mengganggu pentadbiran Kerajaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemajuan pertanian di negara ini telah memberikan kesan yang begitu baik hingga dapat mengubah corak hidup rakyat di seluruh kawasan dalam tanahair kita. Pada masa dahulu kita memahamkan perkataan luar bandar itu adalah bererti sebahagian besar penduduknya dalam keadaan miskin tetapi hasil usaha Kerajaan kita mengadakan rancangan pembangunan negara dan luar bandar serta menitikberatkan kegiatan pertanian dengan berbagai rancangan, di antaranya termasuklah menanam padi yang biasanya sekali setahun tetapi sekarang telah menjadi dua kali setahun dan akan ditambah lagi dengan berbagai-bagai rancangan. Oleh itu maka dapatlah kita menukar erti daripada luar bandar yang kehidupan rakyatnya menderita kini telah sebahagian besar menjadi bahagia. Walau bagaimana baik keadaan pertanian khasnya persawahan tetapi masih ada lagi yang perlu diperbaiki dan dicari ikhtiar supaya bertambah baik dari semasa ke semasa.

Persawahan di kawasan Tanjong Karang, Sabak Bernama dan Kuala Selangor telah diatur oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan dengan begitu rapi hingga menyebabkan keadaan rakyat di kawasan itu sentiasa bergerak, misalnya sebahagian kawasan mula bersawah bulan Januari, sebahagian bulan April dan sebahagian lagi bulan Ogos, dengan

cara yang demikian penggunaan air adalah sentiasa diperlukan, tidak kira musim tengkujuh atau musim kemarau. Di kawasan yang membuat sawah di musim tengkujuh adalah baik sekali kerana mendapat bekalan air dengan secukupnya tetapi di kawasan yang turun ke sawah musim kemarau adalah menimbulkan masalah kerana kekurangan air. Sumber air di kawasan yang tersebut hanya datang dari dua buah sungai, iaitu Sungai Bernam dan Sungai Tengi. Kebetulan apabila musim kemarau air dua buah sungai ini turut berkurangan dan takungan air yang sedia ada di kawasan tersebut bagi menampung perairan disawah di kawasan yang berkenaan adalah juga mengikut kekurangan air kerana air itu hanya datang dari sumber yang berkenaan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sarikei.

3.56 ptg.

**Tuan Chieng Tiong Kai (Sarikei):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil kesempatan bagi menyokong usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 17hb Mac, 1980 dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan berasa bangga di atas Titah Di Raja yang telah menggariskan dasar Kerajaan untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang polisi Kerajaan meringkaskan jarak antara kekayaan dan kemiskinan rakyat, iaitu mengembangkan kawasan yang ketinggalan dan meninggikan taraf hidup rakyat serta menghapuskan kemiskinan dengan tanpa membezakan kaum, di sini saya ingin mengemukakan beberapa perkara yang penting. Saya berharap perkara-perkara ini akan menarik perhatian pihak-pihak Kerajaan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya ingin menyentuh masalah berkenaan dengan pertanian. Pada pendapat saya, kebanyakan petani Sarawak mempunyai kebun kecil untuk menanam pokok getah, lada, koko, kelapa atau padi. Oleh sebab kekurangan tanah, petani-petani Cina tidak

dapat mengembangkan pertaniannya walaupun Bumiputra mempunyai tanah yang luas tetapi mereka kurang modal, jadi hasil pertanian adalah terhad. Pendapatan petani Sarawak cuma cukup nafkah hidup yang rendah taraf sahaja. Jika menemui hama tanaman atau bencana alam, kehidupan mereka tentulah menemui kesusahan langsung, misalnya pokok lada mereka selalu menderita penyakit akar, tambahan pula harga baja dan ubat kimia telah naik tinggi. Apa-apa yang terjadi tersebut menyusahkan petani Sarawak. Walaupun Kerajaan telah memberi bantuan subsidi kepada kaum petani tetapi bukan ramai petani mendapat faedahnya. Berkenaan dengan hal tersebut saya anggap Kerajaan haruslah merendahkan cukai import baja dan ubat kimia serta mengawasi harganya supaya semua petani akan dapat faedahnya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah berlaku satu kejadian yang serius di Negeri Sarawak, iaitu kenaikan harga minyak diesel. Kejadian ini mempengaruhi perikanan dan pengangkutan awam menimpa kesusahan khasnya bas dan motobot. Jikalau mengikut harga baru pendapatan mereka tidak cukup membeli minyak diesel yang mereka memerlukan. Di Sarawak nelayan tidak bermodal besar, mereka membeli bot enjin dan pukat payangnya dengan cara memberi pinjam, khasnya nelayan Bumiputra. Kenaikan harga minyak diesel sungguh menyusahkan mereka sebab perikanan Sarawak kurang kelengkapan yang baik dan lengkap iaitu kurang kilang air batu, stor sejuk dan pelabuhan. Tambahan pula kenaikan harga minyak dieselnnya kaum nelayan hampir tidak sanggup belayar lagi.

Setahu kita Sarawak adalah sesuatu negeri yang menghasilkan banyak minyak mentah tetapi mengapa harga minyak diesel lebih mahal daripada harga di Semenanjung Malaysia dan mengapa harga minyak diesel ada dua macam di Sarawak. Maka saya menyeru Kerajaan Pusat memerhatikan perkara ini. Saya rasa langkah yang patut dijalankan oleh Kerajaan, yang pertama ialah mengawasi harga minyak diesel; yang kedua, harga minyak diesel di Sarawak mesti sama dengan harga di Semenanjung Malaysia; yang ketiga, PETRONAS dapat terus membekalkan minyak diesel untuk organisasi-organisasi perusahaan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini penyakit diphtheria sedang merebak di Negeri Sarawak. Beberapa orang kanak-kanak telah mati. Maka saya berseru kepada Kerajaan supaya menambahkan pengawalan penyakit berjangkit dan menambahkan doktor penjagaan dan persediaan di rumah sakit khususnya di Bahagian Keenam iaitu di kawasan Sarikei dan Binatang rumah sakitnya tidak mencukupi keperluan penduduk yang semakin ramai itu. Saya berharap Kerajaan dapat membesarkan rumah sakit tersebut dengan secepat mungkin.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan masalah pendidikan. Di Sarawak saya anggap Kerajaan harus menambahkan sekolah di beberapa kawasan. Misalnya, di kawasan Binatang memerlukan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Nengga Steras sebab bilangan murid di tempat itu cukup bagi mendirikan sebuah sekolah walaupun penduduk tempat itu telah meminta Kerajaan mendirikan sekolah sejak tahun 1974, malangnya hingga hari ini masih belum diizinkan. Maka kanak-kanak tempat itu belajar di sekolah bandar yang jauhnya 10 batu dari rumahnya. Hal ini menyusahkan kanak-kanak dan ibubapanya.

Berkenaan dengan masalah kekurangan guru bahasa Cina di sekolah rendah dan sekolah menengah, saya mencadangkan lepasan-lepasan dari sekolah menengah aliran Cina menjadi guru bahasa Cina bagi sekolah rendah dan mengubah lepasan-lepasan dari Universiti-universiti Taiwan dan Hongkong menjadi guru bahasa Cina untuk sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas Titah Ucapan yang bernas.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Raub.

4.04 ptg.

**Tuan Tan Koon Swan (Raub):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengucapkan terima kasih kepada Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapannya yang sangat meyakinkan kepada Dewan ini.

Saya tidak ada sebarang keraguan bahawa setiap rakyat akan sukacita dengan mengetahui bahawa walaupun ekonomi dunia lembab, ekonomi Malaysia terus berkembang dengan kadar pertumbuhan yang stabil dan pada masa yang sama telah meletak dalam kawalan keadaan inflasi yang mana telah membawa banyak masalah kepada ekonomi dunia.

Setelah kembali dari Eropah baru-baru ini, satu kawasan yang lebih maju daripada kita, saya ada peluang untuk membuktikan bagaimana Kerajaan-kerajaan dan rakyat-rakyat mereka telah menumpukan masa dan daya usaha mereka untuk mencegah inflasi yang menjadi makin buruk dan membawa banyak kesulitan kepada rakyat mereka.

Setelah memerhatikan kesan-kesan yang disebabkan oleh inflasi lari, saya ingin memujikan Kerajaan kita khususnya mereka yang ditugaskan dengan kewajipan untuk menguruskan dasar-dasar kewangan negara kita di atas prestasi mereka yang begitu baik.

Ekonomi kita telah menjadi irihati (envy) kepada negara-negara lain dan kebolehan kita untuk menghadkan kadar faedah kita pada 7½% dan kadar inflasi pada hanya 5% sementara negara-negara maju yang lain menanggung kadar-kadar 20% dan 17% masing-masing menunjukkan kebolehan urusan kita yang paling baik. Tuan Yang di-Pertua, ini patut menerima satu penghargaan dari Dewan ini.

Apa yang lebih meyakinkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa negara kita telah mencapai kemajuan dan kejayaan dalam berbagai lapangan dan bahawa walaupun Asia Tenggara dan Asia Pusat telah menyaksikan kekacauan politikal, keamanan negara kita telah dijagakan dengan menasabahnya. Walaupun kecapaian-kecapaian itu, Duli Yang Maha Mulia telah menegaskan bahawa masa depan mengandungi banyak cabaran dan masalah bahawa semangat kerjasama antara rakyat kita hendaklah dikuatkan lagi supaya kita dapat mencapai aspirasi-aspirasi dan tujuan-tujuan terakhir negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tahun-tahun ke 80an adalah satu tempoh penting dalam sejarah pembangunan negara kita. Akhiran tempoh ini menandakan penghabisan rangka rancangan jangka panjang dan mengembangkan masa perhitungan atas prestasi kita dalam memenuhi Dasar Ekonomi Baru. Kita boleh menjangka bahawa apabila kita mendekati tahun 1990 kebimbangan dan kekhawatiran akan menambah ketika kita menunggu untuk melihat sama ada kita telah mencapai matlamat-matlamat mulia yang dicita-citakan.

Ujian penting atau ujian acid atas kejayaan atau kegagalan kita bukan hanya sama ada kita telah mencapai nisbah 30-40-30 dalam pembahagian asset-asset produktif tetapi lebih penting lagi ialah sama ada dalam proses pencapaiannya kita telah juga berjaya mengacukan satu fabric social di mana perpaduan dan persefahaman antara kaum telah menjadi cukup kuat bagi kita menghapuskan kuasa-kuasa kehancuran dan kelebihan (extremism).

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai daya upaya dan kebingkasan untuk menjadi sebuah negara yang kuat. Rakyat kita mempunyai kebolehan dan kecerdikan untuk mencapainya. Satu keperluan penting untuk menjayakan ialah motivation. Paras Kerajaan kita akan bergantung kepada takat kita dapat motivate rakyat-rakyat kita kepada objektif ini.

Saya berasa gembira membaca kenyataan Timbalan Perdana Menteri kita pada hari minggu di mana ia berkata bahawa Malaysia akan menjadi satu negara industrial yang terkuat di kawasan ini dalam sepuluh tahun dan bahawa pada tahun 1990 guna tenaga penuh (full employment) mungkin dicapai dan tingkat pendapatan kita akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membangun.

Ini mungkin satu perutusan yang amat sesuai pada negara yang menghuraikan cabaran-cabaran pada tahun-tahun 80an bagi rakyat kita. Soalan yang di hadapan kita, pada fikiran saya, ialah bagaimana kita motivate rakyat kita untuk dapat menghadapi cabaran-cabaran dan peluang-peluang yang akan berbangkit. Untuk berbuat demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan lebih banyak bayangan, keberanian, inisiatif, pandangan, kerajinan dan yang penting sekali kemahuan kita untuk berkembang dan

menggunakan kualiti-kualiti ini dengan sepenuhnya, tetapi kepimpinan mesti berasal daripada Kerajaan oleh kerana perasaan-perasaan rakyat kita bergantung kepada keputusan-keputusan dan tindakan-tindakan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan kita jujur, cekap dan berkebolehan dan dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang bijaksana dan adil terdapat juga separuh masyarakat kita yang berasa tidak puas hati dan keciwa yang mana Kerajaan sudah sedar. Sebahagian alasan-alasan yang menyebabkan perasaan itu memang tidak menasabah tetapi ada banyak alasan yang di dalam fahaman rakyat tidak dapat difahamkan oleh sebuah Kerajaan yang bernama baik seperti Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa sebagai sebuah Kerajaan yang bijaksana, kita mesti mempunyai conviction dan keberanian political untuk menghapuskan prasangka-prasangka itu dan lain-lain perkara yang menghalang perjalanan kita kepada perkembangan dan pencapaian matlamat-matlamat kita yang akhir. Kunci kepada motivating rakyat kita untuk menghadapi cabaran-cabaran negara kita bergantung besar kepada fikiran positif dan kebolehan Kerajaan kita untuk mewujudkan perasaan keamanan dan perasaan antara rakyat bahawa mereka dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perasaan am rakyat kita bahawa perasaan tidak puas hati dan kekecewaan antara rakyat kita tidak berbangkit daripada keraguan atau keikhlasan Kerajaan atau daripada bantahan kepada dasar-dasar Kerajaan. Ini disebabkan oleh proses pelaksanaan oleh kelebihan pegawai-pegawai yang melaksanakan dasar-dasar itu atau (overzealousness of implementing officers) dan oleh salah faham tentang tujuan dan semangat benar dasar-dasar Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, perasaan itu hendaklah ditahankan oleh kerana sekiranya dibenarkan berkembang ia akan mewujudkan sebuah baji yang akan membahagikan rakyat kita mengikut bangsa dan ini adalah bertentangan dengan matlamat-matlamat kita untuk mencapai perpaduan negara.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan (Select Committee) yang dinamakan

Jawatankuasa Pembangunan Parlimen (Parliamentary Development Committee) dibentuk dengan tujuan untuk mengawasi dan untuk menentukan pelaksanaan rancangan-rancangan yang adil seperti yang diluluskan oleh Parlimen.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa satu minit lagi.

**Tuan Tan Koon Swan:** Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Parlimen akan menjadi satu tambahan kepada mechanism Kerajaan lain untuk mengkaji pelaksanaan rancangan pembangunan tetapi dengan lebih spesifik Jawatankuasa ini akan melaporkan kepada Parlimen dan akan menentukan bahawa pelaksanaan rancangan-rancangan akan dijalankan mengikut prioriti-prioriti seperti yang ditentukan oleh Kerajaan dengan cara yang akan membahagikan faedah-faedah pembangunan dengan adil supaya ianya akan mengurangkan dan sekiranya boleh menghapuskan perasaan tidak puas hati dan kekecewaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**Tuan Tan Koon Swan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

4.35 ptg.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Yang di-Pertua, dengan segala rendah diri saya ingin menyampaikan rasa terima kasih saya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Di Rajanya yang sungguh bersemangat memberi panduan yang meliputi segala aspek dengan penuh kebijaksanaan bagi bangsa kita menghadapi cabaran-cabaran dalam dekad tahun 1980 ini, tahun yang meletakkan kita di pertengahan tempoh Dasar Ekonomi Baru yang lamanya 20 tahun dan juga di kata kita di ambang Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam hubungan ini saya harus mengemukakan dan ingin mengemukakan beberapa soalan iaitu sudahkah kita benar-benar mencapai objektif Rancangan Malaysia Ketiga? Sudahkah kita benar-benar berada di pertengahan Dasar Ekonomi Baru? Sudahkah

usaha-usaha restructuring society iaitu masyarakat Malaysia tercapai dan sudahkah kemiskinan rakyat jelata di Malaysia kita hapuskan?

Dalam waktu-waktu yang terbatas ini izinkanlah saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu ungkapan yang berbunyi; "Kesucian agama tidak boleh dipisahkan dari pembangunan negara." Inilah kenyataan yang tidak boleh kita abaikan dan kalau kita abaikan buruk akibatnya kepada diri kita, kepada bangsa dan negara kita. Kemajuan yang sebenar memerlukan keseimbangan, kemajuan pembangunan ekonomi dan kemajuan rohani manusia yang dipupuk oleh agama. Firman Allah s.w.t. dalam Surah 49, Ayat 13 yang mengatakan; "Yang mulia di antara kamu di sisi Allah ialah yang berakhlak tinggi." Yang demikian pembangunan ekonomi hanya bermakna kepada manusia jika ia melahirkan kebaikan dan bukan keburukan dirinya, ketulusan hati bukan ketamakan perpaduan bukan kebakhilan diri, kebenaran bukan kedustaan, belas kesihan bukan keangkuhan dan keadilan bukan kezaliman. Kita tidak boleh membiarkan ada jurang di antara dua ruang kemajuan ini. Semakin besar sebagaimana yang telah berlaku di negara-negara yang telah maju yang akhirnya mengakibatkan memuncaknya kejadian jenayah, bertambahnya bilangan budak-budak jahat, meningkatnya penyalahgunaan dadah dan menularnya kejatuhan moral serta pendewaan kebendaan.

Tuan Yang di-Pertua, tirai dekad 1980 dibuka di peringkat antara bangsa dengan pencerobohan komunis atas kedaulatan Kampuchea dan Afghanistan. Pencerobohan komunis itu merupakan satu amaran kepada kita bahawa komunisma ibarat seekor harimau belang tidak mungkin menukar belangnya. Matlamat akhirnya ialah penguasaan seluruh dunia sungguhpun demi kepentingan taktik dia mengambil sikap sedia bekerjasama dan hidup bersama semata-mata untuk mengelirukan dan memperdayakan kita. Adalah menjadi kewajipan Kerajaan membantu setiap generasi kita memahami kesungguhan ancaman komunis kepada kemerdekaan kita dan mengerah mereka mempertahankan negara menentangnyanya. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, sebahagian dari sebab timbul purakpuranda di kalangan angkatan muda di banyak tempat di dunia ini ialah

kejahilan mereka menginsafi bahaya komunis itu baik kepada bangsa dan negara mereka mahupun kepada diri mereka sendiri. Sasaran komunisma adalah keunggulan keperibadian kita sebagai orang perseorangan dan juga sebagai anggota masyarakat. Maka kesediaan kita yang berterusan sahajalah baik secara rohaniah mahupun secara badaniah baru boleh kita menghalangnya dan akhirnya membinasakannya. Waspada selalu dan sedia menghadapi ancaman komunis kepada kemerdekaan dan maruah kita baik yang datang dari luar mahupun yang datang dari dalam adalah tanggungjawab Kerajaan dan rakyat yang paling penting dan utama.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Pasukan Keselamatan kita dalam tindakannya membasmi pengganas komunis di Pahang dan di Sarawak baru-baru ini menyebabkan kita terhutang budi kepada angkatan bersenjata itu, tetapi kita tidaklah berlaku adil kepada mereka dan dalam jangka panjangnya kepada diri kita sendiri jika kita tidak berdiri di belakang mereka sebagai anggota-anggota masyarakat yang bersatu, bertertib dan berdisiplin menganggap Pasukan Keselamatan kita hanya sebagai perisai yang di belakangnya kita boleh hidup tanpa disiplin, tamak haluba dan bakhil seperti yang masih terdapat lagi di kalangan kita sekarang besar bahayanya kepada kita pada jangka panjangnya. Mungkin kita tidak sempat mengalami akibat yang buruk ini, tetapi anak-anak dan cucu-cucu kita akan menderita kerananya jika mereka jadi manusia yang lembut dan lemah semangat yang tidak bermaya kerana terpu-kau oleh banyak bersenang lenang dan berpeleseran bagaimanakah mereka boleh bertenaga menghadapi cabaran komunis yang tak putus-putus dan cabaran-cabaran hidup juga?

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan tepatnya menunjukkan betapa dadah telah menjejaskan ketahanan kebangsaan dan keunggulan keselamatan kita dengan jalan menjejaskan angkatan muda kita terutamanya. Saya ingin menambah bahawa pembangunan ekonomi negara yang menaikkan kedudukan kebendaan kita memberikan peluang pada kita memesrai segala macam ketagihan iaitu ketagihan dadah, arak, judi, rokok, hubungan jenis dan lain-lain ketagihan yang merosakkan umbi-umbi peribadi bangsa dan negara. Bagaimanakah mereka yang ketagihan arak, judi dan rokok misalnya boleh bersuara menentang dadah. Sungguh

memuakkan bila kita mendengar alasan bahawa jenerasi muda kita berpaling kepada penyalahgunaan dadah semata-mata sebagai pernyataan bantahan terhadap penipuan dan kongkongan yang dilakukan oleh jenerasi tua ke atas mereka.

Saya menganjurkan supaya kita memberikan perhatian yang berat kepada bentuk ketagihan ini jika sekiranya kita mahu menghadapi cabaran sebaik-baiknya. Setengah pemimpin-pemimpin kita gemar sekali mencemoahkan manusia ketagihan ini sebagai manusia-manusia yang lemah yang tidak mempunyai sedikit pun keteguhan azam, sikap yang demikian bukan sahaja tidak akan menyelesaikan masalah tetapi juga tidak benar, manusia ketagihan menunjukkan keteguhan azam bagi mencapai ketagihan mereka, mereka sanggup berdusta, mencuri dan sebagainya dengan tujuan mendapat wang bagi diwujudkan untuk membeli arak atau dadah. Keteguhan azam mereka ini adalah keteguhan azam yang disalahgunakan tetapi itulah dia keteguhan azam bagaimanakah caranya keteguhan azam salah mereka ini akan kita alirakan semula kepada tujuan-tujuan yang membina yang memberi makna kepada hidup yang menghidupkan kegiatan dan arah kehidupan? Inilah soal yang harus kita tanyakan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang pentingnya perusahaannya berat memenuhi keperluan negara, mengurangkan pengangguran dan memajukan daerah Malaysia yang kurang membangun akan disambut dengan penuh gembira terutama di Sarawak kerana kami di Sarawak telahpun mula meletakkan batu asas kepada beberapa perusahaan yang terbesar di Malaysia iaitu di Bintulu. Yang demikian apa yang menguntungkan Sarawak akan tetap dan sentiasa menguntungkan Malaysia seluruhnya. Saya boleh dengan bangganya menyatakan bahawa kami di Sarawak sungguh gembira kerana telah dapat memberikan sumbangan yang bukan kecil demi menjadikan negara kita negara perusahaan dan kami akan mengarah segenap tenaga yang ada bagi menjayakan usaha yang baik ini. Kerajaan Negeri Sarawak sedang memberikan kerjasama sepenuh hati dan jujur kepada Kerajaan Pusat dan sektor swasta bagi menjamin projek-projek ini dapat memberikan sumbangan yang sebesar-besarnya kepada

kebaikan rakyat dan negara sama mustahak dengan sektor bandar tidak pun lebih ialah sektor luar bandar kita yang luas. Di sini tinggal kebanyakan rakyat bumi yang hidup dalam keadaan kemiskinan dan kekurangan sehingga kita tanggalkan beban berat yang mereka pikul. Kita tidak boleh bersenang diri atau menganggap yang kita telah berjaya menghadapi cabaran pembangunan . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat masa seminit lagi.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** . . . . para petani keseluruhan dan para pekerja estet, tidak mempunyai banyak sumber, peluang dan kemudahan jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di kota. Yang demikian peranan yang harus dimainkan oleh Kerajaan ialah untuk meringankan beban mereka ini seharusnya lebih besar lagi.

Pencapaian kestabilan politik dalam negeri ini yang merupakan salah satu asas pembangunan kebangsaan dimungkinkan terutamanya oleh mereka ini dan dengan yang demikian mereka wajar menerima sebaik-baik pertolongan yang boleh diberikan oleh masyarakat untuk memaju dan membaiki keadaan hidup mereka sebagai membalas jasa.

Tuan Yang di-Pertua, daya penggerak yang disempurnakan seperti kepuasan dalam pekerjaan, upahan kerja dan perakuan perkhidmatan haruslah juga ada jika penghasilannya akan kita jadikan cara hidup kita. Perhatian yang lebih haruslah pula diberikan bagi membangun kepimpinan peringkat bawahan yang dapat diterima oleh para pekerja gudang atau kilang dengan baik daripada kepimpinan yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya menyokong usul yang dibentangkan di sidang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.27 ptg.

**Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya akan menyentuh perkara disiplin.

Dalam Titah Ucapan di Raja itu dinyatakan bagaimana pentingnya disiplin. Oleh itu disiplin patutlah ditonjolkan dengan tegas supaya negara kita yang sedang membangun ini dapat mencapai kejayaan yang sebenarnya. Adalah menjadi tugas Kerajaan membimbing rakyat memahami disiplin. Walaupun ini adalah satu perkara yang serius tetapi kalau tidak dimulakan atau tidak diikhtirakan maka rakyat tidak akan mengenali disiplin. Ada kalanya mendidik rakyat berdisiplin memerlukan ketegasan, keberanian, contoh-contoh dan bimbingan. Oleh itu untuk melatih disiplin mudah disalahtafsirkan sebagai penindasan kepada kebebasan individu atau kumpulan. Bagaimanapun ada kalanya perlu tegas. Hendaknya seluruh masyarakat memahami disiplin supaya tidak berlaku umpamanya seorang mengutip sampah, tetapi seorang yang lain membuang sampah, pekan tidak juga akan jadi bersih. Setengah orang beratur naik bas beberapa orang pula menonjol sahaja ke depan tanpa mengira kepentingan orang lain.

Lagu "Negara Ku" dibunyikan, orang masih juga berjalan-jalan. Bila hari-hari kebesaran kedai-kedai seluruh negara diarah naik bendera, tetapi banyak kedai tidak menaikkan bendera. Kanak-kanak disuruh bersekolah, mereka mogok. Belia-belia dihantar keluar negeri belajar, mereka memburuk-burukkan Kerajaan dan negara di negeri orang. Ada orang senang-lenang, mewah dan makmur di negeri ini tetapi bila ada masalah mereka mengadu keluar negeri. Kerajaan anjurkan dakwah, ada pula orang menyusup dalam dakwah untuk berdakyah dan membuat fitnah dan lain-lain perkara yang tidak menyenangkan walaupun mereka ada alasan atas tindakan mereka. Mungkin setengah dari mereka menganggap hidup dalam negara demokrasi, tiap-tiap individu atau kumpulan bebas bertindak sesuka hati. Oleh itu Kerajaan hendaklah menimbang adakah tindakan yang tidak berdisiplin ini patut atau tidak dibiarkan. Kalau difikirkan keadaan yang seperti di atas adalah tidak patut maka perlulah mengeneipkan sedikit amalan demokrasi barat itu kerana demokrasi pun patut disesuaikan dengan keadaan alam negara kita sebagai negara yang sedang

membangun yang kadang-kadang rakyatnya menggunakan demokrasi tanpa mengira kepentingan orang lain.

Saya berpendapat ajaran Islam adalah salah satu jalan yang sesuai dijadikan asas untuk latihan disiplin terutama bagi umat Islam sendiri kerana dalam Islam lengkap dengan ajaran disiplin seperti hormat-menghormati, timbang-rasa, tolong-menolong, taat kepada Allah, taat kepada ibubapa dan pemerintah, cintakan tanahair dan lain-lain seumpamanya.

Latihan disiplin hendaklah bermula dari sekolah. Adalah sangat memberi harapan yang baik kerana dalam perakuan-perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaksanaan Dasar Pelajaran ada dinyatakan penekanan mengenai pendidikan disiplin. Begitu juga ada beberapa perakuan yang dibuat untuk memperkuat pendidikan U gama Islam.

Selain daripada itu, usaha-usaha untuk membimbing rakyat ke arah memahami disiplin, bolehlah Kerajaan menggunakan siberan am, suratkhbar-suratkhbar, Radio, TV dan lain-lain. Walaupun barangkali tidak memberi kesan sepenuhnya tetapi sekurang-kurangnya rakyat dapat memahami apa itu disiplin. Jika tidak, maka akan ada orang mengatakan bahawa disiplin adalah satu penekanan ataupun orang tidak akan faham langsung apa itu disiplin.

Begitu juga Kerajaan hendaklah memperbanyakkan pusat-pusat latihan belia sekurang-kurangnya tiap-tiap negeri satu atau sebaiknya tiap-tiap daerah satu. Begitulah juga sukan hendaklah dimajukan di seluruh pelusuk tanahair kita.

Dakwah adalah juga penting. Dakwah adalah sangat penting tetapi dakwah oleh orang yang telah diberi latihan. Satu bangsa yang terdiri dari berbagai kaum yang mempunyai tradisi, kebudayaan dan ugama yang berbeza-beza, disiplin sangatlah penting terutamanya bagi mencapai perpaduan. Adalah menjadi tugas Kerajaan dengan tidak berhenti-henti sehingga beberapa generasi yang akan datang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson.

4.33 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Teluk Anson):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh sahabat saya dari Keningau. Titah Ucapan itu meliputi berbagai tajuk dan saya ingin menyentuh satu dua perkara sahaja.

Perbincangan berterusan dan berleluasan atas soal pelajaran tinggi mencerminkan kebimbangan rakyat kita mengenai tajuk ini, dan Kerajaan patut memberi perhatian berat atas perkara ini. Adalah menjadi hakikat bahawa universiti-universiti kita tidak dapat menyediakan tempat-tempat yang mencukupi bagi semua penuntut yang berkelayakan. Mungkin adalah benar bahawa tidak sebuah negara yang sedang membangun boleh memperuntukkan tempat-tempat yang mencukupi bagi semua rakyatnya yang ingin menerima pelajaran tinggi. Tetapi mungkin benar juga bahawa terdapat lebih ramai penuntut berkelayakan yang telah dinafikan tempat di universiti-universiti kita jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Oleh kerana perhubungan antara kaum adalah kurang baik, rakyat kita hanya mengetahui kekecewaan dan frustrasi dalam masyarakat mereka sendiri sahaja. Oleh yang demikian, adalah bijaksana (prudence) bagi Kerajaan kita mengumumkan bilangan pemohon-pemohon semua kaum yang berkelayakan tetapi tidak berjaya memasuki universiti-universiti kita supaya rakyat kita dapat mengetahui bahawa kekecewaan ini bukan dirasai oleh atau dihadkan kepada satu kaum sahaja.

Mengikut tradisi mereka yang tidak dapat diterima oleh institusi-universiti tinggi mereka berharap dapat melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti dalam dunia berbahasa Ingeris, khususnya di United Kingdom. Dengan bayaran yang bertambah naik itu harapan mereka untuk belajar dalam universiti-universiti di England itu menjadi semakin tipis ataupun lesap sekali.

Tidak ramai orang yang menyedari bahawa masih terdapat peluang-peluang pelajaran tinggi di negara-negara yang lain. Oleh yang demikian, Kerajaan harus menerbitkan risalah-risalah ataupun dalam bentuk buku yang mencatatkan semua institusi seberang laut, ijazah-ijazah serta kursus, khususnya yang diiktirafkan oleh Malaysia supaya

penuntut-penuntut kita dapat memohon kepada institusi-institusi itu dan ibubapa mereka tidak payah merasa putus asa.

Bagi membolehkan penuntut-penuntut kita memasuki institusi-institusi di negara-negara yang bahasa pengantarnya bukan Inggeris, Kerajaan patut menjalankan kursus-kursus bahasa asing pada masa-masa yang sesuai. Kursus-kursus itu harus membolehkan penuntut-penuntut kita menguasai atau sekurang-kurangnya menjadi cukup fasih dalam bahasa itu sebelum mereka bertolak ke negara-negara itu. Ini akan menjadi cara penyelesaian yang cepat sekali bagi melonggarkan tekanan permintaan pelajaran tinggi pada masa sekarang. Tetapi saya ragu sama ada kita boleh bergantung kepada negara-negara asing untuk menyelesaikan masalah kita itu.

Adalah tanggungjawab Kerajaan kita bagi menyediakan pelajaran tinggi dan Kerajaan pun telah berikrar dalam manifesto Barisan Nasional tahun 1978 bahawa lebih banyak tempat dalam universiti-universiti kita akan diperuntukkan. Kerajaan telah mengumumkan bahawa universiti-universiti yang ada sekarang akan diperbesarkan dengan sepenuhnya supaya dapat menampung lebih ramai penuntut. Saya percaya gerakan seperti ini hanya dapat dilaksanakan sepanjang beberapa tahun dan sungguhpun begitu ia hanya boleh dianggap sebagai rancangan jangka pendek sahaja.

Kerajaan harus mengumumkan kadar perkembangan setahun serta berapa lamakah baru universiti-universiti kita dapat diperkembangkan dengan sepenuhnya? Bagi jangka panjang Kerajaan nampaknya tidak dapat mengelak menimbangkan pembinaan universiti tambahan untuk memenuhi keperluan yang meningkat itu. Kerajaan harus mengumumkan dasar menyeluruh (overall policy) mengenai pelajaran tinggi supaya rakyat dapat tahu apakah harapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti kehidupan, kepesatan kemajuan dan kemakmuran negara kita adalah bergantung atas pengetahuan serta kecerdikan rakyat kita dan pengetahuan serta kecerdikan itu sebaliknya bergantung atas pendidikan ataupun latihan yang sesuai. Saya berpendapat perbelanjaan secara besar-besaran atas perkhidmatan sosial ini akan menguntungkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah disebutkan negara kita telah mencapai kejayaan yang pesat. Ini memanglah benar dan senarai

kejayaan itu adalah panjang. Tetapi adalah benar juga 22 tahun selepas merdeka masih terdapat penduduk-penduduk luar bandar yang belum menikmati bekalan air dan bekalan elektrik, penduduk-penduduk yang tidak tahu apakah peti sejuk, peti TV, tidak pernah melihat posmen, tidak pernah menggunakan telefon dan sebagainya. Senarai itu panjang juga.

Adalah nyata pembangunan dalam negara kita tidaklah begitu seimbang dan tidak begitu pesat di kawasan-kawasan luar bandar. Di antara kawasan-kawasan itu terdapat kampung-kampung yang terpencil atau isolated. Kemudahan-kemudahan asas itu tidak dapat dibekalkan sehingga Rancangan Malaysia ke-10 pun jika kita menunggu sambutan dari bekalan yang ada sekarang. Oleh yang demikian, saya merayu kepada kerajaan peruntukan harus dilipatgandakan dan strategi-strategi baru dicari untuk memajukan kawasan-kawasan luar bandar. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan:

- (i) Bagi bekalan elektrik, membekalkan jenerator bersendirian bagi tiap-tiap kampung yang terpencil itu. Saiz atau kuasanya boleh diberi atau diubah mengikut bilangan penduduk atau keluarga;
- (ii) Bagi bekalan air, sejauh yang boleh di tempat-tempat yang sesuai dan strategi membina yunit bekalan air bersendirian dilengkapi dengan pam, loji penapis, tangki air seperti yang dilakukan di ladang-ladang swasta.

Sebenarnya, loji-loji air di ladang-ladang swasta itu telah menjadi sumber air kecemasan bagi seluruh daerah Hilir Perak pada bulan April, 1979 apabila paip besar di Tapah terputus. Kerajaan patut mencontohi pihak swasta itu untuk mempercepatkan persediaan kemudahan penting itu.

Baru-baru ini Menteri Kerjaraya telah mengumumkan Kerajaan sedang merancang pencarian sumber air baru bagi limapuluh tahun akan datang. Sambil kajian itu dijalankan saya merayu kepada Kementerian ini supaya mengambil perhatian berat tentang kehilangan air yang sedang berlaku ini, boleh dikatakan di tiap-tiap sumber atau saluran bekalan air. Saya tidak dapat perangkaan-perangkaan bagi seluruh negara tetapi bagi Hilir Perak tiap-tiap hari 7 million gelen air dihantar dari Tapah dan 53%nya hilang oleh kerana kecurian, kebocoran ataupun sambungan secara haram. Jumlah kehilangan air

seluruh negara adalah besar dan mengakibatkan kerugian hasil juga. Ini bermakna jika bekalan air yang ada sekarang dapat digunakan dengan sepenuhnya ataupun dapat diselamatkan pencarian sumber air baru sudah menjadi kurang urgent.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa seminit lagi.

**Tuan Au How Cheong:** Dalam hal ini saya ingin mencadangkan Pasukan Petugas harus dengan segera untuk meronda sepanjang saluran paip air yang sebahagian besarnya terletak di kawasan-kawasan terpencil untuk menyiasat pembocoran dan mencegah pencurian air itu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menjawab.

4.44 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ulasan, teguran dan juga kepujian kepada prestasi dan kemajuan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja pada empat hari yang lalu di Dewan yang mulia ini. Saya suka mengambil kesempatan pada masa ini untuk mengulung beberapa pertanyaan yang telah menyentuh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah menggesa "Price Review Committee" supaya lebih aktif mengkaji dan menjaga kenaikan harga barang-barang keperluan. Di samping itu, beliau telah menyatakan kebimbangan beliau terhadap tuntutan syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga minyak kerana kesannya kepada rakyat. Pertanyaan yang hampir sama juga disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pula mencadangkan satu "Price Tribunal" diwujudkan untuk melindungi pengguna-pengguna.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa masalah pengawalan kenaikan harga barang-barang keperluan dan

barang-barang petrolium adalah dalam perhatian yang serius oleh Kerajaan. Kerajaan memang mementingkan kesejahteraan rakyat dan akan menggunakan langkah-langkah yang berpatutan untuk memastikan bahawa kepentingan negara dan rakyat tidak terjejas.

Saya telah berulang kali menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya melalui "Price Review Committee" telah dan akan mengkaji kenaikan harga dengan teliti dan mendalam apabila sahaja mendapat permohonan daripada syarikat-syarikat yang mengeluarkan barang-barang keperluan. Jawatankuasa ini telahpun bersidang kerap kali bagi mengkaji harga-harga seperti susu tepung, susu pekat, tepung gandum dan sebagainya. Kenaikan harga yang paling minima sahaja dibenarkan selepas beberapa faktor telah dipertimbangkan.

Sebarang permohonan kenaikan harga daripada syarikat-syarikat minyak sedang dikaji oleh Jawatankuasa mengawal harga minyak. Pendapat Jawatankuasa ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangannya tidak lama lagi. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan mengenai telah saya nyatakan dengan panjang lebar dalam jawapan saya kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 21-3-1980.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk mewujudkan "Price Tribunal", saya berpendapat bahawa "Price Review Committee" di Kementerian saya sudahpun menjalankan tugasnya dengan memuaskan dan masa belum tiba mengadakan sebuah "Price Tribunal" yang terpisah daripada jagaan Kementerian saya seperti dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah meminta bahawa harga bagi barang-barang petrolium di seluruh Malaysia harus disamakan, dan bekalannya mencukupi. Saya ingin memaklumkan bahawa perkara menyatukan harga barang-barang petrolium di seluruh Malaysia pun telah dipersetujui dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan ini adalah dalam tindakan. Sungguhpun Kerajaan dengan segala usaha yang boleh akan memastikan bahawa bekalan barang-barang petrolium

adalah mencukupi di negara ini tetapi rakyat juga hendaklah membantu Kerajaan secara tidak melakukan "panic buying" dan melaporkan kepada Kementerian saya terhadap penyelewengan-penyelewengan oleh pihak-pihak tertentu yang mewujudkan keadaan "shortage" yang artificial melalui penyorokan dan sebagainya. Kementerian saya akan mengambil tindakan-tindakan yang tegas terhadap mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang meminta Kerajaan mengutamakan pelaburan di kawasan-kawasan kurang maju, perusahaan-perusahaan menggunakan bahan-bahan tempatan dan industri-industri kekal di negara ini selama 50 tahun atau lebih, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah-pun menggalakkan projek-projek perindustrian diadakan di kawasan-kawasan kurang maju di negara ini. Untuk maksud ini, beberapa kawasan telah diberi taraf Kawasan Pembangunan dan Galakan Tempat Kedudukan (Locational Incentive). Projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan tersebut akan diberi galakan berbentuk pengecualian cukai tambahan. Apabila Kerajaan menimbangkan projek-projek perindustrian, adalah menjadi satu amalan bahawa syarikat-syarikat digesa supaya menempatkan kilang-kilang mereka di tempat yang kurang maju. Hasil daripada dasar ini, 58.3% daripada sejumlah 3,371 projek-projek yang telah dilaksanakan dalam jangka masa 1971 hingga 1978 adalah di kawasan kurang maju. Negeri-negeri kurang maju seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak telah bertambah popular bagi menempatkan kilang-kilang. Jumlah projek-projek yang ditempatkan di kelompok negeri yang saya sebutkan tadi telah bertambah daripada 19.5% dalam tahun 1971 kepada 25.5% pada tahun 1978.

Kerajaan memang menggalakkan perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan-bahan tempatan. Bahan-bahan tempatan seperti getah, bijih timah, kepada sawit dan kayu kayan adalah antara bahan-bahan tempatan yang diutamakan digunakan dalam proses pengilangan. Kerajaan juga memberi galakan pengecualian cukai tambahan selama setahun atau tambahan kredit cukai pelaburan sebanyak 5% bagi perusahaan-perusahaan yang menggunakan 90% atau lebih bahan-bahan tempatan kepada projek-projek yang telah diluluskan dengan galakan-galakan cukai.

Bagi menggalakkan industri bertapak lama di negara ini, Kerajaan telah menggiatkan industri-industri yang telah ujud untuk melabur semula dan mengembangkan perusahaan-perusahaan mereka dalam negara ini.

Untuk maksud ini, Kerajaan telah-pun menguntukkan elaun pelaburan semula dalam bentuk 50% kredit pelaburan. Di samping itu, Kerajaan juga memastikan bahawa iklim pelaburan dan kestabilan politik negara adalah pada satu tahap yang memuaskan supaya industri-industri ini digalakkan untuk melanjutkan operasi mereka di negara ini. Adalah diharapkan bahawa dengan langkah-langkah ini, industri-industri tersebut akan bertapak di negara ini selamalamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab segala pertanyaan berkenaan dengan Kementerian saya. Sukalah saya menjelaskan bahawa segala-gala cadangan dan teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Saya mengakhiri dengan merakamkan penghargaan saya lagi sekali kepada pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap prestasi dan kemajuan Kementerian saya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Undang-undang untuk menjawab.

4.52 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah-pun menyentuh perkara-perkara yang melibati Kementerian Undang-undang semasa perbahasan Titah Ucapan Di Raja. Suka saya di sini menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah merujuk kepada kenyataan yang dibuat dalam Parlimen pada akhir tahun 1978 oleh seorang Ahli yang sekarang menjadi ahli parti BERJAYA di Sabah yang meminta sekolah Cina dan sekolah Tamil dihapuskan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling berkata walaupun kata-kata Ahli dari Sabah itu termasuk di dalam perbuatan menghasut kerana melanggar salah satu daripada perkara sensitif yang termaktub tetapi tidak ada tindakan yang diambil untuk mendakwa walaupun laporan Polis telah dibuat. Ini, kata Ahli

Yang Berhormat itu membuat orang bertanya adakah Peguam Negara melaksanakan budi-bicaranya dengan kebebasan kehakiman atau dipandu oleh pertimbangan politik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Dewan yang mulia ini maklum, tidak ada seorangpun yang dikecualikan daripada perjalanan undang-undang di negara kita ini, baik dari pihak Pembangkang ataupun pihak Pemerintah, tetapi apa yang patut disedari ialah bahawa menghasut adalah suatu perkara yang kompleks dan penyiasatan yang teliti dan mendalam mesti dijalankan sebelum apa-apa keputusan dibuat tentang sama ada sesuatu tuduhan menghasut patut dijalankan atau tidak. Kerajaan sentiasa berjaga-jaga untuk mengelakkan tohmahan bahawa tuduhan-tuduhan dibuat dengan sewenang-wenangnya. Walaupun penyiasatan awal oleh pihak Polis mengenai laporan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan, Ahli Parlimen bagi Kota Melaka, telah ditamatkan dahulu, penyiasatan lebih lanjut telah diarahkan oleh Jabatan Peguam Negara dalam perkara ini. Masa yang lebih adalah diperlukan oleh kerana kenyataan-kenyataan lain dan kenyataan-kenyataan lanjut hendak direkodkan dari beberapa orang saksi termasuk saksi-saksi dari Wilayah Malaysia Timur. Oleh kerana itu, sesuatu keputusan mengenai perkara ini hanya dapat dibuat apabila penyiasatan lanjut ditamatkan kelak.

Ahli Yang Berhormat bagi Ulu Langat telah bertanya mengenai tarikh penguatkuasaan Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976. Saya sedar perkara ini telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari masa ke semasa.

Suka saya menyatakan di sini bahawa penguatkuasaan Akta itu akan membawa kesan yang besar kepada sistem pentadbiran dan perceraian orang-orang yang bukan Islam yang sedia ada di dalam negara kita. Oleh kerana itu penyelidikan yang teliti perlu dibuat terhadap penguatkuasaan Akta itu bagi mengelakkan daripada berlakunya apa-apa kekeliruan. Kerajaan bercadang menguatkuasakan Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 selepas beberapa pindaan yang perlu bagi mengemaskinikan Akta itu diluluskan oleh Parlimen ini. Oleh itu pindaan-pindaan tersebut, Akta ini tidak boleh dikuatkuasakan dengan berkesan dan dengan lancar khususnya

dari segi pentadbiran. Rang Undang-undang (Pindaan) ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah siap dan sedang diteliti oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara iaitu pihak yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran Akta ini sebelum undang-undang pindaan itu dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan supaya dibentangkan di dalam Parlimen ini. Kemungkinan besar bahawa ianya akan dibentangkan di dalam persidangan Parlimen bulan Jun ataupun bulan Oktober tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan telah mengesyorkan pindaan kepada undang-undang berkenaan supaya membolehkan pihak Pendakwa Raya membuat rayuan dalam semua perkara-perkara di mana ianya tidak berpuashati dengan keputusan hakim termasuklah katanya "perintah lepas" atau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "order of discharge not amounting to acquittal".

Mengikut Seksyen 306 Kanun Acara Jenayah, pihak Pendakwa Raya boleh merayu di mana seorang itu dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen ataupun Mahkamah Majistret.

Seksyen 307 kanun tersebut membolehkan seseorang termasuk pihak Pendakwa Raya yang tidak berpuashati dengan keputusan, hukuman atau perintah sesuatu mahkamah tersebut merayu kepada Mahkamah Tinggi. Perintah ini di bawah Seksyen 307 adalah termasuk "perintah lepas" atau "order of discharge not amounting to acquittal". Tetapi tanpa rayuan dibuat di dalam mana-mana kespun baik di Mahkamah Rendah ataupun Mahkamah Tinggi pihak berkuasa boleh menuduh sekali lagi dalam mahkamah dengan seorang yang telah dilepaskan atau "order of discharge not amounting to acquittal". Jadi tidak payahlah minta ulang bicara lagi kerana kuasa itu ada di tangan Pendakwa Raya. Walau bagaimanapun, rayuan dalam perkara jenayah daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Persekutuan pula adalah terhadap kepada keputusan Mahkamah Tinggi menurut perlaksanaan asal bidang bicara jenayah. Tetapi Pendakwa Raya hanya boleh merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di mana Mahkamah Tinggi membebaskan seseorang ataupun di mana Pendakwa Raya tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi dan bukan di dalam perkara lain, termasuklah "perintah lepas" sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Sama ada patut dibuat peruntukan bagi rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi sama dengan peruntukan yang ada mengenai rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret tadi, itu perlulah diteliti dengan mendalam dan sehalus-halusnya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat dari Kinabatangan atas cadangan beliau yang akan dikaji dan diperimbangankan oleh Kerajaan kelak.

Akhir sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pula yang telah memberi pandangan dan ulasan mereka mengenai Kementerian Undang-undang tetapi tidak tersentuh dalam jawapan saya ini kerana masanya tidak mengizinkan, saya akan menjawab satu-persatu, saya ucapkan terima kasih juga. Bagaimanapun pandangan mereka itu akan diambil kira untuk panduan, untuk pertimbangan atau tindakan oleh Kerajaan saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya sudah bangun ini, izinkan saya menjawab Kementerian saya, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan pendek sahaja. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa pandangan berkaitan dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah mengemukakan pandangan bahawa sektor pembangunan tanah tidak dapat dicapai gunatenaga yang penuh iaitu tidak dapat memberikan banyak pekerjaan kepada penduduk-penduduk, maka berlaku penghijrahan penduduk di luar bandar ke bandar untuk mencari pekerjaan. Ahli Yang Berhormat dari Baling juga menyentuh soal petani-petani masih menghadapi masalah pemilikan tanah yang tidak ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penghijrahan penduduk daripada kampung-kampung ke bandar-bandar ini bukan perkara itu ekonomik atau tidak ekonomik tanah yang ada di kampung itu. Mereka memandang untuk meninggalkan taraf hidup mencari rezki yang baharu dan mengikut Dasar Ekonomi Baru kita maka setengah-setengah mereka di kampung—itu saya fikir tidak patut kita halangkan mereka itu berhijrah ke bandar-bandar sama ada hendak buat perniagaan kecil di bandar-bandar atau

hendak masuk bekerja di kilang-kilang dan lain-lain lapangan di bandar-bandar. Ini satu daripada dasar kita kerana kita hendak sebagaimana kata menyusun semula masyarakat dengan syarat mereka yang keluar daripada kampung atau dari luar bandar apabila berhijrah ke bandar patutlah pihak Kerajaan memberikan mereka itu latihan, kalau boleh dengan secukupnya rohani dan juga jasmani, khasnya kepada mereka daripada kaum wanita atau perempuan kerana mustahak supaya mengelakkan perkara-perkara yang tidak baik dari segi sosial yang timbul apabila mereka itu tinggal di bandar-bandar.

Saya suka menyatakan di sini bahawa berkenaan dengan yang kedua tadi iaitu agensi-agensi di bawah Kementerian saya seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan Lembaga Kemajuan Tanah Wilayah yang wujud untuk menyelesaikan masalah-masalah yang telah disebutkan dan dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa agensi-agensi itu telah berjaya meningkatkan pengeluaran di segi pertanian dan juga dengan sistem perubatan tanah, penyatuan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA serta projek-projek meningkatkan pengeluaran yang dilancarkan oleh RISDA, sedikit-sebanyak meningkatkan pengeluaran dari kawasan-kawasan yang dahulunya tidak ekonomik. Dan selain daripada Kementerian saya, Kementerian Pertanian pula ada menolong dengan banyak cara bidang mereka yang berkebuduan kecil untuk menambahkan hasil pertanian mereka itu. Mana-mana ada tanah Kerajaan juga yang hampir dengan kampung-kampung kepada mereka itu maka hasil di kampung-kampung pekebun kecil boleh memohon tanah-tanah Kerajaan yang berhampiran dengan kampung itu dan sekiranya diluluskan oleh Kerajaan Negeri maka pihak agensi seperti FELCRA boleh menjayakan pembukaan tanah itu untuk diberi kepada pekebun-pekebun kecil, orang kampung yang tinggal di situ untuk menambahkan pendapatan mereka itu selain daripada pendapatan yang mereka terima daripada kebun yang tradisional yang dijaga oleh mereka itu.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam tahun 80an ini saya telah mengarahkan FELCRA supaya lebih banyak melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ala *in situ* atau setempat. Menurut sistem ini, Tuan

Yang di-Pertua, kawasan-kawasan perkampungan tradisional adalah disatukan dan dengan tambahan tanah yang ada di sekeliling kampung itu, satu kampung baharu yang tersusun dan moden yang cukup dengan kemudahan asas boleh diwujudkan. Setakat ini FELCRA telah berjaya dalam projek in situ di Teratak Batu di Kelantan. Projek ini akan dijadikan contoh untuk projek serupa yang akan dilaksanakan dalam tahun 80an ini. Saya telah mengarahkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat FELCRA akan memajukan projek-projek in situ seluas 20,000 ekar di mana terbahagi kepada 40 buah rancangan. Oleh itu, FELCRA akan mewujudkan projek ini dengan kadar sekurang-kurangnya 8 projek setahun. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, segala projek-projek melalui FELDA, FELCRA dan melalui tanah yang dibuka oleh RISDA cuma Kementerian saya dapat menjalankan kalau ada kerjasama oleh Kerajaan Negeri mengeluarkan tanah-tanah Kerajaan yang dikehendaki oleh mereka yang kekurangan tanah dalam tiap-tiap negeri dan saya berpuas hati kerjasama ini telahpun didapati daripada tiap-tiap Kerajaan Negeri.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu. Ahli Yang Berhormat telah minta supaya Kementerian saya menambahkan peruntukan kepada agensi-agensi pembangunan tanah di Sarawak seperti FELCRA gunanya untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Saya ingin menyatakan bahawa peruntukan kepada FELCRA di Sarawak untuk tahun ini sahaja telahpun ditambah kepada \$5.7 juta sahaja. Dengan demikian, FELCRA akan bergiat dengan lebih berkesan di Sarawak.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat itu supaya lebih banyak kaum Dayak ditempatkan di kawasan pembangunan negeri. Ini, Tuan Yang di-Pertua, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk membuka lebih luas kawasan tanah untuk rakyat di sana.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

5.12 ptg.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, maka saya sukalah menyampaikan ucapan berbilang terima kasih di atas teguran-teguran dan juga syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja mulai daripada 18hb hingga ke hari ini. Secara keseluruhannya perkara-perkara yang telah disentuh itu adalah mengenai keselamatan di bawah tajuk-tajuk seperti tindakan polis terhadap lanun, penjenayah, anasir-anasir subversive, lawatan pedagang-pedagang ke negeri China, kebebasan bagi melawat Sabah dan Sarawak daripada Semenanjung dan juga berhubung dengan orang-orang pelarian Filipino di Sabah dan akhir sekali perkara-perkara yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Dari segi keselamatan, ke semua perkara-perkara yang dibangkitkan ini memanglah ada kaitan antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari perkara yang telahpun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah juga dibangkitkan sebagai pertanyaan-pertanyaan di dalam Dewan yang mulia ini semasa soal-jawab dan juga di persidangan-persidangan yang telah lalu juga jawapan-jawapan yang telah diberi dengan begitu jelas. Walau bagaimanapun, sukalah saya memberi sedikit-sebanyak lagi penerangan lanjut berhubung dengan perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan satu pandangan yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Sandakan supaya pasukan Polis diperbesarkan dan dibekalkan dengan kelengkapan-kelengkapan yang lebih moden sebagaimana bot-bot ronda bagi tujuan untuk membanteras lanun-lanun dan juga kegiatan subversif dan lain-lainnya, maka sukalah saya memaklumkan lagi bahawa pihak Kerajaan memang sentiasa memberi perhatian yang sepenuhnya kepada perkara-perkara tersebut itu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kekuatan keanggotaan Polis dalam negara kita mengikut perjawatan yang ada pada 1hb Januari, 1980 ini adalah berjumlah seramai 65,500 anggota. Angka ini akan ditingkatkan lagi menjadi seramai 90,000 anggota menjelang tahun 1985 ini. Selain daripada itu, mengenai kelengkapan-kelengkapan pula pihak Polis akan dibekalkan dengan bot-bot

ronda yang lebih moden dan kemaskini. Pesanan bagi sebanyak 12 buah bot ronda jenis PZ dan juga 9 buah bot jenis PX sudahpun dibuat beberapa lama dahulu dalam mana 3 buah bot jenis PZ dan 3 buah bot jenis PX akan siap dalam tahun ini juga dan 6 buah bot PZ serta juga 3 buah bot PX akan siap dalam tahun 1981 dan bakinya akan disiapkan dalam tahun 1982. Dalam pada itu pihak Polis sedang merancang bagi menambahkan lagi bilangan bot-bot jenis yang sama. Kesemua ini adalah untuk meningkatkan lagi keupayaan rondaan yang dijalankan bagi mengawasi kegiatan-kegiatan haram sepertimana kegiatan-kegiatan lanun yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga penyeludupan di sekitar perairan pantai negara kita ini.

Pihak Polis Marin pula sedang merancang bagi mengadakan helikopter sebagai satu tenaga tambahan kepada Pasukan Polis Udara yang telah ada sekarang ini. Di samping itu, satu rancangan sedang diaturkan untuk menggantikan sistem perhubungan yang digunakan sekarang oleh seluruh pasukan Polis kepada yang lebih moden dan kemaskini lagi. Maka dengan adanya rancangan-rancangan pembesaran pasukan Polis dan kelengkapan yang moden dan kemaskini maka adalah menjadi harapan kita supaya keupayaan pasukan Polis akan dapat ditingkatkan dengan lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula soal yang telah dibangkitkan dalam perbahasan ini juga, iaitu berhubung dengan tunjuk perasaan yang telah berlaku di Alor Star pada 23hb Januari tahun ini maka sukalah saya nyatakan sedikit-sebanyak mengenai kejadian itu, iaitu bagi menjawab apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Dalam hubungan ini sukalah saya menegaskan di sini bahawa seramai 15 orang yang telah ditangkap oleh pihak Polis itu adalah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan bukan kerana penglibatan mereka itu dalam demonstrasi sebagaimana yang telahpun dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan mereka ini adalah ditangkap menurut peruntukan seksyen 73 Akta tersebut kerana disyaki terlibat dalam kegiatan yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara. Perlu diingat bahawa pihak Polis telahpun diberi kuasa untuk mengambil tindakan ini di bawah seksyen tersebut itu. Selain daripada penangkapan yang telah dibuat kepada 15 orang itu pihak

Polis (Cawangan Jenayah) telah juga menangkap seramai 92 orang pada hari demonstrasi yang berlaku itu. Mereka ini adalah ditangkap di bawah Kanun Keseksaan kerana merusuh. Mereka telahpun dihadapkan di mahkamah dan akan dibicarakan. Maka sebagai sebuah negara yang menjunjung keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang adalah menjadi tanggungjawab setiap penduduk negara ini untuk mematuhi undang-undang negara dan mereka yang melanggarnya pastilah tidak akan terlepas daripada tindakan pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung berhubung dengan usaha-usaha mengemaskini pasukan Polis ini sukalah saya menambahkan lagi ini adalah termasuk juga usaha-usaha yang dijalankan oleh pasukan Polis terhadap kegiatan-kegiatan mengintip oleh anasiran-anasir anti-nasional sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

Menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan yang telah bercakap pada hari ini maka sesungguhnya saya bersetuju dengan pandangan beliau bahawa pihak komunis akan terus menjalankan kegiatan haram mereka. Ini memang menjadi falsafah komunis dan yang demikian pihak Kerajaan dan rakyat seluruhnya perlulah sentiasa berwaspada dan tidak boleh lalai dalam menentang dan mengawasi segala tipu helah dan tanduk mereka itu. Pihak Kerajaan memang sedar akan tanggungjawab dan semua rancangan-rancangan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengingatkan rakyat akan bahaya kegiatan komunis itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pula, iaitu dalam perbahasan beberapa hari yang lalu mengenai sekatan yang dikenakan kepada Ahli-ahli Parlimen daripada DAP untuk perjalanan masuk ke Sabah maka perkara ini telahpun saya jelaskan beberapa kali dalam Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak adalah mempunyai kuasa penuh untuk mengawal kemasukan warganegara asing dan juga warganegara Malaysia daripada Semenanjung dan termasuklah Ahli-ahli Parlimen mengikut Perlembagaan dan peruntukan seksyen 65 (1), Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan—1975).

Berhubung dengan perkara pelarian Filipina di Sabah, ini adalah benar. Memang tidak ada lagi orang-orang pelarian yang masuk ke Sabah semenjak daripada 1-1-1976 dan mereka yang cuba masuk selepas itu telah diusir keluar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telahpun mengesyorkan supaya pedagang-pedagang Malaysia diberi kebebasan dari sekatan-sekatan atas urusan perdagangan dengan Republik Rakyat China. Dalam perkara ini inginlah saya jelaskan lagi bahawa peraturan-peraturan yang diadakan pada masa ini adalah mencukupi bagi membolehkan pedagang-pedagang dari negara ini menguruskan urusan dagang dengan Republik Rakyat China.

Sayogia diingatkan bahawa dasar perhubungan negara kita dengan Republik Rakyat China ini adalah di antara Kerajaan dengan Kerajaan dan tidaklah perlu dipersoalkan lagi asas dasar perhubungan ini. Kita sekalian mengetahui bahawa sokongan Parti Komunis China kepada Parti Komunis Malaya masih lagi berterusan dan sehingga kini Kerajaan kita masih memerangi kegiatan haram Parti Komunis Malaya itu. Di sini mungkin perlu kita bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka apakah tujuan beliau mendesak Kerajaan mengadakan kelonggaran itu? Menurut rekod Dewan ini yang telahpun menunjukkan bahawa beliau telah mengemukakan soalan yang sama pada 27hb Jun 1979 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita beralih pula kepada perkara yang bersangkutan dengan dadah. Dalam masalah dadah maka perkara ini telahpun menjadi satu masalah keselamatan negara dan ketahanan rakyat. Maka atas kesedaran hakikat inilah pihak Kerajaan melalui Yunit Bertindak Eksekutif mengenai dadah telahpun menggubalkan dasar-dasar serta mengaturkan rancangan-rancangan yang menyeluruh bagi memerangi masalah ini. Usaha-usaha ini bolehlah dibahagikan kepada empat bidang:

- (1) Kawalan menerusi perundangan dan penguatkuasaan.
- (2) Rawatan dan pemulihan.
- (3) Pendidikan dan penerangan.
- (4) Penyelidikan dan perancangan tenaga.

Tiap-tiap bidang ini mempunyai jawatan-kuasa masing-masing yang dianggotai oleh ketua-ketua dari agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.

Dalam pada itu kumpulan-kumpulan "Think Tank" yang terdiri dari cerdik pandai di dalam berbagai-bagai bidang telah juga ditubuhkan bagi membantu usaha-usaha menggubal falsafah, dasar serta juga strategi-strategi yang diperlukan di dalam usaha kita memerangi dadah ini dan melalui susunan dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi beberapa rancangan telah dan sedang kita laksanakan.

Di dalam bidang perundangan dan penguatkuasaan Undang-undang Dadah Merbahaya sedang dikaji untuk memperkuatkan kawalan yang lain. Begitu juga tenaga dan kelengkapan akan dibesarkan dan ditambah lagi. Dengan ini keupayaan mengawal kemasukan melalui semua pintu-pintu masuk ke negara ini akan dapat diperketatkan.

Dari segi rawatan dan pemulihan pula usaha telahpun dibuat bagi melengkap dan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan pengesanan dan rawatan. Apabila rancangan-rancangan ini terlaksana kelak, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan dapat mengadakan kemudahan pemulihan untuk sebanyak 2,800 penagih-penagih bagi setahun dan Jabatan Penjara pula dapat memulihkan sebanyak 1,500 bagi setahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan, satu langkah jangka panjang adalah dirancangkan untuk mencegah penggunaan dadah di kalangan murid-murid melalui perkhidmatan panduan pelajaran dan runding cara di sekolah-sekolah menengah. Manakala tujuan penerangan pula ialah untuk menjauhan bakal-bakal penagih dadah daripada terjerumus di dalam gejala-gejala dadah ini. Langkah-langkah jangka panjang dalam bidang penerangan ialah untuk menanam perasaan benci dan jijik terhadap dadah di kalangan setiap lapisan masyarakat dan dalam bidang penyelidikan kajian sedang diusahakan bagi mengkaji penggunaan dadah yang kian bertambah buruk di negara kita ini. Usaha-usaha telah juga dibuat bagi mengadakan kerjasama yang lebih erat di antara negara-negara serantau mengenai latihan bagi mengadakan tenaga yang mahir.

Di peringkat antarabangsa pula, pihak Kerajaan telahpun mencadangkan supaya masalah dadah adalah dianggap sebagai satu masalah keselamatan dan bukan masalah sosial lagi. Dengan itu adalah diharapkan masalah dadah diberi perhatian yang lebih serius dan juga langkah-langkah yang lebih gigih diambilkan.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya berharap dengan penerangan secara menyeluruh ini yang saya sampaikan akan dapat sedikit sebanyak menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan juga syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan Kepong mengenai perkara dadah yang saya telah bangkitkan dalam akhir-akhir ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membuat jawapan.

5.27 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian saya semasa perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja 1980 di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh berkenaan dengan rancangan-rancangan Kerajaan bagi perusahaan-perusahaan kecil. Saya menegaskan bahawa Kerajaan mempunyai berbagai program dan projek-projek untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil di samping perusahaan-perusahaan sederhana dan perusahaan-perusahaan besar. Program dan projek-projek ini pula dijalankan oleh beberapa agensi termasuklah Kementerian saya. Saya tidak bercadang menjelaskan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh agensi-agensi dan Kementerian-kementerian lain tetapi menumpukan penjelasan saya ini kepada apa yang dijalankan oleh Kementerian saya, yang dijalankan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) berhubung dengan perusahaan-perusahaan kecil.

SIRIM mengadakan satu bahagian khas yang memberi perkhidmatan bimbingan dan perundingan kepada perusahaan-perusahaan kecil di samping mengadakan usaha-usaha penyelidikan dalam mengadakan beberapa jenis mesin dan peralatan bagi membantu meningkatkan pengeluaran pengusaha-pengusaha kecil ini. Di samping itu, khidmat nasihat teknikal kepada pengusaha-pengusaha

kecil juga diberi tekanan oleh SIRIM. Pegawai-pegawai SIRIM mendampingi pengusaha-pengusaha kecil dengan membuat lawatan-lawatan ke kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan kecil di samping pengusaha-pengusaha itu sendiri mendapat khidmat itu melalui telefon atau menemui pegawai-pegawai di SIRIM sendiri. Kementerian saya memang mengadakan kaji selidik dan tinjauan bagi menentukan keperluan-keperluan perusahaan kecil ini. SIRIM juga menganjurkan beberapa kursus dan seminar untuk perusahaan-perusahaan kecil khasnya pada masa kini satu rancangan usaha sedang dijalankan untuk perusahaan logam. Berbagai penerbitan mengenai teknologi terbaru adalah disediakan untuk pengedaran kepada industri-industri yang disebarkan melalui seminar, kursus-kursus latihan dan lawatan oleh pegawai-pegawai.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Di atas teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam berkenaan dengan penggunaan bahan-bahan tempatan dalam perusahaan perumahan, Kementerian saya juga menjalankan peranannya dalam penyelidikan penggunaan bahan-bahan tempatan, buangan dan mentah serta teknik-teknik tenaga-rendah dan tatacara pembinaan yang mudah. Setakat ini Kementerian saya telah menjalankan kaji-selidik ke atas penggunaan kayu getah untuk pembinaan, papak "woodwool", tanah dan batu-bata leteritik serta simen dari abu sekam padi. Sebagai contoh penggunaan "waste wood shavings" dan simen di dalam perkembangan papak "woodwool" sebagai bahan binaan untuk mendirikan rumah dengan tujuan mengurangkan kos binaan rumah sedang dijalankan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan ianya sekarang sedang digunakan untuk pembinaan. Kesediaan untuk menerima bahan-bahan yang diselidik ini oleh pengguna-pengguna telahpun dicapai. Sekianlah sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

5.33 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali, saya mengucapkan terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas Titah Ucapan Di Raja 1980. Saya akan memberi sedikit ulasan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya seperti yang disampaikan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Sebagai permulaan saya akan menyentuh tentang cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah inflasi yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Seperti yang saya telah tegaskan beberapa kali dahulu, Kerajaan memandang berat masalah ini. Jika tidak dikawal dengan rapi inflasi akan memberi kesan yang buruk kepada keadaan ekonomi dan kewangan negara dan seterusnya akan menyulitkan keadaan hidup rakyat terutama yang berpendapatan rendah. Kerajaan sedar akan akibat buruk ini dan pencegahan inflasi akan diberi keutamaan yang paling tinggi. Tidak payahlah saya ulangi sekali lagi langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi kerana langkah-langkah ini telahpun dihuraikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Di Raja pada 17hb Mac yang lalu. Langkah-langkah ini telah juga dihuraikan dalam Ucapan Belanjawan dan Perutusan Belanjawan tahun lalu dan juga semasa menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membendung inflasi hendaklah disokong sepenuhnya oleh rakyat. Setiap lapisan masyarakat seharusnya memberi kerjasama kepada usaha-usaha ini kerana tanpa sokongan dan kerjasama ini usaha Kerajaan bagi mengurangkan kenaikan harga tidak akan berjaya. Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan akan terus memberi sokongan moral dan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan pengguna supaya ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi dalam membantu Kerajaan membendung inflasi di negara ini.

Merujuk kepada teguran supaya Kerajaan mengkaji sistem dan struktur percukaian termasuk cukai jualan, suka saya memaklumkan bahawa kajian serupa ini memang senantiasa dijalankan dan langkah-langkah yang sesuai diambil manakala didapati wajar diperbuat

demikian selepas mengambil kira bukan sahaja kesan langkah-langkah itu ke atas hasil Kerajaan tetapi juga matlamat Kerajaan meringankan beban inflasi ke atas pengguna-pengguna.

Duti import yang ada sekarang ini ke atas baja-baja dan bahan-bahan kimia pertanian adalah bertujuan untuk memberi perlindungan ke atas perusahaan tempatan dan bukan bertujuan menaikkan harga barang-barang itu. Mungkin kenaikan harga disebabkan harga bahan mentah yang telah bertambah.

Bagaimanapun kajian adalah dibuat dari masa ke semasa untuk menentukan supaya perlindungan yang diberikan itu tidak berlebihan dan bekalan tempatan adalah mencukupi untuk dijual pada harga yang berpatutan. Dalam jangka masa yang panjang juga perusahaan tempatan akan diberikan perlindungan tarif pada tingkat kadar duti import yang minima sahaja. Mengenai cadangan supaya bahan-bahan kimia pertanian dikecualikan dari duti, adalah sukar bagi Kerajaan menimbangkannya selagi ada bahan kimia tempatan yang sama yang perlu dilindungi. Tetapi Kerajaan senantiasa mengawasi perkembangan harga.

Sekarang suka saya mengulas ke atas syor daripada Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan supaya pasaran saham, syarikat diskaun dan pasaran barangan ditubuhkan di Sabah dan Sarawak untuk menaikkan pertumbuhan sektor pertanian di negeri-negeri tersebut. Dari perangkaan yang ada, terdapat di Negeri Sabah sebanyak 54 pejabat bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan dan di Sarawak 60 pejabat bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan. Dari angka ini boleh ditunjukkan bahawa untuk Negeri Sabah bilangan penduduk untuk sebuah pejabat institusi kewangan ialah 18,148 orang dan untuk Negeri Sarawak ialah 20,333 orang. Di Semenanjung pula angka yang berkaitan ialah 18,540 orang. Untuk tujuan meningkatkan pelaburan sektor pertanian adalah nyata bahawa institusi kewangan yang saya sebutkanlah yang perlu. Saya percaya buat setakat ini jumlah mereka adalah mencukupi. Lagi pula Kerajaan melalui Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan kepada institusi-institusi kewangan yang disebutkan untuk memperuntukkan sebahagian daripada pinjaman mereka

untuk sektor pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah institusi-institusi kewangan di Sabah dan Sarawak akan dikaji dari masa ke semasa untuk menentukan keperluan yang mencukupi.

Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat kepada kegiatan-kegiatan Kementerian saya. Untuk cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang lain Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan yang selanjutnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyampaikan jawapannya.

5.41 ptg.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbincangan atas Usul Ucapan Menjunjung Kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sukacitalah saya memaklumkan bahawa semua teguran-teguran yang membina itu adalah dalam perhatian Kementerian Kesihatan dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil untuk memperbaiki serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan perubatan kesihatan dan pergigian yang dibekalkan dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar, mengenai Jururawat-jururawat yang berkelakuan kasar kepada pesakit-pesakit dan orang awam, ingin saya menjelaskan di sini bahawa Kementerian ini memandang berat terhadap perbuatan sedemikian. Saya akan berterima kasih banyak kepada Ahli Yang Berhormat jika sekiranya kos-kos yang tertentu, dengan nama kakitangan yang berkenaan dapat dilaporkan kepada saya atau pegawai-pegawai kanan Kementerian ini, dan saya menegaskan bahawa Kementerian ini tidak akan ragu-ragu mengambil tindakan terhadap kakitangan-kakitangan tersebut sekiranya tuduhan-tuduhan didapati benar.

Walaupun bagaimanapun, saya fikir tidak dapat dinafikan bahawa pada keseluruhannya, pegawai-pegawai iktisas dan kakitangan-kakitangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan, termasuk para jururawat, menjalankan tugas-tugas masing-masing yang berat

dengan dedikasi dan semangat mesra. Di dalam satu perkhidmatan yang luas seperti ini, mungkin tidak dapat dielakkan terjadi jua satu atau dua kes, di mana atas sebab-sebab tertentu kakitangan ini akan hilang kesabaran.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri adalah sentiasa diminta mengambil langkah-langkah tertentu dan sewajarnya supaya kejadian seumpama ini tidak berlaku.

Mengenai soal tambahan gaji kepada Bidan, sukacita saya memaklumkan bahawa ianya telah didapati dalam memorandum yang dikemukakan oleh pihak Kesatuan Bidan dan Jururawat Desa kepada Kerajaan. Memorandum ini adalah sedang dalam penelitian, tetapi Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa struktur gaji untuk semua perkhidmatan Kerajaan adalah tertakluk kepada syor-syor Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji yang telah diterima oleh Kerajaan. Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat maklum juga, Kerajaan sedang mengkaji struktur gaji keseluruhannya.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, yang menyatakan bahawa Hospital Daerah Sungai Petani sangat kekurangan bidan-bidan, sukacita saya memaklumkan bahawa hospital tersebut mempunyai 23 jawatan bidan dan di antaranya, 19 yakni 90% jawatan telah diisi. Tambahan pula terdapat 90 dari antara 103 jawatan jururawat telah diisi. Ini merupakan 87.3% jawatan jururawat telah diisi. Ini menunjukkan bahawa walaupun tidak semua jawatan bidan dan jururawat diisi, hospital tersebut mempunyai ramai juga kakitangan-kakitangan bidan dan jururawat dan tidak berkurangan kakitangan sebagaimana dinyatakan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan terus berusaha untuk mengisi jawatan yang kosong itu.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Panting yang telah menyentuh tentang hospital-hospital yang dibina dalam masa penjajahan, suka saya menyatakan bahawa Kementerian ini sedar bahawa banyak hospital-hospital di negara ini sudah lama dan perlu diperbaiki. Di mana perlu dan mengikut keutamaan, Kementerian ini telah mengambil tindakan-tindakan untuk menggantikan hospital-hospital yang lama tersebut dengan hospital-hospital lain dan baru.

Berkaitan dengan Hospital Daerah Kota Tinggi, iaitu hospital di kawasan Panti, sukacita saya menyatakan bahawa walaupun hospital itu adalah lama, keadaan bangunan-bangunan masih memuaskan dan projek-projek yang berikut telah dilaksanakan bagi memperbaiki hospital tersebut:

- (a) Dapur dan bilik dobi yang baru telah disiapkan dalam tahun 1974;
- (b) Klinik Anika baru telah disiapkan dalam tahun 1977; dan
- (c) Wad Kanak-kanak telah diperbaiki dalam tahun 1977.

Selain daripada itu, dua (2) projek baru, iaitu memperbaiki wad kelas dua Wanita dan Nursery sedang diuruskan.

Mengenai kekurangan doktor di Hospital Daerah Kota Tinggi, sebagaimana yang diumumkan dahulu, Kementerian ini adalah menghadapi kekurangan doktor pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun, ianya diharap bahawa apabila tamatnya latihan bagi doktor-doktor pelatih pada bulan Mei akan datang, kedudukan ini, terutamanya di Negeri Johor akan dapat diperbaiki. Tentang doktor pergigian pula, seorang doktor pergigian akan ditempatkan di hospital tersebut dalam bulan April ini.

Berkaitan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu supaya Kementerian ini membina banyak lagi Pusat Kesihatan di kawasan luar bandar di Negeri Sarawak, sukacita saya menegaskan di sini bahawa Kementerian ini telah menekankan perlaksanaan perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar, seperti yang dibayangkan oleh projek-projek yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kementerian ini akan meneruskan usaha ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menegaskan sekali lagi bahawa Kementerian ini akan terus berusaha sedaya-upaya untuk memperbaiki serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian di negara ini. Di samping itu, Kementerian ini berharap semua rakyat akan membentuk sikap yang mementingkan kebersihan dan kesihatan diri sendiri serta keluarga masing-masing untuk menjauhi penyakit-penyakit dan hidup dalam keadaan sihat dan bahagia.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan.

5.50 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh serba sedikit peranan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Penerangan.

Adalah menjadi tanggungjawab kepada Jabatan Penerangan untuk memberikan penerangan yang seluas-luasnya mengenai sesuatu rancangan dan dasar Kerajaan supaya rakyat benar-benar memahami segala rancangan-rancangan dan dasar-dasar yang ada, dan bagi mengelakkan dasar-dasar dan rancangan-rancangan itu diputarbelitkan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menunjukkan kelemahan Kerajaan.

Perkara ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan melalui kegiatan Kursus Sivik, Hari Sivik, Himpunan Sivik, Lawatan Sivik, ceramah dan pertunjukan wayang gambar Melalui cara perhubungan bersemuka (inter-personnel communication) ini sebilangan besar rakyat telah dapat memahami dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan yang ada dan telah membolehkan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan itu dilaksanakan dengan memuaskan dan mencapai matlamatnya.

Jabatan Penerangan sedang mengambil langkah untuk memesatkan lagi kegiatan siviknya pada tahun ini untuk melibatkan lebih ramai lagi rakyat berbagai kaum di negara ini. Apa yang dapat dilakukan oleh Jabatan Penerangan adalah mengikut kemampuan yang ada padanya dari semasa ke semasa. Kerjasama daripada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain adalah penting. Maka untuk itu, Jabatan ini akan meningkatkan lagi penglibatan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain di dalam kegiatan siviknya yang akan dilipatgandakan pada tahun ini.

Sambil itu Kementerian Penerangan sedang mengadakan pendekatan baru dan menambatkan saluran komunikasi di antara Kerajaan dengan rakyat untuk memperkemas cara memberi penerangan itu. Pendekatan yang baru ini akan memerlukan lebih banyak

kesan balas dari orang ramai mengenai aktiviti-aktiviti Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang ada. Selama ini usaha mendapatkan kesan balas itu dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan Kementerian Penerangan dan Jabatan Penerangan sendiri. Oleh kerana cara ini memakan masa maka kadangkala tindakan untuk mengatasi masalah-masalah yang ada tidak dapat dilakukan dengan segera oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan.

Untuk mempercepatkan proses mendapatkan kesan balas dan memberi penerangan yang segera ke atas dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan yang ada itu, Kementerian Penerangan telah menggubal satu pendekatan Tiga Serangkai yang menggunakan ruangan tertentu di TV dan radio, soal-selidik tentang reaksi rakyat oleh pegawai-pegawai penerangan di peringkat grass-root dan menilai pendapat-pendapat itu oleh pihak penyelidik di Kementerian. Oleh sebab pendekatan ini menggunakan media elektronik, maka kita sekarang dapat memendekkan setengah daripada masa yang lazim diambil menerusi pendekatan-pendekatan yang digunakan selama ini.

Pendekatan Tiga Serangkai ini adalah hasil daripada rancangan Kementerian untuk mengintegrasikan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan-jabatan di bawah naungannya iaitu Jabatan Penerangan, Radio dan Televisyen Malaysia dan Filem Negara. Melalui proses integrasi ini usaha-usaha memberi penerangan kepada rakyat akan dapat diselaraskan dengan lebih baik lagi bagi mencapai kesan yang maxima.

Satu Jawatankuasa Petugas yang terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi di Kementerian telah ditubuhkan untuk mengkaji dan mengikuti pelaksanaan dan kemajuan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan sambil memerhatikan tentang hal ehwal semasa yang timbul di dalam masyarakat dan negara terutama isu-isu yang agak sensitif yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman rakyat di negara ini. Jawatankuasa ini akan mengeluarkan panduan-panduan dan bahan-bahan yang tersusun yang akan digunakan oleh Jabatan Penerangan, RTM dan juga Filem Negara bagi menerangkan dengan jelas kepada rakyat tentang dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan, pendirian Kerajaan tentang isu-isu yang terdapat dari semasa ke semasa atau

penerangan-penerangan yang tertentu yang boleh menghilangkan sebarang keraguan dan kemusykilan daripada rakyat sendiri.

Bagi melicinkan lagi pelaksanaan daripada Jawatankuasa Petugas ini dan untuk menentukan bahawa penerangan yang hendak disampaikan itu lebih meyakinkan, satu Yunit Media Support akan ditubuhkan. Yunit ini menyediakan kelengkapan-kelengkapan yang mengandungi pita-pita rakaman suara dan pita-pita rakaman filem, slides mahupun filem wayang gambar untuk kegunaan ketiga-tiga Jabatan yang ada di dalam pelaksanaan rancangan penerangan yang integrated.

Mengenai rancangan gusti yang saya akui adalah satu rancangan yang popular di kalangan rakyat berbagai kaum di negara ini, suka saya menjelaskan di sini bahawa bekalan yang ada telahpun habis dan apabila bekalan baru rancangan tersebut dapat diterima, maka rancangan gusti akan diadakan semula.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tentang pertukaran rancangan-rancangan TV antara negara-negara ASEAN, sukacita saya menerangkan bahawa perkara ini memang sudah dilaksanakan. Pertukaran rancangan-rancangan radio dan TV adalah menjadi satu aktiviti penting Jawatankuasa ASEAN.

Mengenai kebudayaan dan penerangan, Jawatankuasa ini akan terus merancangkan lebih rancangan-rancangan yang sesuai untuk ditukar antara negara-negara ASEAN demi untuk memperkukuhkan dan mempereratkan perhubungan rakyat ASEAN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

5.56 ptg.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan-pandangan dan syor-syor mereka mengenai beberapa perkara yang berbangkit, kesemuanya adalah terhadap Lembaga Padi dan Beras Negara. Segala teguran dan pendapat akan diberi perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara telah diwujudkan untuk menjamin harga padi yang berpatutan kepada petani-petani di samping menstabilkan harga beras dan bekalan beras yang cukup setiap masa.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mengesyorkan supaya pemberian subsidi harga padi dinilai mengikut luas tanah yang dimiliki oleh seseorang petani. Suka saya nyatakan di sini bahawa semenjak akhir tahun 1978 subsidi padi telahpun dinaikkan sebanyak \$5.00 sepikul iaitu \$2.00 sebagai subsidi harga dan \$3.00 sebagai subsidi baja. Dengan adanya Harga Tawaran Padi yang dijamin oleh Kerajaan melalui LPN, harga padi menjadi stabil dan lebih adil. Harga ini sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Harga beras juga diambil kira dalam menentukan harga padi kerana ia kait mengait dan melibatkan pengguna.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Jerai telah juga mengesyorkan supaya LPN menyediakan pengangkutan untuk menyenangkan para petani menjual padi ke Kompleks LPN. Buat masa ini Kerajaan akan meneruskan dasarnya untuk membeli padi di gudang sahaja. Saya yakin pertubuhan-pertubuhan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang sentiasa bersedia membantu para petani di dalam masalah pengangkutan.

Syor supaya kompleks mengering di Kedah dan Perlis ditambah lagi oleh LPN telah juga diutarakan. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa keupayaan mengering padi di kompleks-kompleks LPN telahpun ditambah sebanyak 8% menjadi 20% dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Keupayaan ini akan ditambah lagi dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kompleks-kompleks LPN memang telahpun dilengkapi dengan alat-alat menilai mutu dan kadar lembab padi. LPN akan terus berusaha untuk menambah alat-alat yang sedia ada supaya urusan jualbeli padi dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan memuaskan.

Di dalam hubungan tunjuk perasaan yang kononnya dilancarkan oleh para petani di Alor Setar pada 23hb Januari yang lalu telah juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menganggap peristiwa ini

sebagai tanda perasaan tidak puashati terhadap Kerajaan. Peristiwa tunjuk perasaan yang berlaku baru-baru ini di Kedah bukanlah berpunca dari perasaan tidak puashati golongan petani terhadap Kerajaan. Perkara ini telahpun diterangkan dan dijelaskan oleh saya di dalam Dewan yang mulia ini semasa Soal-Jawab pada 18hb Mac yang lalu.

Ianya disebabkan oleh anasir-anasir PAS (Pertubuhan Angkatan Sabilullah) yang tidak bertanggungjawab yang telah memberi gambaran salah dan menyeleweng tentang dasar Kerajaan dengan harapan menghasut para petani demi mencapai tujuan-tujuan dan kepentingan-kepentingan politik mereka sendiri. Penglibatan ini adalah nyata dan telahpun diumumkan oleh seorang pemimpin parti politik berkenaan. Perkara ini telahpun dapat dibendung dan dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, LPN akan terus memainkan peranannya di atas objektif-objektif yang telah diwujudkan. Prestasi keupayaannya akan ditambah untuk memberi perkhidmatan yang lebih dari satu masa ke satu masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

6.00 ptg.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih untuk diberi peluang ini supaya jelas sedikit tentang teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Panti pada 19hb Mac tentang banyak projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian saya yang masih belum siap. Beliau akui yang J.K.R. terlalu banyak memikul beban dan seterusnya meminta dikaji semula kejayaan-kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga supaya kelak pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Keempat tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai teguran Ahli Yang Berhormat yang membina itu dan sukalah memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu dan kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya telah mengkaji semula secara mendalam keupayaan J.K.R., kelemahan-kelemahannya dan apakah cara-cara mengatasinya untuk mempercepatkan

pelaksanaan projek-projek pembangunan. Ada beberapa faktor utama yang menyebabkan pelaksanaan projek-projek pembangunan tergendala. Keupayaan terhad oleh J.K.R. adalah salah satu faktor tetapi ada beberapa faktor lain yang terkeluar dari kemampuan J.K.R. sendiri. Misalnya kepantasan menyiapkan projek bergantung besar kepada keupayaan kontraktor. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini kegagalan kontraktor-kontraktor menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan telah menjadi satu masalah besar. Masalah kontraktor-kontraktor berkaitan rapat dengan masalah "cash flow" dan kesukaran mendapat bahan-bahan binaan. Kelambatan mendapatkan tanah untuk tapak projek-projek oleh "Kementerian-kementerian Pelanggan" (Client Ministries) bagi projek-projek Kementerian-kementerian itu dan yang diambil oleh Kementerian ini sendiri bagi projek-projeknya sendiri adalah juga menjadi masalah yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pokok yang berpunca dari J.K.R. ialah kekurangan kakitangan khususnya kakitangan mahir. Sungguhpun sejak kebelakangan ini banyak jawatan-jawatan tambahan telah diluluskan namun adalah menjadi kesukaran pula mengisi sebilangan besar jawatan-jawatan itu kerana kekurangan calon-calon lebih-lebih lagi untuk mendapatkan calon-calon yang mahir. Walaupun bidang-bidang latihan boleh diadakan dan sememangnya ini akan dilakukan, tetapi buat beberapa tahun masalah keupayaan J.K.R. yang terhad ini masih akan dialami.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengatasi keupayaan J.K.R. yang terhad ini Kementerian ini sedang mengkaji kemungkinan pihak perunding swasta membantunya. Beberapa perkara perlu diatasi dahulu kerana terdapat juga kelemahan-kelemahan di pihak perunding swasta.

Maka berdasarkan pengalaman-pengalaman Rancangan Malaysia Ketiga dan strategi-baru yang saya sebutkan itu adalah diharap pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Keempat akan dapat dilakukan dengan lebih berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

6.04 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat beberapa ulasan dan jawapan terhadap beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Mengenai dasar pengangkutan negara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian masih lagi dalam proses menggubal dasar tersebut dan ini akan memakan masa memandangkan perkara ini ada berkaitan dengan beberapa Kementerian lain.

Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Antu berharap supaya lapanganterbang di Sarawak diperbaiki bagi memudahkan perhubungan di antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian saya sedar dan telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki lapanganterbang yang terdapat di Sarawak.

Bagi lapanganterbang Kuching kerja-kerja pembinaan bangunan terminal yang baru sedang dijalankan dan landasannya akan diperkuatkan bagi membolehkan penggunaan pesawat jenis Airbus. Adalah dijangka bangunan baru ini akan siap pada tahun 1982 dan kerja-kerja memperkuatkan landasan itu pula dijangka siap pada Julai, 1981.

Kajian pelan induk lapanganterbang baru di Sibul, Limbang dan Bintulu telahpun selesai bagi membolehkan penggunaan pesawat yang lebih besar. Mengikut jadual lapanganterbang tersebut dijangka siap dalam tahun 1984. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya bercadang untuk memperbaiki landasan-landasan kecil di luar bandar bagi memudahkan lagi perhubungan dan pengangkutan di antara kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak.

Mengenai perundingan perkhidmatan udara antara Malaysia dan Singapura baru-baru ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, perkara ini telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat sendiri pada 19.3.80.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut mengenai perkhidmatan MAS di Sabah dan Sarawak, Kementerian saya memang sedar pentingnya perhubungan melalui udara di Sabah dan Sarawak. MAS sentiasa mengawasi keadaan perkhidmatannya di Sarawak dan sering kali mengulang kaji perkhidmatannya.

Dalam tahun Kewangan 1980/81 MAS akan mengadakan dua tambahan kepada pesawat Fokker 27 iaitu pesawat yang ke 11 dan ke 12 untuk mengadakan perkhidmatan di Sabah dan Sarawak. Rancangan MAS adalah seperti berikut:

Sektor Sibu/Bintulu perkhidmatan seminggu dengan penggunaan Fokker 27 iaitu Fokker ke 11—32.5 kali; pertambahan 8.5 kali—

Sibu/Kuching—45 kali, pertambahan 7 kali;

Miri/Sibu—15.5 kali; pertambahan 1.5 kali;

Kota Kinabalu/Bintulu—9 kali, pertambahan 9 kali;

Dengan penggunaan Fokker ke 11 dan ke 12, sektor Labuan/Miri dengan penggunaan F27 ke 11-10 kali ke 12-13 kali, pertambahan tiga kali seminggu.

Bintulu/Miri 18.5 kali dengan pesawat ke 11-23 kali dengan pesawat ke 12, pertambahan 4.5 kali.

Sibu/Bintulu ke 11-32.5 kali, ke 12-34 kali, pertambahan 1.5 kali.

Bintulu/Kuching—5 kali dengan pesawat ke 11, 8 kali dengan pesawat ke 12, pertambahan 3 kali.

Miri/Sibu ke 11-15.5 kali, ke 12-17 kali, tambahan 1.5 kali.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara di bawah Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

6.10 ptg.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih saya kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan sebagainya terhadap Kementerian saya. Sebahagian daripada teguran-teguran tersebut merupakan teguran yang membina. Sungguhpun demikian, tidak kurang pula yang merupakan kritik-kritik yang melulu khasnya yang datang dari pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan kali ini seperti juga di dalam persidangan-persidangan yang lepas nampaknya soal lama juga yang dibangkitkan oleh pihak Pembangkang. Tidak kurang pula yang lebih merupakan isu-isu yang bermaksud untuk memburuk-buruk imej Kerajaan semata-mata terutama berkaitan dengan soal bahasa dan pelajaran tinggi padahal perkara-perkara yang dibangkitkan itu telah beberapa kali dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk melayan pihak Pembangkang dengan penjelasan-penjelasan panjang lebar. Tambahan pula sebahagian daripadanya telahpun dan akan dijawab sewaktu menjawab soalan-soalan lisan sepanjang persidangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa soalan lisan yang saya maksudkan itu dijangka tidak akan sempat dijawab di Dewan ini memandangkan kesuntukan masa, terutama soalan yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan beberapa orang lagi rakan-nya berkaitan dengan Laporan Kabinet. Ahli Yang Berhormat itu meminta supaya diadakan satu persidangan khas di Dewan ini untuk membincangkan laporan ini seperti yang telah dihebahkan kepada masyarakat umum. Kajian yang dibuat bukanlah kajian atas Dasar Pelajaran Kebangsaan yang sedia ada tetapi mengenai perlaksanaannya sahaja. Laporan tersebut adalah selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan memberi perakuan-perakuan untuk mencapai matlamat dasar tersebut dengan lebih berkesan lagi. Laporan ini ialah Laporan Jawatankuasa Kabinet. Dengan demikian saya tidak nampak sebab mengapa satu persidangan khas Parlimen diadakan untuk membahaskan laporan tersebut. Memadai dihebahkan kepada orang ramai sepertimana yang telah dibuat. Di samping itu, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak pula ditegah mengulas laporan di dalam perbahasan umum di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang juga telah mengungkit-ungkit soal Dasar

Pelajaran Kebangsaan, terutama soal kedudukan bahasa ibunda di dalam sistem pelajaran kebangsaan. Umpamanya, Ahli Yang Berhormat dari Petaling mencadangkan bahasa ibunda diwajibkan kepada murid-murid sekolah rendah dan menengah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan mewajibkan bahasa ibunda tidak timbul; peruntukan masa yang secukupnya telah pula dibuat untuk pengajaran bahasa ibunda. Soal pokok ini di sini ialah soal kekurangan guru-guru terlatih. Dari setahun kesetahun Kementerian saya telahpun menambah guru-guru terlatih untuk mengajar bahasa-bahasa tersebut. Semenjak tahun 1970 Kementerian Pelajaran telah melatih seramai lebih kurang 5,000 orang guru yang boleh mengajar bahasa-bahasa ibunda.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang masih cuba memutar-belitkan soal kedudukan sebuah lagi universiti di negara kita ini. Saya faham ke mana arah dan matlamat soal-soalan tersebut. Soalan kedudukan sebuah lagi universiti telah dijelaskan dan saya rasa penjelasan yang telah diberi oleh saya pada 21hb Mac di Dewan baru-baru ini adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, soal Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kanan Kerajaan menghantar anak-anak ke seberang laut juga telahpun dibangkitkan di dalam perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Baling menganggap perbuatan begini menunjukkan seolah-olah Menteri dan pegawai-pegawai ini tidak percaya kepada sistem pelajaran kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal pemilihan tempat belajar adalah terpulang kepada ibubapa atau individu itu sendiri. Kita tidak berniat untuk menghalang hak individu itu. Bagi pihak Kerajaan pula lebih ramai mereka yang mampu menghantar anak keluar negeri adalah lebih menguntungkan kerana di samping memberi peluang kepada yang kurang mampu untuk mendapat peluang belajar yang lebih selesa di negara ini adalah diakui bahawa pelajaran di luar negeri juga memberi peluang kepada anak-anak kita meluaskan pemandangan mereka. Oleh itu, soal kepercayaan atas dasar pelajaran negara tidak timbul kerana dasar tersebut telahpun membuktikan kemampuannya. Contohnya ialah dengan tertubuhnya Universiti Kebangsaan dan penggunaan Bahasa Malaysia

sebagai bahasa utama di pusat-pusat pengajian tinggi tanpa menjejaskan mutu pelajaran di institusi-institusi itu.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga tidak ketinggalan mengkritik Kerajaan di sini. Saya anggap kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang menyatakan bahawa mutu pelajaran di Malaysia telah merusut dengan sendirinya menggalakkan perasaan kurang percaya masyarakat atas mutu pelajaran kita.

Terang-terang saya menyatakan bahawa pihak beliau sendirilah yang sedang berusaha menjalankan proses "erosion of confidence" atau kekurangan kepercayaan ke atas sistem pelajaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pertukaran guru-guru pula saya ingin memberi penjelasan di sini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Baling, Kementerian saya mempunyai pertimbangan-pertimbangan tertentu di dalam menukar seseorang guru. Pertukaran-pertukaran boleh dibuat atas sebab-sebab yang jelas terutama dalam peraturan-peraturan pentadbiran pejabat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menanggung perbelanjaan perpindahan atas permintaan sendiri. Pertukaran hanya dibuat atas sebab-sebab yang menasabah. Walaupun demikian, Kementerian Pelajaran pula pada perinsipnya tidak boleh menerima hakikat supaya seorang guru yang terlatih hanya ditempatkan di kawasan asalnya sendiri. Banyak faktor-faktor lain yang harus diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam pula, Kementerian saya memang berhasrat untuk memberi peluang kepada seberapa ramai calon-calon yang mendapat Grade I untuk melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam. Saya ingin mengambil kesempatan ini menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat, cara pemilihan dibuat untuk menempatkan pelajar-pelajar ke Tingkatan Enam. Untuk memasuki ke Tingkatan Enam, murid-murid mesti mendapat Gred Pertama atau Kedua. Di samping itu, mereka hendaklah mempunyai aggregate tertentu dalam tiga mata pelajaran yang akan diambil di Tingkatan Enam. Ini bererti tidak semua yang mendapat Gred Pertama atau Kedua dengan cara automatik akan mendapat tempat di Tingkatan Enam. Memandangkan masalah kekurangan tempat dan lain-lain, Kementerian saya tidak dapat menerima cadangan Ahli

Yang Berhormat dari Petaling supaya semua murid-murid yang mendapat Gred Pertama ditempatkan di Tingkatan Enam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan masalah adanya murid-murid lembam yang tidak tahu membaca, menulis dan mengira. Saya ingin membuat penjelasan di sini. Sebenarnya belum lagi ada banciaan berperincian yang dijalankan di negara ini bagi menentukan kadar murid-murid yang boleh digolongkan sebagai tidak tahu membaca, menulis dan mengira. Jadi tidaklah wajar dibuat apa-apa kepastian setakat ini.

Di sini suka saya membuat kenyataan bahawa Kementerian Pelajaran telahpun melancarkan satu projek penyelidikan khusus untuk memastikan keadaan sebenarnya di dalam soal kebolehan murid-murid sekolah membaca dan menulis ini. Projek ini telahpun mula dilaksanakan dan peruntukan khas Kementerian sebanyak \$250.00 telahpun dibuat. Adalah dijangka bahawa penyelidikan ini akan dapat diselesaikan dalam jangka masa 6 bulan lagi iaitu pada bulan September 1980. Selain dari itu, Kementerian saya sedang berusaha mengatasi masalah ini selanjutnya dengan mengadakan kelas-kelas pemulihan. Kementerian saya memberikan latihan kepada guru-guru pemulihan untuk mengajar di kelas-kelas tersebut. Bahan-bahan bacaan juga ditambah dan kurikulum di sekolah rendah disusun dengan tujuan memberi tumpuan kepada kebolehan membaca dan menulis murid-murid selaras dengan perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan kemudahan-kemudahan pelajaran pula, pada masa ini Kementerian saya telah mengemukakan anggaran Rancangan Malaysia Keempat. Kemudahan pelajaran di bandar dan di luar bandar akan ditambah dan dibaiki, ini termasuklah untuk asrama-asrama di luar bandar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan yang ada dan juga kemampuan untuk melaksanakan projek-projek adalah terhad dan memerlukan masa. Kemudahan-kemudahan tersebut hanya dapat diadakan berperingkat-peringkat.

Berkaitan dengan pelajaran teknik dan vokesyenal pula, saya ingin mengulaskan pandangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Saya suka mengambil kesempatan untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini di atas rancangan Kerajaan berkaitan dengan pelajaran teknik dan vokesyenal pada masa ini dan rancangan-rancangan untuk masa akan datang:

- (1) Sekolah vokesyenal yang ada pada masa ini berjumlah 29 buah kesemuanya di seluruh Malaysia. Sekolah Menengah Teknik 9 buah dan Politeknik 2 buah.
- (2) Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah meluluskan pembinaan 34 buah Sekolah Vokesyenal Menengah, 5 buah Politeknik.
- (3) Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan akan membuat cadangan untuk membina 12 buah lagi Sekolah Menengah Vokesyenal. Dengan ini jelaslah bahawa hasrat Kementerian saya adalah untuk memperluaskan lagi pelajaran ini.

Laporan Jawatankuasa Kabinet telah memperakukan supaya kurikulum Sekolah Menengah Vokesyenal yang ada sekarang diubah supaya sesuai dengan permintaan yang semakin mendesak sejajar dengan perkembangan perindustrian yang pesat. Adalah diharapkan dengan tercapainya objektif ini negara kita tidak lagi menghadapi masalah kekurangan Ahli teknologi penengahan seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Seremban itu.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah membangkitkan soal kegiatan pelajar di universiti-universiti tempatan dan bagaimana Kerajaan mengadakan sekatan-sekatan di atas aktiviti-aktiviti pelajar. Sayugia dimaklumkan bahawa segala kegiatan pelajar-pelajar universiti adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah tata-tertib universiti-universiti berkenaan. Saya tidak bersetuju kalau dikatakan bahawa sekatan-sekatan itu mengurangkan aktiviti-aktiviti pelajar. Sebaliknya, dalam tempoh masa kaedah-kaedah tata-tertib universiti berkenaan dikuatkuasakan begitu banyak forum, seminar dan aktiviti-aktiviti lain dalam atau luar kampus dianjurkan oleh persatuan-persatuan pelajar telah diadakan. Begitu banyak

juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti-parti Pembangkang termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Baling itu sendiri telah mengambil bahagian di dalam forum-forum dan seminar tersebut dan telah mengambil kesempatan penuh menyelar dan juga mengkritik Kerajaan kami.

Berhubung dengan soal Afghanistan pula, pihak universiti-universiti tempatan sendiri telah mengambil langkah untuk mengaturkan majlis-majlis yang sesuai melibatkan pelajar-pelajar para akademik dan kakitangan universiti untuk mengecam pencerobohan luar di negara Afghanistan. Majlis-majlis tersebut mempunyai tujuan yang sama dari segi matlamatnya dan nampaknya lebih berkesan lagi. Pihak universiti telah mengambil langkah untuk mengharamkan penyertaan orang luar di dalam majlis-majlis tersebut oleh kerana Yang Berhormat Menteri sendiri sangat sedar bahawa dalam suasana yang begitu banyak anasir-anasir luar peringkat nasional dan international telah bersiap sedia menanggung di air keroh di universiti-universiti sebagai kesempatan menimbulkan keadaan cemas. Walau bagaimanapun, pengharaman ini telah pun dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan pula terdapat beberapa sebab mengapa projek-projek pembangunan lewat disiapkan. Antara sebab-sebab tersebut berpunca dari masalah tapak, pemborong lari atas sebab-sebab tertentu dan tawaran semula terpaksa dipelawa. Kekurangan kakitangan di peringkat pelaksanaan dan lain-lain. Kerajaan telah pun mengesan masalah ini dari langkah-langkah jangka pendek dan juga jangka panjang sedang disediakan.

Menyentuh masalah berkaitan dengan masalah Sekolah Rendah Kebangsaan Kota Kuala Muda yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan. Pada asalnya pembinaan bangunan tambahan sekolah rendah ini sepatutnya siap pada bulan Mac tahun ini, tetapi oleh kerana kekurangan bahan binaan kontraktor berkenaan telah tidak dapat menyiapkan pekerjaan dalam jangka waktu yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerjaraya Kedah sedang mengambil tindakan untuk mempercepatkan pembinaannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Pertanian.

6.28 ptg.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan komen, pandangan serta sokongan pada program-program yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian terhadap kaum tani. Sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu menjadi peransang serta inspirasi kepada kami di Kementerian Pertanian untuk berusaha lebih giat lagi bagi memajukan kaum tani dan nelayan. Tugas utama kami di Kementerian Pertanian ialah berusaha meninggikan taraf hidup kaum tani dan nelayan supaya mereka dapat hidup sesuai sebagai seorang rakyat dalam negara yang merdeka dan di samping itu pula menjamin pengeluaran makanan negara. Adalah menjadi hasrat Kerajaan hendak meramaikan lagi jumlah rakyat dalam peringkat middle-class dari semua keturunan dan mengurangkan jumlah rakyat yang miskin atau berpendapatan rendah dari semua keturunan. Memandangkan jumlah kelahiran pada tiap-tiap tahun masih lagi tinggi iaitu hitung panjang 2.7% dan memandangkan jumlah tanah yang terhad, maka adalah menjadi tugas Kementerian Pertanian untuk mengguna dan memajukan sepenuhnya tanah yang sedia ada melalui rancangan-rancangan pembangunan yang disatukan (In situ Development) dengan rangka cropping pattern atau keadaan tanaman begitu rupa supaya bidang tanah itu dapat mengeluarkan hasil dan pendapatan yang tinggi kepada kaum tani dengan menyediakan bantuan bagi berbagai-bagai jenis tanaman. Kementerian Pertanian tidak mengukur pendapatan seseorang kaum tani itu daripada luasnya tanah yang diberi kepada mereka tetapi dari jenis tanaman ataupun ternakan haiwan atau ikan yang boleh memberi hasil dan pendapatan yang tinggi serta menampung satu cara hidup yang menasabah kepada kaum tani dan nelayan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menyambung esok. Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 25hb Mac 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*